

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

---

**Jilid V**

**Bil. 13**

**Rabu**

**28 April 1999**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN.**

(Ruangan)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Ruangan)

**USUL:**

**- Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.**

*- Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad*

(Ruangan)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)

- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruddin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)



- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)

- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,  
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman  
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah  
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
: Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
: Hajah Supiah binti Dewak  
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
- : Mohamed bin Osman  
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
: Shamsina binti Janor
- : Nora'ini binti Hetam  
: Ramlah binti Mohd. Yusuff  
: Miskiah binti Hassan  
: Rosnani binti Ahmad
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
: Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT****Rabu, 28 April 1999****Mesyuarat dimulakan pada 10.00 pagi****DOA***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sebab-sebab yang besar kenapa pelancong-pelancong enggan datang ke Malaysia dan bagaimanakah publisiti kita di luar negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua, di antara sebab-sebab yang besar kenapa pelancong-pelancong enggan datang ke Malaysia ialah:

- (i) laporan negatif media asing mengenai jerebu, air dan wabak penyakit seperti denggi, taun dan Cocksackie;
- (ii) masalah ekonomi serantau dan global;
- (iii) insiden ketegangan politik serantau seperti rusuhan di Indonesia, isu pemindahan Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Tanjong Pagar di Singapura; dan
- (iv) kelembapan ekonomi negara-negara penyumbang utama seperti Jepun, Taiwan, Korea, Hong Kong dan Singapura.

Mengenai publisiti kita di luar negara, imej Malaysia telah terjejas sedikit-sebanyak kerana sebab-sebab di atas. Namun demikian, tindakan telah diambil untuk memperbaiki imej negatif Malaysia melalui pengiklanan di luar negara dengan penekanan mesej secara berterusan bahawa Malaysia adalah sebuah destinasi yang selamat, tiada rusuhan, bukan kawasan medan peperangan dan juga bebas dari jerebu.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam menjawab soalan saya yang sama beberapa minggu yang lalu saya difahamkan bahawa suku tahun pertama bulan Januari dan Februari merupakan pertambahan yang mendadak jumlah pelancong yang datang ke Malaysia. Apakah sebabnya dan adakah ini satu tanda bahawa pemulihan ekonomi Malaysia telah mendorong pelancong-pelancong untuk masuk ke Malaysia?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sebab utama yang kita fikirkan membawa kepada penambahan kedatangan pelancong dalam suku tahun pertama tahun ini, terutama sekali ialah nilai Ringgit Malaysia yang menurun berbanding dengan mata wang negara asing. Keduanya, sesudah kita menjadi tuan rumah Sukan Komanwel yang telah mendapatkan liputan begitu luas di luar negara yang menunjukkan keindahan alam di Malaysia ini, kecantikan Bandaraya Kuala Lumpur itu sendiri. Ini kita akui adalah di antara sebab-sebab yang besar kepada penambahan itu.

Namun, kita juga tahu bahawa keadaan ekonomi di negeri-negeri penyumbang besar kepada kedatangan pelancong pun bertambah baik dan juga usaha-usaha pengiklanan dan promosi yang kita sendiri lakukan. Jadi, kesemuanya ini memberi kesan kepada peningkatan pelancong datang ke negara kita pada suku pertama tahun ini.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sudah menyedari sebab-sebab yang mana pelancong tidak datang ke Malaysia oleh sebab-sebab yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Adakah apa-apa rancangan yang berkesan yang akan dijalankan oleh kementerian seperti mengenal pasti lebih banyak lagi lokasi baru yang berpotensi untuk menarik pelancong dari luar negara dan mendapat kerjasama daripada kementerian yang lain seperti Jabatan Imigresen supaya melicinkan permohonan visa dan lain-lain supaya kita dapat memulihkan keadaan yang mana pelancong-pelancong enggan datang ke Malaysia?



**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah visa dan kalau ada pun perkara-perkara yang berkaitan dengan imigresen, ini kita lakukan semasa angka pelancong-pelancong menurun dahulu lagi. Namun, sesudah kita mengatasi masalah-masalah itu angka pelancong masih juga menurun. Walau bagaimanapun, kita sedar bahawa perkara-perkara yang bersangkutan dengan imigresen memang boleh menjejaskan kedatangan pelancong. Tetapi perkara ini telah dapat kita atasi dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen sendiri. Jadi, pada pendapat kementerian isu imigresen ini bukanlah jadi penghalang kepada kedatangan pelancong-pelancong kerana kita sentiasa menekankan tentang budi bahasa dan layanan 'front liners' kita, bukan sahaja kepada pegawai-pegawai imigresen tetapi semua 'front liners' kita.

Berkenaan dengan produk-produk pelancongan juga kita sentiasa menggalakkan pihak-pihak swasta untuk membangunkan produk-produk ini. Tetapi dalam ataupun semasa negara mengalami kemerosotan dan kegawatan ekonomi kita faham bahawa pihak swasta pun tidak berkemampuan untuk melabur begitu banyak dalam industri ini. Kita sentiasa mengharapkan kerjasama daripada semua pihak, daripada kementerian-kementerian lain dan juga daripada kerajaan tempatan dan kerajaan negeri bagi mempelbagaikan lagi produk-produk pelancongan di negara kita.

*[Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Tiong Thai King (Lanang) tidak hadir]*

3. **Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Diplomatik dan Tadbir dan berapa ramaikah di kalangan mereka itu mempunyai ijazah Ph.D atau doctorate dan berapa ramai daripada mereka ini memegang Ph.D dalam bidang ekonomi.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 1 April 1999 terdapat sejumlah 3,681 pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Daripada jumlah ini seramai 68 pegawai mempunyai kelulusan Ph.D iaitu

termasuk 7 Ph.D dalam bidang Ekonomi dan 11 Ph.D dalam bidang yang ada kaitan dengan Ekonomi.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat di dalam kementerian, perkhidmatan profesional yang mana banyak pegawai pentadbir berkhidmat sebagai pentadbir dalam kementerian tersebut. Persoalannya, mengapa tidak dilatih pegawai-pegawai profesional untuk menjawat jawatan pentadbir tersebut dan dengan ini boleh mengurangkan belanja supaya pegawai-pegawai pentadbir yang luar berkhidmat di perkhidmatan profesional itu seperti doktor, JKR dan sebagainya.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, amalan kita ialah untuk pengkhususan. Oleh itu, pegawai-pegawai tadbir ini digalakkan memahirkan diri mereka di dalam bidang-bidang yang khusus, yang relevan bagi pentadbiran kerajaan. Sesungguhnya, memang ada kursus-kursus yang meningkatkan kemahiran kepada anggota-anggota PTD kita. Saya mempunyai senarainya tetapi saya akan beri kepada Yang Berhormat sebentar nanti. Untuk makluman Yang Berhormat, JPA juga mempunyai dasar latihan untuk mempertingkatkan kemahiran pegawai-pegawai PTD dalam pelbagai bidang dan kursus-kursus yang kita adakan, antaranya ialah kursus perolehan, kursus belanjawan, kursus pengurusan personel, pengurusan strategik, percukaian, pemasaran, perancangan sosial, pembangunan eksekutif dan kepimpinan, kemahiran komunikasi dan perundingan, pemikiran kreatif dan pengurusan krisis (crisis management) dan sebagainya.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, JPA juga memberi galakan kepada pegawai-pegawainya mendapat latihan di pihak swasta. Di antara swasta yang kita galakkan ialah Multinational Corporation (MNC) yang mana melibatkan teknologi-teknologi tinggi dan kita menggalakkan pegawai-pegawai kita berlatih secara sangkutan dengan Multinational Corporation ini.

**Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik adalah tiang seri kepada perkhidmatan awam kita. Kita berasa bangga sistem pentadbiran kita ialah sesuatu yang kita pusakai

daripada zaman kolonial dahulu. Dari masa ke semasa tanggungjawab pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik ini bertambah. Soalan saya, semasa Allahyarham Tun Razak hidup dahulu ada satu cadangan, mengenangkan tanggungjawab Pegawai Tadbir dan Diplomatik ini makin bertambah specialise, dengan izin, ada satu cadangan hendak menubuhkan Perkhidmatan Tadbir Ekonomi supaya perancangan isu-isu ekonomi itu dipertanggungjawabkan kepada satu perkhidmatan yang baru. Jadi, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kerajaan mungkin menimbang semula cadangan yang telah diwujudkan oleh Allahyarham Tun Razak dahulu?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sistem yang ada dan terpakai pada hari ini iaitu satu sistem Jabatan Perkhidmatan Awam adalah sistem yang disatukan, dahulunya ada dua perkhidmatan. Pada anggapan kerajaan sistem ini adalah bresesuaian dengan keadaan kita semasa ini. Namun, kerajaan bersedia menerima sebarang pandangan dan cadangan untuk kita terus meningkatkan perkhidmatan kerajaan khususnya dalam bidang pentadbiran kerana kerajaan beranggapan bahawasanya kerajaan harus mewujudkan satu pentadbiran yang cekap, bersih dan amanah di mana akhirnya rakyat juga yang akan mendapatkan manfaat daripada sistem pemerintahan ini. Kalau sekiranya Yang Berhormat ada cadangan yang khusus dalam apa yang dicadangkan, saya bersedia menerimanya untuk dimajukan kepada pihak kerajaan bagi pertimbangan kerajaan.

4. **Tuan Jawah Anak Gerang [Lubok Antu]** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah wang dalam Tabung Makanan yang telah diagihkan oleh kerajaan dan sama ada kerajaan akan membantu menyelesaikan masalah yang sering dihadapi oleh orang ramai mengenai cagaran apabila ingin memohon bantuan kewangan dari tabung tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan-soalan mengenai Tabung Untuk Makanan, iaitu Yang Berhormat dari Lubok Antu – 28 April 1999, Yang Berhormat dari Baram – 29 April

1999 dan Yang Berhormat dari Beluran – 29 April 1999. Oleh itu, saya mohon keizinan Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan-soalan berkenaan sekali gus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Sejak dilancarkan pada 4 Januari 1993 sehingga 31 Mac 1998, sebanyak 1,851 peminjam bernilai RM533.82 juta telah diluluskan di bawah Tabung Untuk Makanan. Daripada jumlah tersebut, 161 peminjam bernilai RM53.57 juta telah diluluskan bagi melaksanakan projek-projek pertanian dan pengeluaran makanan termasuk yang diproses di Sarawak, manakala 86 peminjam dengan nilai RM42.77 juta telah diluluskan bagi Sabah.

Menyedari kesukaran orang ramai memenuhi syarat-syarat pinjaman Tabung Untuk Makanan, kerajaan telah melonggarkan beberapa syarat pinjaman tabung tersebut yang dikelolakan oleh Bank Pertanian Malaysia. Di bawah skim ini, individu atau kumpulan individu yang melaksanakan projek-projek di bawah kelolaan jabatan atau agensi Kementerian Pertanian boleh meminjam sehingga RM50,000 dengan mengemukakan dua orang penjamin yang boleh diterima oleh Bank Pertanian Malaysia sebagai ganti kepada keperluan cagaran.

Di dalam usaha melaksanakan dana ini, kerajaan menghadapi beberapa masalah termasuk tahap penggunaan Tabung Untuk Makanan yang masih rendah. Ini disebabkan persepsi pelabur-pelabur dan pihak swasta bahawa kegiatan pertanian dan pengeluaran makanan adalah berisiko tinggi kerana ia dipengaruhi juga oleh faktor-faktor yang di luar kawalan seperti cuaca yang sering berubah, harga yang tidak menentu dan pergantungan kepada permintaan dan bekalan hasil-hasil pertanian. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian akan terus berusaha bagi mempromosi dan

menggalakkan lebih ramai pemohon untuk merebut peluang yang disediakan melalui kemudahan pinjaman mudah ini supaya pengeluaran makanan dapat ditingkatkan.

Sejak pinjaman Tabung Untuk Makanan dilaksanakan, ianya berjaya membantu usaha kerajaan untuk mengurangkan pergantungan terhadap import bahan makanan seperti daging dan buah-buahan. Namun demikian, kerajaan masih perlu mengimport bahan makanan terutamanya produk-produk yang tidak sesuai atau tidak ekonomik bagi dihasilkan dalam negara oleh kerana faktor iklim dan sebagainya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang kita tidak boleh menafikan masalah cagaran ataupun jaminan. Orang kampung kalau hendak cari gaji yang RM1,000 sebagai penjamin, susah cari. Kalau ada yang earning RM2,000 dalam satu keluarga tidak payah buat lagi kebun sayur, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, masalahnya di Sarawak ada 1.5 juta ekar tanah adat yang mana tidak mempunyai geran tetapi di dalam sistem tanah adat Sarawak penyerahan boleh dibuat. Bank Pertanian adalah dianggap sebagai Bank Bumiputra boleh menerima penyerahan. Jadi, bolehkah kementerian menyarankan kepada pihak Bank Pertanian supaya menerima serahan ini sebagai satu cagaran yang sah, sebagai ganti kepada jaminan supaya bumiputera-bumiputera yang ingin melabur dalam industri pemakanan tidak menghadapi masalah untuk melabur ataupun memajukan pertanian – masuk dalam industri pemakanan di Sarawak mungkin juga di Sabah. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Sebagaimana yang kita ketahui, kita perlukan cagaran ataupun penjamin bagi menentukan pinjaman yang diperolehi itu pertamanya dapat digunakan mengikut sebagaimana yang telah dipohon, tidak ada penyelewengan.

Yang kedua, kita hendak pastikan supaya kalau berlaku sesuatu maka wang yang dipinjamkan itu dapat diambil balik menerusi cagaran atau penjamin. Oleh kerana tanah adat ini, kita belum begitu memahami, jadi, insya-Allah kementerian akan buat

kajian tetapi walau bagaimanapun terutama sekali dari segi pegangan sama ada boleh dipindah milik atau tidak. Kalau dia tidak boleh dipindah milik kepada orang yang lain, maka ini menyebabkan nilai itu akan jatuh dan ini juga akan menimbulkan masalah kepada peminjam-peminjam.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah kementerian akan membuat kajian yang lebih mendalam.

**Datuk Lim Si Cheng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan apakah jenis tanaman yang diusahakan oleh mereka yang mendapat bantuan daripada tabung ini. Adakah pihak tabung ini menghadapi masalah daripada peminjam yang sepatutnya membayar balik dalam tempoh masa yang tertentu. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Senai. Sehingga ini kita ada 5 kategori yang boleh dipinjam:-

- (i) untuk penternakan - tidak termasuk babi, penternakan ayam, itik, kerbau, lembu dan kambing;
- (ii) penanaman sayur-sayuran - apa saja sayur yang ada di pasaran. Yang kedua, buah-buahan yang juga ada pasaran termasuk durian, limau, manggis, belimbing;
- (iii) perikanan - sama ada perikanan dalam sangkar, kolam ataupun di dalam laut;
- (iv) pemprosesan makanan - untuk diproseskan bahan-bahan makanan dijadikan barang siap;
- (v) untuk memasar dan mengedar - sehingga ini kita telah meluluskan sebanyak RM533.816 juta kepada 1,851 orang.

Jadi, pendek kata kelonggaran itu ada, tinggal lagi ada setengah-setengah peminjam sekarang yang agak berat untuk membuat bayaran mengikut jadual. Ini yang menyebabkan pinjaman-pinjaman pertanian agak menghadapi masalah tetapi setengah-

setengahnya peminjam boleh dikatakan begitu baik tetapi sebahagian kecilnya agak kurang baik.

**5. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes perlucutan kerakyatan setakat ini dan apakah sebab-sebab tindakan tersebut diambil.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, sejumlah rakyat Malaysia yang dilucutkan taraf kewarganegaraan sejak merdeka sehingga 31 Februari 1999 ialah 23,362 orang. Kesalahan yang menyebabkan taraf kewarganegaraan mereka dilucutkan ialah:-

- (i) memperolehi taraf kewarganegaraan dan pasport asing;
- (ii) menggunakan hak kewarganegaraan negara asing;
- (iii) berada di luar negara tanpa melaporkan diri di pejabat consul Malaysia berturut-turut lima tahun dan tidak taat setia kepada negara; dan
- (iv) memberi kenyataan palsu dan pemberian kewarganegaraan atas kesilapan.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah terdapat rayuan daripada mereka yang dilucutkan kerakyatan dan apakah pertimbangan yang diberi. Apakah syarat-syarat untuk diberi kerakyatan seseorang yang datang dari luar negara dan adakah faktor kemanusiaan dan kepakaran juga diambil kira di dalam memberi semula kerakyatan.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, melucutkan warganegara adalah satu perkara yang serius di bawah perlembagaan kita, sebelum seseorang itu dilucutkan warganegaranya, satu jawatankuasa inquiry terlebih dahulu akan menyiasat kes yang tertentu. Apabila sesuatu lucutan telah pun dibuat perkara itu dikira muktamad maka seseorang itu tidak dapat merayu lagi selepas selesainya proses lucut hak itu.

Bagi seseorang bekas warganegara, kalau hendak mohon semula sebagai warganegara beliau mesti terlebih dahulu memohon kepada Menteri Dalam Negeri

untuk mendapatkan kebenaran di bawah Article 18(1) dahulu sebelum seseorang itu boleh memohon semula. Faktor-faktor pertimbangan kerakyatan adalah berdasarkan kepada, apakah sumbangan seseorang itu boleh buat terhadap negara kita. Adakah orang itu mempunyai rekod bersih, mempunyai pertalian kekeluargaan dan sebagainya. Semua faktor itu diambil kira dan masa mereka menetap di sini juga diambil kira.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, antara faktor-faktor perlucutan kerakyatan ialah pemberian maklumat palsu oleh pemohon untuk mendapatkan kerakyatan. Jadi, saya hendak tanya, daripada 23,362 orang ini, berapa ramai rakyat asing yang memberikan pernyataan palsu telah dilucutkan dan setakat ini berapa ramai yang memohon untuk mendapatkan kerakyatan Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuba bagi secara anggaran sahaja. Sepanjang pengetahuan saya 23,000 lebih yang dilucut sebegitu lama kira-kira 42 tahun. Kebanyakan pelucutan itu adalah golongan mereka yang memperolehi kewarganegaraan negara lain ataupun telah meng'exercise' dengan izin, hak di negara lain. Yang memberi kenyataan palsu merupakan satu golongan yang kecil sahaja, angka yang tepat saya tidak dapat beri tetapi bilangannya kecil. Bagi berapa orangkah yang sedang memohon. Buat beberapa tahun ini terutamanya dalam 2 – 3 tahun ini permohonan kewarganegaraan nampaknya aktif kerana ramai mereka yang menetap di sini sejak tahun 60-an sampai sekarang, ada yang menetap sejak tahun 50-an dan sudah lebih yakin untuk datang memohon kerana borang permohonan itu telah pun dimudahkan dan faktor seperti pertalian keluarga, katakan dia ada anak, isteri, sudah begitu lama 30 tahun dan sebagainya. Itu pun boleh dipertimbangkan. Jadi, kira-kira setahu saya, penghujung tahun lepas ada kira-kira 10,000 pemohon sedang diproses.

6. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah beliau telah menubuh sebuah badan bagi mengumpul data jumlah bumiputera yang berada di dalam institusi pengajian tinggi seluruh negara



dan jika ya, apakah rancangan badan itu untuk mengimbangi jumlah bumiputera dengan bukan bumiputera.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sememangnya mempunyai data kemasukan pelajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) termasuk bilangan pelajar bumiputera dan bukan bumiputera yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan dan Kemasukan Pelajar Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan. Kemasukan pelajar ke IPTA adalah berdasarkan kepada kuota 50% bumiputera dan 45% bukan bumiputera.

Kementerian Pendidikan juga sentiasa memantau dan mengumpul data enrollment pelajar di IPTS untuk memastikan kemasukan ke IPTS tidak dimonopoli oleh mana-mana kaum.

**Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak kementerian boleh juga memberi dari segi bidang pula pecahan serta prestasi antara pelajar bumiputera dan bukan bumiputera?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, perangkaan itu ada dan kalau sekiranya Yang Berhormat ingin mendapatkannya, mungkin saya boleh maklumkan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kementerian mempunyai badan untuk mengawasi pelajar bumiputera dan bukan bumiputera tetapi adakah kementerian juga – selain daripada di pusat-pusat pengajian tinggi, kita ada badan penasihat dan sebagainya. Adakah kementerian bercadang untuk mengadakan satu unit untuk memotivasikan anak-anak muda kita, pelajar-pelajar kita ini supaya mereka ini mencintai agama, bangsa dan tanah air. Di samping itu juga, kalau kita ingat balik zaman kita dahulu, kalau kita tengok wayang pun sebelum wayang dimainkan, kita berdiri menghormati lagu 'Negaraku'. Semua berdiri mendengar lagu 'Negaraku' lepas itu baru tengok wayang tetapi sekarang ini sudah tidak ada. Pelajar-pelajar ini tidak mengetahui dan merasai susah payah. Jadi,

mereka kadang-kadang lebih cerdik daripada orang yang cerdik dan tua daripada mereka. Jadi, apakah pihak kementerian akan mengkaji – daripada mengejar kejayaan kita juga perlu mengisi anak-anak ini dengan semangat sayangkan agama, bangsa dan tanah air.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, di tiap-tiap institusi pengajian tinggi awam kita mempunyai seorang Timbalan Naib Canselor untuk hal ehwal pelajar dan kita menggerakkan pelbagai badan dan persatuan yang ada di dalam setiap IPTA terutama sekali dengan pelbagai kegiatan yang menjurus ke arah cintakan negara, berhemah tinggi dan lain-lain. Selain daripada kegiatan-kegiatan yang biasa dibuat itu ada juga pelbagai badan, pertubuhan yang membuat pelbagai kegiatan yang bertujuan untuk merangsang pelajar-pelajar terutama sekali dalam pelbagai bidang sama ada di bidang akademik ataupun di bidang untuk hendak meninggikan kefahaman mereka tentang tatanegara, motivasi tentang pelbagai bidang dengan tujuan dan matlamat supaya mencapai matlamat akhir falsafah pendidikan negara iaitu untuk melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang dalam erti kata mereka itu menguasai ilmu untuk dunia dan juga akhirat.

[Soalan No. 7 - Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran] tidak hadir].

8. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) jumlah peruntukan untuk membina “Earth Satellite Receiving Station” untuk mengutip data cuaca di Mentakab dan bagaimana ia dapat memanfaatkan rakyat dan negara; dan
- (b) sama ada ia akan mendatangkan kesan negatif seperti gangguan pancaran telekomunikasi dan kesihatan rakyat tempatan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) jumlah peruntukan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk pembinaan stesen penerima bumi Data Satellite

Remote Sensing di Temerloh ialah RM72 juta. Pembinaan stesen ini adalah untuk meningkatkan keupayaan negara dalam menerima dan memproses Data Satellite Remote Sensing bagi mencapai objektif berikut:

- (i) pengurusan sumber asli dan alam sekitar;
  - (ii) perancangan strategik negara dengan lebih berkesan;
  - (iii) pengesanan fenomena-fenomena yang melibatkan isu-isu alam sekitar seperti kebakaran hutan dan jerebu;
  - (iv) pengesanan kegiatan-kegiatan haram dan pencerobohan di kawasan-kawasan perlindungan seperti hutan simpan dan kawasan tadahan bekalan air, pembangunan di kawasan bukit, kawasan paya dan sebagainya.
- (b) Pembinaan stesen bumi dirancang dengan kerjasama Jabatan Telekomunikasi Malaysia, sekarang ini dikenali sebagai Suruhanjaya Telekomunikasi dan Multimedia dan pembinaan stesen bumi ini tidak akan mendatangkan kesan negatif seperti gangguan pancaran telekomunikasi dan kesihatan rakyat tempatan.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah jenis talian yang akan diguna untuk menghantar data daripada Mentakab ke Pusat di Kuala Lumpur. Adakah kita akan menggunakan fibre optic, jika ya, sama ada bilangan fibre optic akan ditambah supaya masyarakat industri, masyarakat peniaga dan rakyat jelata sama-sama boleh menikmati infrastruktur tersebut.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, selepas dibuat kajian di seluruh negara, maka inilah tempat yang sesuai untuk diletakkan satelit ini kerana kecanggihan operasinya. Jadi, kalau hendak letak di Kuala Lumpur, macam-macam masalah akan timbul dan tempat-tempat yang sesuai tidak ada. Ini perkara yang baru, yang canggih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan berapa luas tanah yang diperlukan untuk stesen seumpama ini. adakah pihak kementerian mencadangkan bukan sahaja mengadakan di Temerloh, bahkan juga di tempat-tempat yang lain supaya stesen-stesen boleh berfungsi dengan berkesan untuk negara ini.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong – the interest that you've shown, dengan izin. Luas kawasannya 100 ekar, 25 hektar dan bangunan propertinya 20 ekar, di tempat yang sesuai and we cannot get this in Kepong. *[Ketawa]*

**9. Puan Sukinam Domo [Batang Sadong]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan perkembangan terkini program Rakan Muda, iaitu dari aspek kesannya, bilangan penyertaan, jumlah aktiviti dibandingkan dengan kesan aktiviti itu terhadap remaja berkenaan dan kos pengurusan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Disember 1998, Urusetia Program Rakan Muda, Kementerian Belia dan Sukan telah merekodkan sebanyak 26,000 aktiviti gaya hidup Rakan Muda yang melibatkan 2.3 juta penyertaan anak-anak muda di pelbagai peringkat pelaksanaan di seluruh negara. Perangkaan ini tidak termasuk perangkaan Program Rakan Muda Ramadhan 1419 Hijrah yang berakhir pada pertengahan Januari 1999. Semakan awal prestasi program ini mendapati 160,000 penyertaan melibatkan 3,820 aktiviti telah berlaku di lebih kurang 1,000 masjid dan surau di seluruh negara. Di samping itu, lebih kurang 3,200 aktiviti telah dijalankan oleh pelbagai agensi seperti majlis perbandaran, swasta dan agensi-agensi kerajaan yang melibatkan penyertaan lebih kurang 80,000 orang anak muda.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti-aktiviti yang dijalankan telah berjaya menghindarkan sebahagian besar remaja dan anak-anak muda dari terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat. Bagaimanapun, usaha membudayakan hidup Rakan Muda kepada anak-anak perlu dipertingkatkan lagi bagi menambahkan penyertaan dengan

memperbanyak lagi bilangan aktiviti. Dari segi perbelanjaan melaksanakan program ini, sejumlah RM10,100,000 telah dibelanjakan pada tahun 1998 dan sejumlah RM11,500,000 telah diperuntukkan untuk tahun 1999.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Selain daripada kenyataan yang telah diberi oleh Yang Berhormat tadi, tentang rancangan Rakan Muda, apakah langkah kementerian pula tentang persatuan-persatuan belia berselerak di seluruh negara yang tidak bergerak dan tidak ada panduan untuk mereka menjalankan aktiviti. Terima kasih.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian telah pun memberi peruntukan terutamanya kepada persatuan-persatuan ini untuk menggerakkan aktiviti mereka bukan hanya di peringkat kebangsaan tetapi di peringkat mukim-mukim dan daerah-daerah. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan di sini bahawa tugas utama untuk menjanakan kembali aktiviti-aktiviti ini di kalangan persatuan-persatuan terletak kepada pemimpin-pemimpin persatuan, bukan hanya tanggungjawab ini dibebankan oleh Kementerian Belia dan Sukan sahaja tetapi marilah kita semua, kementerian, pemimpin dan juga ahli-ahli persatuan memberi semangat baru kepada pergerakan belia di negara ini.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Mengapakah sejak akhir-akhir ini tidak ada lagi promosi iklan tentang Rakan Muda, sedangkan golongan muda masih belum mengetahui dan faham tentang Rakan Muda khususnya di Sabah dan Sarawak. Sekian.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, program Rakan Muda ini bukan program yang baru, kita telah menjalankan beberapa tahun, saya rasa kita tidak sepatutnya membazirkan wang untuk mengiklankan lagi program Rakan Muda. Saya rasa semua rakyat Malaysia ini tahu apa dia program Rakan Muda? Jadi, sesiapa sahaja yang berminat untuk melibatkan diri dalam program Rakan Muda ini, silalah hubungi pegawai-pegawai belia di daerah-daerah dan kalau tidak, terus ke

Jabatan Belia dan Sukan di peringkat negeri dan kalau itu pun tidak mencukupi bolehlah menghubungi kami di Kementerian Belia dan Sukan.

10. **Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) sejauh manakah kementerian sudah bersedia untuk menjadikan Malaysia sebagai tuan rumah Olimpik 2008. Berapakah peruntukan yang diperlukan untuk usaha promosi (melobi) dan jika berjaya, berapakah kos pengendaliannya; dan
- (b) apakah permasalahan yang dijangka akan timbul jika Malaysia berkempen untuk menjadi tuan rumah kejohanan tersebut.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Belia dan Sukan kini dalam proses merancang untuk menjadikan Malaysia sebagai tuan rumah Sukan Olimpik 2008. Pada masa ini kementerian masih lagi menunggu garis panduan penawaran dari International Olympic Committee yang memegang hak Sukan Olimpik. Sebuah jawatankuasa penawaran telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dan sedang merangka strategi dan merancang program bagi usaha penawaran ini.

Sementara itu, kita sedang mengaudit kemudahan-kemudahan sukan dan lain-lain kemudahan yang diperlukan bagi menganjur Sukan Olimpik supaya kita dapat mengetahui implikasi kewangan dan sumber manusia yang terlibat bagi menjayakan penawaran ini. Setakat ini anggaran sebenar bagi kos melobi belum lagi diketahui.

- (b) Permasalahan yang dijangka timbul jika Malaysia kempen untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik ialah persaingan hebat daripada bandar raya lain termasuk dari Asia iaitu Beijing, Osaka dan Bangkok. Malaysia juga akan menghadapi persaingan hebat dari bandar raya lain seperti Paris, Toronto dan sebagainya. Oleh sebab Malaysia buat

pertama kali menawarkan diri maka tentulah persaingan lebih sengit dengan kota raya-kota raya lain yang pernah menawarkan diri tetapi tidak berjaya, contohnya Beijing yang tewas kepada kota raya Sidney untuk Olimpik Tahun 2000 hanya dengan dua mata undi sahaja. Kita menjangka Beijing akan menjadi pesaing utama lebih-lebih lagi disebabkan secara tradisinya kali ini iaitu untuk tahun 2008, ia adalah giliran untuk benua Asia.

Namum begitu, dari segi strategi langkah Malaysia adalah tepat dari segi jangka panjangnya kerana walaupun persaingan sengit kita akan dapat menimba pengalaman yang luas bagi memastikan satu hari, Insya-Allah, Malaysia akan berjaya menjadi tuan rumah bagi Sukan Olimpik.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, dari prestasi yang diperlihatkan dalam Sukan Komanwel baru-baru ini, Malaysia mendapat pujian seluruh dunia terutamanya dari negara Komanwel. Adakah kemudahan yang sedia ada mencukupi untuk kita bersiap sedia bagi menganjurkan Sukan Olimpik jika proses pengauditan sekarang ini selesai dilaksanakan oleh pihak kementerian.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya kemudahan-kemudahan terutamanya fasilitis sukan memang memadai. Walau bagaimanapun, jika Malaysia menang di dalam tawaran ini, saya difahamkan bahawa pihak kerajaan Malaysia akan meningkatkan lagi fasilitis dan infrastruktur sukan yang ada di negara ini supaya kita dapat menjadi tuan rumah yang terbaik untuk Sukan Olimpik yang akan dihoskan oleh Malaysia.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apabila beberapa ahli-ahli daripada Olympic Council meletak jawatan adalah tuduhan-tuduhan daripada Eropah menyatakan ini adalah political play yang dibuat oleh pihak Amerika, oleh kerana Amerika hendak menguasai badan Olimpik. Jadi kalau kita lihat politiknya Amerika dengan China, kalau Amerika hendak mendekatkan

diri dengan China, makna China akan dapat peluang jauh lebih baik daripada benua Asia yang lain. Jadi, soalan saya apakah pendekatan kita dengan Amerika supaya peluang kita sama dengan peluang China mendapat tempat untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik?

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita tidak ada pendekatan terperinci untuk Amerika malah kita di kementerian percaya dengan kekuatan kita sendiri, bahawa Malaysia sebagai satu negara yang membangun dan mempunyai infrastruktur sukan yang terbaik bukan hanya di benua Asia tetapi di dunia. Kita mempunyai kekuatan kita sendiri, Insya-Allah, dengan sokongan rakyat kita akan dapat menang untuk menjadi hos. Jadi saya rasa soal pembabitan Amerika atau mana-mana negara dengan International Olympic Committee tidak menjadi persoalan langsung. Malah kita harus melihat tentang kekuatan negara kita yang ada pada Malaysia dan rakyatnya.

11. **Tuan Tan Kok Wai (Cheras)** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai Menteri Kabinet, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Menteri Besar/Ketua Menteri, Anggota Exco Negeri yang sedang disiasat oleh BPR atas kesalahan rasuah dan salah guna kuasa atau mendapat faedah dari kedudukan jawatan, bilangan aduan terhadap kakitangan dan orang awam atas kesalahan yang sama sepanjang 1997 dan 1998.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, antara tahun 1997–1998 seorang Menteri Kabinet, tiga orang Menteri Besar/Ketua Menteri dan sepuluh Ahli Exco telah disiasat oleh BPR. Daripada jumlah ini hanya enam kes sahaja yang telah dapat diselesaikan dan lapan kes lagi masih dalam siasatan BPR. Daripada semua kes selesai disiasat terdapat dua kes yang telah diambil tindakan pendakwaan di mahkamah manakala empat kes lagi telah ditutup kerana kekurangan keterangan atau ketiadaan bukti.

Di antara 1997-1998 terdapat 19,520 maklumat yang terlibat yang melibatkan berbagai pihak seperti berikut:

**Kumpulan**

**Bil. Maklumat**

**1997**

**1998**



Jabatan kerajaan/Badan berkanun	7,631	7,065
Anggota Pentadbiran/Politik	299	300
Orang Awam/swasta	1,872	1,798
Pertubuhan Awam	285	270
<b>Jumlah Besar:</b>		<b>19,520</b>

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung satu senarai kekayaan yang didapati dari Internet di mana ramai ahli keluarga Perdana Menteri dan kroni-kroninya khasnya ahli-ahli Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri di sana [*Diganggu*] yang didakwa mempunyai simpanan wang yang besar dan luar biasa di bank-bank luar negeri. Apakah tindakan yang diambil oleh BPR setakat ini untuk menyiasat dan menentukan sejauh manakah tuduhan-tuduhan itu adalah benar atau tidak? Dan saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen mengapakah begitu lama BPR mengambil masa untuk menyiasat kes-kes yang dijawab oleh Yang Berhormat tadi dan siapakah Menteri-menteri dan Timbalan Menteri dan ahli-ahli Exco yang terlibat dalam siasatan? Saya minta mereka disenaraikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Dato' Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak menyarankan Yang Berhormat supaya mengambil laporan Internet itu dan buat laporan sendiri kerana mengikut Akta Pencegah Rasuah 1997, pelapor mesti menandatangani sesuatu laporan. Jadi kalau sudah yakin bawalah semua itu ke BPR dan insya-Allah, BPR akan siasat tetapi kalau Internet, Internet pun melakukan pembohongan maka BPR tidak akan menyiasat kes-kes berikut kerana kita dapati nombor pasport diplomatiknya pun tidak betul. Tidak betul pun yang disiarkan dalam Internet. Kelambatan siasatan sudah pasti kerana BPR terpaksa mengumpulkan segala maklumat-maklumat perlu untuk mendakwa seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, pendakwaan yang dilakukan ini adalah melibatkan maruah, mertabat seseorang. Sudah pasti kita memerlukan kenyataan-kenyataan yang

jasas, terang untuk mendakwa seseorang itu di mahkamah kerana kes rasuah. Saya tidak akan menyebutkan nama-nama menteri dan ahli Exco yang disiasat kecuali yang telah dibawa ke mahkamah kerana ini akan menjejaskan maruah dan martabat mereka.

**12. Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah sasaran dan rancangan Kementerian untuk membina rumah pangsa dan rumah murah untuk disewa atau dijual kepada rakyat berpendapatan rendah di seluruh negara menjelang tahun 2005.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, sasaran pembinaan rumah kos rendah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah sebanyak 250,000 unit. Sasaran pembinaan rumah kos rendah sehingga tahun 2005 akan dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan nanti. Pelbagai langkah diambil oleh kerajaan bagi menambahkan bekalan rumah kos rendah, diantaranya melalui dana perumahan RM600 juta sedang dibina sebanyak 14,671 unit rumah kos rendah.

Bagi golongan berpendapatan rendah yang tidak mampu membeli rumah, satu program khas membina 35,000 unit rumah di Lembah Kelang dan 75,000 unit di seluruh negara untuk disewakan sedang dilaksanakan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk memohon rumah murah ataupun rumah pangsa ini memang ada satu cadangan supaya tiap-tiap negeri menyediakan sistem on-line untuk menentukan atau memastikan supaya pemohon mendapat rumah murah bagi satu negeri tidak akan dapat satu lagi rumah di lain negeri. Jadi, saya ingin tahu berapa negeri telah pun mengadakan sistem on-line ini.

Mengenai jumlah rumah yang akan dibina, kalau tidak silap saya tadi saya dengar 250,000 unit akan dibina dalam tempoh lima atau enam tahun ini. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini waiting list, pemohon-pemohon yang sedang menunggu adalah berapa ramai dan adakah 250,000 unit ini akan cukup untuk menampung keperluan pemohon-pemohon antara lima atau enam tahun ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Cadangan untuk mengadakan sistem on-line adalah satu cadangan yang sedang kita cuba usahakan. Buat masa sekarang walaupun setiap negeri sudah ada sistem pendaftaran komputer terbuka tetapi kita belum dapat melaksanakan sistem on-line itu lagi. Kita harapkan semua negeri yang mempunyai sistem pendaftaran terbuka melalui komputer itu kita akan cuba membuatkan link daripada sistem mereka dan apabila ada link itu baru kita dapat ada satu sistem pendaftaran secara on-line. Kita harap dapat dilaksanakan sistem ini di masa akan datang.

Mengenai jumlah waiting list yang sedia ada, saya tidak ada angka di sini dan saya akan cuba dapatkan daripada negeri-negeri berkenaan dan bila dapat angka itu saya akan serahkan kepada Yang Berhormat tadi.

Mengenai sama ada 250,000 unit itu memadai untuk permohonan daripada semua negeri, buat masa sekarang kita rasa angka ini cukuplah untuk masa depan iaitu dalam Rancangan Malaysia Ketujuh walaupun dalam Rancangan Malaysia Kelapan kita rasa akan bertambah jumlah angka itu.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terdapat banyak rungutan diterima daripada penghuni-penghuni rumah-rumah pangsa atau rumah-rumah kos rendah bahawa unit-unit mereka dibina dengan kualiti yang kurang memuaskan dari segi kemudahan atau kualiti pembinaan kerja, dengan izin, shoddy workmanship, apakah tindakan akan diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memastikan unit-unit dibekal dengan kualiti yang memuaskan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya, memang betul-tulah Yang Berhormat. Dari jumlah aduan yang diterima oleh kementerian ini sebahagian besar ialah aduan mengenai kecacatan mutu kerja dan sebab itu kementerian memang sedang mengadakan pasukan-pasukan pegawai untuk menyiasat setiap aduan yang kita terima dan apabila kita memastikan jikalau sesuatu pemaju itu yang degil yang selalu membuatkan masalah ini kita akan menyenarai hitam namanya di dalam proses

pengurusan untuk mendapatkan lesen dan sebagainya di masa akan datang. Ini adalah satu langkah yang saya rasa kita dapat memberikan amaran kepada pihak pemaju supaya mereka akan lebih cekap dari pengawasan kontraktor-kontraktor di bawahnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Wan Junaidi.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyebut nombor soalan ini, saya suka memaklumkan bahawa saya ada mengendali beberapa kes berhubung dengan liquidation syarikat ini.

**13. Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah kedudukan pembubaran (liquidation) syarikat SEG Insurance Sdn. Bhd. (78V/32) yang didapati 'bankrap' pada tahun 1988 dan bilakah pembayaran kepada kreditor, berasaskan jumlah yang telah disetujui, boleh diselesaikan. Kenapakah pembubaran ini memakan masa terlampau lama.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, pada 10 Julai 1989 SEG Insurance Sdn. Bhd. menjadi tidak solvent apabila mengalami kerugian yang besar dan terpaksa dibubarkan setelah tuntutan dan jaminan kewangan yang dikeluarkan yang tidak dapat dipenuhi. Bank Negara Malaysia telah melantik Encik Abdul Samad Haji Alias dari Tetuan Samad and Co. sebagai pelikuidasi SEG. Tuntutan-tuntutan mandatori kecederaan dari pihak ketiga dan pampasan pekerja telah dibayar daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insuran (KWSJI).

Sehingga 31 Disember 1998, sebanyak 1,294 tuntutan berjumlah RM21.5 juta telah dikemukakan kepada SEG dan 1,210 tuntutan iaitu kira-kira 94% berjumlah RM11.3 telah diselesaikan. Proses likuidasi SEG hanya boleh dimuktamadkan apabila pelikuidasi SEG selesai merealisasikan semua aset SEG bagi tujuan pembayaran dan pengagihan dividen. Pihak pelikuidasi masih lagi menunggu jawapan bagi baki borang tuntutan 84 yang berjumlah kira-kira RM62,000 yang telah dikeluarkan oleh SEG dan menjangkakan akan dapat diselesaikan menjelang pertengahan tahun 1999. Sekiranya ini berlaku, pembayaran dividen akhir akan dilaksanakan menjelang akhir tahun 1999.

**14. Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar bahawa projek-projek kerajaan yang lewat disiapkan atau terkandas disebabkan projek-projek tersebut sering disubkontrak kepada kontraktor-kontraktor kecil yang menyebabkan kos pembinaan meningkat dan menghadapi risiko projek-projek tergendala atau terkandas.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kelewatan atau terkandasnya sesuatu projek boleh berpunca dari pelbagai faktor termasuk kelemahan dalam pengurusan syarikat, kedudukan kewangan syarikat yang lemah, syarikat mempunyai banyak projek dalam satu-satu masa dan sebagainya. Kelewatan juga boleh berpunca dari masalah di luar jangka seperti hujan yang berlebihan, masalah kandungan dalam tanah yang memerlukan ujian kandungan tanah dan sebagainya. Adalah sukar untuk menyatakan satu-satu faktor tertentu sahaja yang boleh membawa kepada tergendalanya satu-satu projek.

**15. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman [Sungei Benut]** minta Menteri kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) bilangan Taman Tema yang telah ditubuhkan di Malaysia sehingga kini dan apakah program untuk membangunkan lebih banyak lagi Taman Tema pada masa akan datang; dan
- (b) sejauh manakah kejayaan dan prestasi sambutan oleh pelancong dalam dan luar negeri bagi mengunjung ke taman tersebut dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menarik lebih ramai pengunjung.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga kini terdapat lapan buah Taman Tema yang telah beroperasi di Malaysia. Bagi menggalakkan pembangunan projek Taman Tema yang

baru pada masa ini dan masa akan datang, kerajaan menyediakan pelbagai galakan termasuk:

- (i) pengecualian cukai kastam dan cukai jualan ke atas pengimportan peralatan dan kelengkapan Taman Tema; dan
  - (ii) pengecualian daripada cukai pendapatan dalam taraf perintis dan elaun cukai pelaburan bagi syarikat-syarikat yang membangunkan Taman Tema dengan kos RM10 juta ke atas, tidak termasuk kos tanah. Galakan ini telah disambut baik oleh para pengusaha Taman Tema jika dilihat dari segi jumlah pendaftaran projek tersebut dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.
- (b) Berdasarkan maklum balas yang diterima dari pihak industri Taman Tema, sambutan orang ramai terutamanya para pelancong ke Taman Tema adalah menggalakkan. Dua buah syarikat gergasi Taman Tema yang sedang beroperasi di Pahang dan Petaling Jaya, Selangor telah mencatatkan ketibaan lebih daripada satu juta pengunjung pada tahun 1997 dan 1998. Jumlah pendapatan dari hasil jualan tiket adalah melebihi RM20 juta setahun. Dari tinjauan yang dibuat 80% daripada jumlah pengunjung taman tersebut terdiri dari pelancong tempatan dan hanya 20% terdiri daripada pelancong asing. Taman-taman Tema yang menyediakan kemudahan Water Park, dengan izin, mencatatkan jumlah pengunjung di antara 200,000 hingga 350,000 setahun dan para pengunjung asing merupakan antara 5% hingga 10% dari jumlah tersebut.

Pada masa ini usaha-usaha promosi Taman Tema adalah dilakukan oleh pihak industri sendiri melalui iklan-iklan di media masa serta melalui papan-papan iklan. Walau bagaimanapun, kementerian ini ada menyediakan galakan di dalam bentuk potongan cukai ke atas perbelanjaan oleh syarikat-syarikat bagi menjalankan usaha promosi pelancongan di luar negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 2, 7 dan 16 hingga 37 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KEISTIMEWAAN DIPLOMATIK (KONVENSYEN VIENNA) (PINDAAN) 1999**

##### **Bacan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Luar Negeri; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat yang akan datang.

#### **RANG UNDANG-UNDANG HUBUNGAN KONSULAR (KONVENSYEN VIENNA) (PINDAAN) 1999**

##### **Bacan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Undang-Undang Mengenai Hubungan Konsular bagi memberikan kuatkuasa kepada Konvensyen Vienna mengenai hubungan kaunselor yang ditandatangani dalam tahun 1993 dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Luar Negeri; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat yang akan datang.

USUL**KAJIAN SEPARUH PENGGAL  
RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

**menyedari** pertumbuhan ekonomi dan pencapaian matlamat sosioekonomi secara keseluruhan adalah membanggakan dalam tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh walaupun prestasi ekonomi kurang memuaskan pada tahun 1998 berikutan krisis kewangan serantau;

**mengambil maklum dan merestui** usaha Kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama, selaras dengan matlamat yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

**melulus dan mengesahkan** Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai hasrat dan matlamat Dasar Pembangunan Nasional seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 8 Tahun 1999;

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan yang mulia ini menyeru semua rakyat Malaysia berusaha lebih gigih dan penuh keazaman ke arah matlamat membina satu bangsa yang adil, bersatu padu, maju, berdaya saing serta mempunyai tahap ketahanan yang tinggi selaras dengan cita-cita untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

*[27April 1999]*



**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mohon Yang Berhormat dari Kepong menyambung ucapan.

**11.10 pagi.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada sebutkan mengenai kedudukan perbankan di negara ini berbanding dengan negara-negara yang lain. Saya bercadang supaya kita membandingkan kedudukan perbankan negara ini dengan negara yang mempunyai kedudukan perbankan yang lebih baik seperti Singapura dan Taiwan. Saya mencadangkan supaya kita di negara ini mengumumkan NPL setiap bank, setiap bulan atau setiap tiga bulan.

Tuan Yang di-Pertua, Danaharta dan Danamodal adalah untuk menyelesaikan NPL dan modal bank-bank di negara ini. Sehingga 31 Disember 1998, Danaharta memperolehi NPL kasar berjumlah RM8.1 bilion dan mengurus bagi pihak Bank Negara Malaysia (BNM), NPL kasar sebanyak RM11.6 bilion. BNM juga menganggarkan sebanyak RM16 bilion untuk menyuntik modal kepada bank-bank.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya berharap Danaharta, Danamodal serta Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) dapat memainkan peranan yang berkesan, saya masih khawatir bagaimana bank-bank boleh diselamatkan dengan efektif. Walaupun kita tidak nampak bank-bank bankrap tetapi pengurusannya tidak seperti yang diharapkan. Semua bank mempunyai NPL, Tuan Yang di-Pertua, yang paling teruk ialah seperti Sime Bank, sekarang Rashid Hussein Bank (RHB) dan Bank Bumiputra. Pinjaman-pinjaman telah diberikan tanpa mengira kriteria yang telah pun ditetapkannya. Kriteria dan standard dan prosedur memang ada tetapi kadang-kadang tidak diikuti, ini boleh disebutkan sebagai pinjaman pintu belakang.

Sekarang Danaharta membeli 50% atau 60% NPL dari bank-bank tetapi bank-bank ini tidak akan dibayar sehingga lima tahun kemudian. Jika NPL dimansuhkan sama sekali, bank-bank memang bankrap, setelah 50% atau 60% NPL dibeli oleh Danaharta, mereka masih boleh dianggap muflis dalam tempoh lima tahun ini kerana tidak ada wang yang disuntik masuk, tidak ada wang tunai langsung. Sebenarnya pembelian NPL ini adalah untuk membantu aliran mudah tunai bank-bank (cash flows), kalau inilah matlamatnya kerajaan hendaklah mencari wang untuk membayar

kepada bank-bank ini dengan lebih awal. Jangan kita tunggu sampai lima tahun kemudian, kalau tidak ada wang, itulah punca masalahnya. Setakat itu menurunkan Base Lending Rate (BLR) adalah tidak mencukupi.

Kerajaan mahu mengeluarkan bon-bon, yang ini memang satu caranya untuk mendapatkan wang dari luar negara. Setakat ini, lebih 60% pinjamannya untuk negara ialah dari Jepun dan bakinya dari Bank Dunia dan sebagainya. Jumlah yang dipinjam tidak cukup untuk membayar kepada bank-bank kerana pinjaman itu mungkin tidak begitu ketara dan kita pun tidak tahu setakat mana kerajaan berjaya mendapat wang daripada pasaran luar.

Nampaknya Solomon Smith dan Barney, Credit Suisse dan J. Morgan mungkin berminat dengan bon-bon Malaysia. Saya mengesyorkan supaya kerajaan mengumumkan keadaan pengeluaran bon-bon, jumlah pinjaman antarabangsa dan pelaburan langsung asing, foreign direct investment (FDI) pengaliran masuk modal ke negara ini adalah sangat penting asalkan syarat-syarat kemasukannya tidak menjejaskan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, lebihan imbalan perdagangan dan modal tempatan dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), PERKESO, Petronas, Tabung Haji dan sebagainya telah digunakan untuk menampung keperluan semasa. Kita tidak mengetahui jumlah wang tempatan ini yang telah dikeluarkan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat dan projek-projek dan syarat-syarat wang ini dikeluarkan. Butiran pengeluaran daripada dana-dana KWSP, PERKESO, Petronas, Tabung Haji dan sebagainya mestilah diumumkan untuk pengetahuan awam. Dan kita setakat mendapatkan wang dana tempatan memang tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah ekonomi negara.

Walaupun kerajaan telah berkali-kali mendesak betapa pentingnya gabungan dilakukan untuk bank-bank, syarikat-syarikat kewangan dan insurans tetapi hakikatnya gabungan seumpama ini tidak begitu ketara. Setelah mengalami kerugian yang dahsyat Sime Bank telah digabung dengan RHB. dengan keputusan yang muktamad

Sime Darby tidak lagi mahu menanggung penyelewengan dan kerugian di Sime Bank. Bank Buimputra akan digabungkan dengan sebuah bank komersial. Keadaan sebenarnya mengenai dwi kes ini belum diketahui. Sekiranya pengurusan dan NPL kedua-dua atau ketiga-tiga bank itu tidak baik setelah mereka bergabung permasalahannya akan berlipat ganda, kerana ada NPL bank-bank, ada pengurusan yang tidak begitu cekap dan kita gabungkan maka permasalahan berlipat ganda. Oleh itu saya mencadangkan supaya satu kertas putih dibentangkan di Dewan yang mulia ini tentang pergabungan bank-bank, syarikat-syarikat kewangan dan insurans.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1999 peruntukan bagi pendidikan ialah lebih daripada RM12 bilion. Jika peruntukan ini boleh digunakan dengan baik maka kes ini adalah ke arah yang betul. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh RM15.8 bilion telah diperuntukkan bagi pendidikan dan latihan. 80% daripadanya ialah untuk pendidikan bagi akhir tempoh rancangan RM6 bilion akan dibelanjakan untuk pendidikan. Kita perlu menumpukan lebih perhatian kepada pendidikan di semua peringkat untuk melahirkan tenaga manusia berkemahiran tinggi dan terlatih. Tekanan ke atas kemahiran di semua bidang harus sentiasa diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan teknologi maklumat IT, Agenda Teknologi Maklumat Negara (NITA), serta Corridor Raya Multimedia (MSC), ini memang satu cara yang baik, rancangan memang begitu baik, kita mesti sokong MSC. RM3 bilion diperuntukkan bagi pembangunan IT, akhir rancangan, jangan kita menggunakan wang ini untuk membina monumen, tugu peringatan sahaja. Saya mengesyorkan supaya pelaburan diadakan untuk mewujudkan tenaga mahir dan pemindahan IT sahaja. Orang-orang Malaysia memang boleh, sementara itu sambil belajar kita mesti mengakui negara-negara seperti Amerika Syarikat adalah jauh lebih maju dalam bidang IT, dan setakat ini walaupun ada orang yang bercita-cita besar yang menubuhkan syarikat-syarikat yang besar tetapi kerana kita tidak ada tenaga-tenaga yang mahir maka kita tidak boleh menggunakan konsep MSC ini dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita lihat negara seperti Amerika Syarikat, tenaga mahir, saintis, ahli teknologi daripada Malaysia, daripada Singapura, daripada India, daripada China dan daripada seluruh dunia yang bekerja di Amerika Syarikat. Sebab itulah kemahiran mereka, IT mereka maju. Di sini saya berharaplah kerajaan mesti mengambil kira jangan kita menumpu perhatian kepada monumen sahaja bahkan kita menumpukan kepada bagaimana kita dapat kemahiran ini.

*Asap api bergulung-gulung;  
anak buaya terlampai-lampai;  
hajat hati nak peluk gunung;  
apakan daya tangan tak sampai.*

Pantun serbaneka.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, eksport makanan meningkat sebanyak 7.8%, ‘batang terlupar’ jangan bising, [Ketawa] - eksport makanan meningkat sebanyak 7.8% setahun daripada RM4.5 bilion pada tahun 1995 kepada RM5.7 bilion pada tahun 1998 manakala import pula meningkat sebanyak 8% daripada RM7.9 bilion kepada RM9.9 bilion dalam tempoh yang sama. Import makanan yang utama, Tuan Yang di-Pertua, merangkumi makanan keperluan seperti gandum, keluaran tenusu, ubi kentang, bawang dan buah-buahan yang tidak ditanam dalam negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung. Masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya akan gulung. Untuk mengurangkan pertambahan jurang imbalan perdagangan ini kita haruslah mengkaji semula secara menyeluruh mengenai industri makanan, di dalam buah-buahan, daging ayam, itik dan telur di negara ini adalah lebih efisien. Sebelum wabak virus Encephalitis daging khinzir boleh dieksport, sekarang industri khinzir telah lumpuh, oleh itu selain daripada

kajian semula industri makanan, industri daging khinzir hendaklah dibangunkan semula secara teratur, secara moden tanpa mengorbankan ladang-ladang yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini hendak menekankan sekali lagi bahawa kita mestilah menumpukan perhatian untuk mendapatkan tenaga mahir untuk menumpukan perhatian yang lebih kepada pendidikan di negara ini daripada semua peringkat, semua aspek supaya kita dapat rakyat Malaysia yang benar-benar berpendidikan dan benar-benar mempunyai kemahiran. Di sini saya mengakhiri dengan:

*Buat bangsal di pulau daik;  
menahan taut sambil mengilau;  
kalau asal benih yang baik;  
jatuh ke laut menjadi pulau.*

Juga pantun serbaneka. Sekian, terima kasih.

**Seorang Ahli:** Jadi Mat Kilau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Santubong.

**11.18 pagi**

**Puan Rohani binti Haji Abd. Karim [Santubong]:** terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut mengambil bahagian dalam membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh bagi tahun 1996 sehingga 2000. Memang benar bahawa negara kita telah melihat satu pertumbuhan yang pesat dalam tempoh tiga tahun pertama, dan selepas itu kita telah mengalami kemerosotan yang amat membimbangkan pada tahun 1998. Syukur alhamdulillah dengan usaha yang gigih serta bersatu padu untuk mencapai Wawasan 2020 yang semua kita dukung, pada tahun ini telah menunjukkan pertumbuhan yang positif dalam ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh berkaitan pelancongan. Memang kita semua setuju dengan cadangan kerajaan supaya akan terus memajukan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik dan berdaya saing di rantau ini serta menyelaraskan promosi dan mengembangkan industri pelancongan dengan pihak hotel, syarikat penerbangan, ejen pelancongan dan penglibatan dengan Lembaga

Penggalakan Pelancongan Malaysia. Produk unik dan istimewa Malaysia adalah ecotourism, dengan izin, adventure tourism dan penganjuran sukan secara besar-besaran dan bertaraf antarabangsa. Bagi Sarawak, kerajaan negeri telah mengambil langkah besar-besaran untuk memajukan sektor pelancongan oleh kerana potensi yang amat ketara, khasnya dalam ecotourism dan adventure tourism serta alam semula jadi yang masih terdapat dengan luasnya di Sarawak. Tetapi satu masalah yang dihadapi dan sering dibawa ke Dewan yang mulia ini adalah masalah accessibility ke Sarawak.

Sarawak adalah di atas sebuah pulau dan memang sistem jalanannya dalam proses diperbaiki untuk memudahkan komunikasi melalui jalan darat. Memang diakui juga ada kemasukan pelancong daripada negara Brunei dan Kalimantan, tetapi ada batasannya dari segi saiz pasaran dan jenis pelancong. Oleh yang demikian, masih ada keperluan yang kritikal bagi Sarawak untuk meneroka pasaran di Semenanjung bagi pasaran domestik dan juga bagi membolehkan, dengan izin, out reach ke pasaran dunia.

Di sini masalah air access adalah satu isu kritikal dan bukan hanya tertumpu kepada masalah tidak cukup seat dan tidak cukup arrival tetapi ianya adalah masalah yang lebih besar dan kompleks seperti dengan izin, we see it as a combination of seasonality of demand for seat, low awareness of the destination in both the foreign and domestic markets uncompetitive pricing and flight scheduling.

Saya juga amat tertarik dengan hasrat kerajaan untuk mempelbagaikan produk pelancongan agar ianya lebih menarik kepada pelancong di dalam dan luar negara seperti mempromosikan warisan kebudayaan dan alam semula jadi di Malaysia dan penubuhan sebuah kampung pelancong yang mempunyai dengan izin, factory outlets dan persembahan kebudayaan. Saya juga amat berharap agar Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan membelanjakan peruntukan promosi sebagai RM150 juta dengan sebaik mungkin dan merangkumi keunikan di negeri-negeri, dan menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia dan memperhebatkan lagi jenteranya untuk menangkis laporan negatif yang disebar oleh media asing mengenai Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh mengenai pembangunan sumber manusia. Saya juga mengalu-alukan saranan kerajaan yang akan memberi tumpuan kepada peningkatan penawaran tenaga manusia mahir bagi menyokong penyusunan semula negara ke arah aktiviti yang berintensifkan modal dan berasaskan pengetahuan. Perkara ini harus diberi perhatian serius, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan sektor perindustrian. Saya mengguna contoh Sarawak di mana saya banyak statistik yang lebih lengkap, saya merasakan senario ini juga sama dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Industri pembuatan telah berkembang dengan pesatnya dalam satu dekad yang lepas. Industri ini telah dibangunkan untuk menampung keperluan domestik dan untuk eksport. Establishment tersebut telah berkembang dengan pesatnya daripada 726 buah dalam tahun 1991 sehingga ke-1,919 buah dalam tahun 1995. Nilai gross output telah meningkat daripada RM6,322 juta dalam tahun 1991 ke-RM10,821 juta dalam tahun 1995. A supply and demand analysis mengenai jumlah pekerjaan di Sarawak diramalkan akan mengalami, dengan izin, manpower shortage berjumlah 60,900 orang dalam tahun 2000 dan 214,800 orang dalam tahun 2005. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Sumber Manusia dalam menangani masalah ini. Ini baru statistik dari sebuah negeri sahaja.

Beberapa perakuan telah disarankan dan diharap pihak kerajaan akan mengambil langkah sepatutnya sebelum masalah ini akan menjadi lebih serius dan boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi kita. Saranan adalah seperti berikut:

- Pembesaran program latihan kemahiran yang sedia ada seperti yang dijalankan oleh pihak IKM, pusat giat dan sekolah vokasional.
- Pengenalan kepada program latihan baru iaitu di peringkat lebih tinggi seperti SKM Level 3 hingga 5, Skill-Oriented dan Advanced Technology Programmes atau Diploma in Technology.
- Penubuhan Institute of Advance Technology mengatasi masalah keciciran di sekolah dan melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan.

Saya berharap pihak Kementerian Sumber Manusia juga dapat membuat satu unjuran mengenai keperluan sumber manusia di Malaysia. Mengenal pasti jenis latihan yang diperlukan, keep stock mengenai aset sumber manusia yang sedia ada termasuk yang tercacir dan wanita yang tidak bekerja dan mengenal pasti satu masa di mana kita akan memberhentikan pengambilan pekerja asing. Kita sekarang telah menyaksikan bahawa terdapat misplacement, dengan izin, di dalam sektor pekerjaan di mana majikan lebih suka mengambil pekerja asing daripada rakyat Malaysia kerana gaji yang ditawarkan begitu rendah dan mereka tidak mengambil berat tentang kebajikan pekerja tersebut. Mungkin sekarang sampailah masanya untuk kementerian memikirkan tentang minimum wage rate bagi memastikan pertumbuhan yang sihat bagi pekerja di Malaysia atau apa juga langkah lain yang dapat mengimbangi pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu mengenai sasaran 30% bagi wanita khasnya dalam peringkat penggubal dasar dan membuat keputusan. Dalam alaf yang akan datang, wanita adalah satu aset yang harus digembengkan dalam pembangunan negara, bahkan saya pernah terbaca bahawa alaf akan datang adalah alaf untuk wanita (millennium for women). Oleh yang demikian, peluang-peluang mesti diwujudkan bagi membolehkan interaksi di kalangan kumpulan NGOs wanita, penggubal dasar, pekerja-kekerja wanita dan ahli-ahli politik wanita disemua peringkat dan juga melipat gandakan gender synthesizing. HAWA mesti menyediakan platform ini untuk membolehkan interaksi dan perhubungan yang rapat bagi kesemua kumpulan tadi.

Saya juga ingin mendapat maklum balas mengenai langkah yang diambil bagi mewujudkan Jawatankuasa Inter-Kementerian dan Committee Perhubungan di peringkat negeri-negeri dan bagaimanakah perkembangan terkini mengenai dengan izin, Women Watch yang telah ditubuhkan pada 25 Ogos 1998 dan juga dengan izin, Media Watch yang ditubuhkan oleh wartawan-wartawan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit mengenai pembangunan luar bandar iaitu dari segi pendapatan garis kemiskinan (PGK). Adalah difahamkan bahawa PGK di Semenanjung ialah RM425 sekeluarga, di Sarawak ialah RM510 sekeluarga, di Sabah



RM601 sekeluarga. Nilai ini adalah terlalu general dan tidak encompassing, dengan izin. Isu yang saya hendak bangkitkan di sini adalah bagi negeri-negeri sama ada kementerian harus mengkaji, sama ada kita harus menggunakan dua jenis PGK iaitu satu, untuk bandar dan satu untuk luar bandar. PGK harus menunjukkan kos minimum standard of living yang meliputi makanan, pengangkutan dan perumahan. Jadi, kos penghidupan amat berbeza dari bandar dan luar bandar.

Oleh yang demikian, saya mohon kementerian mempertimbangkan agar standard nilai yang kita gunakan adalah lebih seimbang dan realistik dengan menggunakan dua nilai iaitu bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali iaitu mengenai persaraan Ahli Parlimen yang pernah saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, untuk menambah, saya ingin mencadangkan agar persaraan Ahli Parlimen ini mungkin dikaji semula dan mungkin menggunakan umur 45 tahun sebagai umur yang membolehkan Ahli-ahli Parlimen untuk mendapatkan pembayaran pencen dan saya memang tahu Ahli-ahli Parlimen ramai yang menyokong. Ini adalah seimbang dengan jasa-jasa atau perkhidmatan yang telah diberi kepada masyarakat selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Bukit Bintang.

**11.31 pagi**

**Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak kerajaan tentang pelaksanaan RMK-7 dengan semangat yang begitu serius, walaupun dari segi kewangan, kami sedang menghadapi masalah disebabkan oleh krisis kewangan di rantau Asia. Saya harapkan prinsip-prinsip RMK-7 boleh dikekalkan dengan sepenuhnya sebelum RMK-8 dicadangkan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini saya ingin membuat beberapa cadangan untuk pihak Kerajaan Pusat mempertimbangkannya.

Yang pertama, peruntukan khas di RMK-7 untuk mengatasi kemudahan-kemudahan asas (basic facilities) di kawasan ladang khinzir ataupun

mempertingkatkan fasiliti-fasiliti di pig farming area (PFA) yang sedang dicadangkan oleh pihak Persatuan Penternak-penternak Malaysia kerana industri ternakan khinzir perlulah dimajukan dengan sokongan kerajaan yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun masalah JE belum diselesaikan tetapi di dalam RMK-7, pihak kerajaan mestilah melaksanakan projek industri ternakan khinzir yang moden untuk memastikan bahawa kaum Cina mendapat bekalan daging khinzir yang mencukupi dengan harga yang sederhana. Inilah tanggungjawab pihak kerajaan kerana epidemik JE atau Nipah adalah natural disaster, dengan izin, yang berlaku tanpa kawalan atau beyond human control.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Cina pada masa kini sedang menjalankan kutipan Tabung JE untuk menolong keluarga-keluarga mangsa JE dan kutipan ini bukanlah cukup untuk dipakai untuk menyelesaikan masalah modernization scheme kerana skim memodenisasikan industri khinzir adalah satu projek yang besar dan membabitkan wang yang paling besar sekali.

Kerajaan Pusat bolehlah menolong projek ini melalui Kementerian Pertanian dengan peruntukan khas dalam RMK-7 untuk skim ini. Jikalau industri ternakan khinzir terjejas di dalam tempoh lima tahun atau sepuluh tahun disebabkan oleh epidemik JE, jadi sumbangan dari penternak-penternak khinzir pun terjejas kerana mereka menjadikan atau merealisasikan industri khinzir yang begitu besar dan efisien untuk membekalkan daging khinzir kepada masyarakat Cina dengan kos sederhana. Inilah komitmen dan sumbangan daripada para penternak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ini, kita mestilah menolong mereka untuk membangunkan industri khinzir semula dengan cara-cara yang moden dan canggih. Sasaran ini hanya boleh dicapai dengan kerjasama di antara Persatuan Penternak-penternak, masyarakat Cina dan .....

**Tuan Lim Hock Seng:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Bagan bangun.

**Dr. Lee Chong Meng:** Janganlah, tidak ada masa.

**Tuan Lim Hock Seng:** [*Menyampuk*]

**Dr. Lee Chong Meng:** Tidak ada masa, panjang lagi. Berilah chance!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, teruskan. Jangan tawar menawar.

**Dr. Lee Chong Meng:** Ya. Masyarakat Cina dan kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada masalah di bandar kita iaitu di Wilayah Persekutuan.

### **Masalah Banjir Kilat di Kuala Lumpur –**

Walaupun Kuala Lumpur telah dibangunkan dengan bangunan-bangunan yang tinggi dan canggih tetapi masalahnya ialah banjir kilat apabila hujan lebat berlaku beberapa jam sahaja. Di bulan Mac tahun ini, keadaan banjir berlaku begitu serius disebabkan oleh hujan lebat selama tiga atau empat jam sahaja.

Di kawasan pusat iaitu di kawasan Bukit Bintang, air naik sampai tiga atau empat kaki dan banyak car park di hotel-hotel pun penuh dengan air kuning, kereta-kereta pun rosak dan pelancong-pelancong mengambil gambar dan video tape di semua kawasan banjir dan ini ditunjukkan di CNN dan stesen TV lain, inilah imej kita selain daripada isu-isu lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah salah seorang wakil rakyat dari Kuala Lumpur, berharap Kerajaan Pusat boleh memperuntukkan wang yang lebih di dalam RMK-7 untuk mempertingkatkan basic facility seperti sistem saliran air dan lain-lain cara untuk memperbaiki longkang-longkang yang dibina pada tahun 50-an atau 60-an.

**Tuan Lim Hock Seng:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Bagan bangun lagi.

**Dr. Lee Chong Meng:** Janganlah, masa saya pun tidak cukup, you ada peluang nanti.

**Tuan Lim Hock Seng:** Berilah peluang!

**Dr. Lee Chong Meng:** Janganlah! Ini bukan di Bagan, ini berlaku di Kuala Lumpur, Yang Berhormat bukan wakil rakyat di Kuala Lumpur! Cheras boleh berucap nanti.

Tuan Yang di-Pertua, longkang-longkang perlulah didalamkan sampai lima kaki berbanding dengan satu atau dua kaki sahaja dan pihak kontraktor pun mestilah mengikut cadangan arkitek dan menjalankan kerja mereka dengan komitmen yang sepenuhnya dan dedikasi kerana kadang-kadang saya nampak kontraktor tidak membuat kerja, mereka hanya tutup longkang dan membuat tiles sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sungai-sungai pun perlulah didalamkan atau desilting, boleh dibuat tiga kali satu tahun. Marilah kita bersama-sama untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di Kuala Lumpur secepat mungkin kerana kita perlulah menjaga imej negara kita.

#### **Pembinaan Pusat Penjaja di Kuala Lumpur -**

Tuan Yang di-Pertua, projek ini perlulah dijalankan dengan segera di dalam RMK-7, sudahlah lama kita tidak membincangkan masalah penjaja di tepi jalan dan kerosakan imej kerana lorong-lorong di belakang pun dikotorkan.

Saya harap peruntukan khas boleh direalisasikan melalui RMK-7, walaupun sudahlah lama pihak Kerajaan Pusat menjanjikan untuk merealisasikan projek ini. Saya ingin mencadangkan bahawa pembinaan pusat penjaja bolehlah diswastakan. Jikalau kita telah swastakan, banyak rancangan kerajaan yang besar atau sederhana, apa salahnya kalau pusat penjaja boleh dimajukan dengan insentif daripada kerajaan atau DBKL kerana saya percaya bahawa pusat penjaja swasta bolehlah dimajukan lebih cantik dan indah dan juga ditadbirkan lebih efisien lagi tanpa campur tangan pihak kerajaan atau DBKL. Ini juga akan menjimatkan wang kerajaan kerana pusat penjaja swasta akan dijadikan sebagai destinasi pelancong juga jikalau pentadbirannya baik dan efisien.

#### **Projek Perumahan di Kuala Lumpur -**

Tuan Yang di-Pertua, di Wilayah Persekutuan, kawasannya hanya 242 kilometer persegi sahaja. Oleh sebab itu, kerajaan mestilah memperuntukkan wang

yang lebih melalui RMK-7 demi pembinaan lebih banyak lagi rumah kos rendah dan kos sederhana untuk disewa atau dijual kepada ramai penduduk yang berminat untuk membeli rumah kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam RMK-7, saya ingin mencadangkan wang yang lebih diberikan kepada pihak DBKL untuk merealisasikan sasaran atau impian rakyat ini.

Walaupun pihak DBKL telah mencadangkan pembinaan 35,000 unit rumah kos rendah untuk disiapkan sebelum tahun 2001 dan akan disewakan. Sebagai Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan, saya ucap syabas kepada pihak DBKL.

Tuan Yang di-Pertua, untuk rumah kos sederhana, saya ingin mencadangkan kelulusan lebih projek kerajaan atau swasta untuk pembinaan rumah pangsa berharga RM60,000 dengan tiga bilik dan luasnya 1,000 kaki persegi untuk dijual. Tanah-tanah kerajaan boleh dimajukan dengan kerjasama dengan pihak swasta, inilah cadangan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada Kerajaan Pusat tentang pelaksanaan RMK-7 dengan semangat yang agresif dan positif. Semangat ini bolehlah diteruskan dan akhirnya rakyat akan dapat faedah dan sebaliknya, rakyat akan menyokong Kerajaan Barisan Nasional. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Arau.

**11.43 pagi**

**Tuan Haji Hashim bin Jasin [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga ingin untuk turut serta membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan tumpuan saya pada kali ini ialah kepada pembangunan sosial rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa keadaan moral dan akhlak masyarakat kita semakin hari semakin menurun bukan semakin membangun. Kalau sekiranya negara kita dilanda oleh krisis ekonomi, maka tidak kurang juga negara kita dilanda sejak dari dahulu lagi dengan krisis moral dan akhlak.

Oleh itu bagi menangani masalah ini, saya suka mencadangkan beberapa perkara yang saya kira boleh membantu negara kita untuk keluar dari krisis moral dan akhlak ini.

Yang pertama, saya minta pihak yang berkuasa mengkaji semula keberkesanan musabaqah al-Quran yang kita adakan pada setiap tahun dengan perbelanjaan yang begitu besar. Saya yakin dalam tahun 60-an dan 70-an dahulu memang musabaqah al-Quran ini memberi imej yang baik kepada negara kita. Tetapi dalam tahun 90-an ini, saya kira imej itu tidak lagi sebaik pada tahun dahulu, oleh itu perbelanjaan yang banyak ini perlu kita fikirkan untuk kita alihkan, kita sesuaikan dengan aktiviti-aktiviti yang lain, yang lebih mendapat faedah kepada rakyat kita sendiri.

Sebagai contoh, kalaulah peruntukan yang kita habiskan untuk musabaqah al-Quran itu diberi bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat yang berselerak di seluruh negara kita, maka hasilnya adalah lebih baik daripada kita terus membelanjakan untuk musabaqah al-Quran.

Jadi, sekolah-sekolah agama rakyat kita banyak kekurangan bilik bacaannya, gaji gurunya, alat perkakas dan kelengkapan, pendidikannya semuanya serba kekurangan. Tetapi oleh kerana semangat yang tinggi daripada ibu bapa yang ingin untuk memberikan pendidikan agama kepada anak-anak bagi mengatasi masalah moral dan akhlak ini, maka walau apapun kekurangan yang didapati mereka terus juga menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut. Jadi, di sinilah kerajaan boleh memainkan peranan untuk mempertingkatkan mutu moral dan akhlak rakyat itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya lihat imam-imam di kampung-kampung boleh memainkan peranan untuk memperbetulkan keadaan masyarakat yang gawat, peranan mereka begitu penting dan sekarang ini mereka tidak diberi peranan yang cukup untuk membangun dan membina masyarakat terutama di kawasan luar bandar. Tugas-tugas ini diserahkan kepada JKK dan JKK seperti yang kita maklum, mereka adalah terdiri daripada orang-orang kuat parti.

Oleh kerana dalam kampung itu bukan semua orang menyokong parti BN ataupun UMNO, maka sudah tentulah peranan JKK yang diberi amanah untuk mengawal dan memelihara kedudukan masyarakat tidak dapat memberi kesan yang setinggi-tingginya, yang optimum kerana golongan yang menentang ataupun ahli-ahli parti pembangkang tidak akan dapat memberi kerjasama dengan mereka sedangkan mereka sendiri sudah nampak kecenderungan yang begitu memuncak ke arah parti kerajaan.

Maka dengan sebab itu, imam-imam boleh memainkan peranan ini. Imam-imam perlu diberi perhatian dari sekarang. Kebanyakan mereka adalah orang-orang yang berkecuali dan mereka boleh diberi imbuhan untuk memainkan peranan yang dahulunya dimainkan oleh JKK ataupun pengerusi-pengerusi JKK. Saya yakin apabila kuasa ini dipindahkan kepada imam, masyarakat akan lebih menerima dengan yang lebih baik lagi. Dan oleh kerana kita berikan .....

**Tuan Hamzah bin Ramli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

**Tuan Hamzah bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Arau, tentang imam-imam ini, kadang-kadang ada juga imam-imam yang tidak berkecuali, ia cenderung kepada parti-parti pembangkang dan sebagainya. Bagaimana pendapat Ahli Yang Berhormat tentang peranan ini? Saya rasa serupa sahaja kerana imam juga tidak terhad peranannya sebagai imam, tetapi ia juga boleh menjalankan peranan untuk berdakwah dan sebagainya.

**Tuan Haji Hashim bin Jasin:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya. Saya mencadangkan cadangan imam ini kerana daripada jawatan imam itu sendiri tidak melambangkan politik. Adapun ada imam yang cenderung kepada pembangkang yang cenderung kepada kerajaan, itu adalah perkara biasa. Tetapi jawatan imam itu sendiri melambangkan pengecualian di dalam masyarakat. Oleh itu, adalah lebih baik jika imam ini diberi tugas dan mengambil tugas yang dimainkan oleh JKK pada masa ini.

Perkara yang berikut, yang ingin saya sentuh ialah mengenai kesihatan. Saya yang sering melawat hospital-hospital di negeri Perlis, saya dapati sedikit sangat rungutan mengenai layanan yang diberikan oleh pihak hospital kepada pesakit-pesakit. Ini bermakna bahawa rakyat berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan hospital apabila rakyat datang untuk mendapatkan rawatan di hospital dan kita ucap tahniah.

Dan untuk lebih baik lagi, saya suka mencadangkan di sini supaya pihak kementerian merekacipta pakaian untuk jururawat-jururawat yang Islam, yang bertepatan dengan kehendak Islam itu sendiri dan kita memberi ruang kepada jururawat ini untuk memilih pakaian yang mereka suka sama ada pakaian atau uniform yang mereka pakai sekarang ini ataupun pakaian yang baru.

Kita tidak payah paksa mereka untuk menukar kepada pakaian yang menutup aurat tetapi beri mereka hak memilih sendiri. Kerana saya yakin banyak jururawat ini bersedia untuk memakai pakaian yang menutup aurat jika sekiranya tidak bercanggah dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kementerian itu sendiri.

Jadi, dengan sebab itu saya kira apabila jururawat ini memakai pakaian yang menutup aurat, kita akan mendapat satu lagi kelebihan di hospital-hospital kita.

Kita mendapat pertamanya, rawatan daripada doktor-doktor yang disediakan oleh kerajaan.

Yang kedua, kita mendapat keberkatan dari Allah s.w.t. yang mana doktor hanya boleh memberi ubat tetapi yang menyembuhkan penyakit adalah Allah s.w.t. Apabila jururawat-jururawat ini memakai pakaian yang mengikut perintah Tuhan, saya yakin keberkatan itu akan membantu kita untuk menambahkan lagi keberkesanan hospital-hospital kita dalam merawat penyakit-penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya yang ingin saya sentuh di sini ialah mengenai pengambilan tanah rakyat untuk projek-projek pembangunan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa untuk membuat satu projek pembangunan kerajaan terpaksa mengambil tanah rakyat. Tetapi rungutan-rungutan yang kita terima pada hari ini ialah bahawa tanah yang diambil oleh kerajaan daripada rakyat, pampasan



yang dibayar adalah tidak seimbang dengan harga tanah yang sebenar dan keperluan tuan tanah untuk menjual tanahnya. Kerana berbeza seorang yang mempunyai tanah dan dia ingin menjual tanah berbeza dengan seorang yang mempunyai tanah tetapi dia tidak ingin menjual tanahnya dia akan mengusahakan tanahnya tetapi kerajaan memaksanya untuk menjual tanah tersebut kedudukannya adalah berbeza. Kalau harga orang yang hendak jual tanah itu boleh kita gunakan harga pasaran tetapi saya kira adalah amat tidak tepat apabila kita gunakan harga pasaran untuk kita memaksa seorang yang tidak mahu jual tanah dia kepada kerajaan dengan kita hanya membayar kadar yang mengikut harga pasaran.

Oleh itu saya mencadangkan di sini supaya kerajaan apabila hendak mengambil tanah-tanah rakyat sekurang-kurangnya kerajaan hendaklah meninggikan ataupun menaikkan harga tanah itu jangan kurang daripada 25% daripada harga pasaran. Jika kerajaan boleh bayar lebih maka tidaklah timbul perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat yang tanahnya diambil sekurang-kurangnya 25% dan kalau boleh biarlah sampai kepada 50%. Wang yang kerajaan belanjakan itu bukan pergi ke mana-mana. Ia akan balik faedahnya kepada rakyat kita sendiri. Jadi, dengan kerana itu, saya haraplah bahawa pengambilan tanah untuk projek-projek pembangunan di masa akan datang hendaklah dibuat mengikut sesuatu kadar yang lebih tinggi daripada nilai pasaran itu sendiri.

Dengan itu, saya mohon untuk mengakhiri pandangan saya dan saya harap pihak kerajaan dapat memberi perhatian setinggi-tingginya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Klang.

**11.54 pagi**

**Dr. Tan Yee Kew [Klang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Merujuk kepada kemajuan yang telah dicapai dalam beberapa sektor semasa tempoh Kajian

Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, saya ingin mengutarakan beberapa pemerhatian saya berkenaan dengan hak-hak wanita dan kepentingan mereka.

Pindaan ke atas 'Distribution Act, 1955' pada tahun 1997, adalah amat menggalakkan bagi mereka yang telah memperjuangkan penghapusan diskriminasi jantina dalam undang-undang kita. Kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kerana telah mengambil langkah memulakan pindaan tersebut dan kita mengharapkan agar pindaan juga dibuat ke atas 'Infant Guardianship Act, 1961' yang meliputi hak-hak semua ibu. Adalah menjadi satu penghinaan kepada semua wanita dan rakyat Malaysia yang berpemikiran adil apabila kita membenarkan undang-undang tidak memberikan hak seorang ibu menjadi penjaga anak yang dikandung dan biasanya dipeliharanya.

Di dalam Kajian Separuh Penggal telah diperkatakan bahawa akta tersebut akan dipinda dan kami ingin tahu bila. Saya harap pindaan tersebut akan dibentangkan pada persidangan bulan Julai kelak dan tidak akan ditangguhkan lagi. Kami tidak ragu-ragu lagi bahawa pihak Menteri juga dapat merasakan sentimen dan kekecewaan yang kami rasai dan akan terus berusaha untuk memperbaiki apa yang tidak sesuai dengan undang-undang yang ada. Kami ingin memberitahu beliau bahawa kami kaum wanita Malaysia akan sentiasa memberi sokongan kepadanya dan mengharapkan agar beliau dapat memastikan pindaan terhadap rang undang-undang itu dapat dipercepatkan.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh tentang isu gangguan seksual atau 'sexual harassment', dengan izin.

Pada masa kini sedang negara menuju ke arah perindustrian dan lebih ramai lagi wanita mempunyai pekerjaan, masalah gangguan seksual di tempat kerja sering

timbul. Sehingga kini walaupun pekerja wanita menjadi mangsa gangguan seksual, namun merekalah yang akan menerima akibat buruk misalnya, dibuang kerja jika perkara ini diketengahkan.

Kami mengalukan usaha Kementerian Sumber Manusia yang telah mengeluarkan draf 'Code of Practice on the Prevention and Eradication of Sexual Harassment' di tempat kerja. Walau bagaimanapun, kami berpendapat bahawa kod tersebut dan 'in-house mechanism' dicadangkan akan membantu hanya pekerja-pekerja yang bekerja di organisasi-organisasi besar ataupun sektor pembuatan dan pertubuhan-pertubuhan komersial yang besar. Ia memberikan perlindungan yang terlalu kecil kepada pekerja wanita di kilang-kilang kecil, gerai-gerai dan restoran ataupun jurujual atau para promoters yang terdedah kepada gangguan seksual oleh para pelanggan mahupun majikan mereka. Oleh itu sebagai tambahan kepada kod tersebut harus diadakan undang-undang yang dapat memberi perlindungan kepada semua pekerja wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa telah tiba masanya kita mengubah undang-undang mengenai gangguan seksual. Pada masa yang sama pihak majikan dan pekerja mesti dipastikan faham akan makna gangguan seksual serta sedar akan risiko yang dihadapi jika mereka melibatkan diri. Pekerja-pekerja wanita harus diberitahu apakah yang dimaksudkan dengan gangguan seksual dan segala yang berkaitan dengannya? Umpamanya, apakah perlindungan yang boleh diharapkan sekiranya perkara ini berlaku dan di mana atau kepada siapakah mereka boleh rujuk sekiranya mereka ingin membuat aduan.

**[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]  
*mempengerusikan Mesyuarat*]**

Diharap maklumat mengenai gangguan seksual dapat disampaikan dengan tepat dan betul, serta diperoleh dengan mudah agar masalah gangguan seksual di tempat kerja dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal juga telah mendedahkan satu tanda yang membimbangkan iaitu penurunan kadar penyertaan tenaga kerja wanita daripada 46.2% pada tahun 1997 kepada 44.2% pada tahun 1998 akibat daripada kegawatan ekonomi. Program latihan dan latihan semula yang telah diusahakan oleh Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Usahawan adalah amat berguna kerana pekerja-pekerja dapat menggunakan masa lapang mereka bagi mempertingkatkan diri mereka agar mereka akan lebih bersedia bagi menghadapi kerja-kerja baru mereka yang mungkin memerlukan kemahiran-kemahiran tertentu.

Saya ingin tahu bagaimanakah caranya maklumat mengenai latihan tersebut disebarkan kepada mereka yang kehilangan pekerjaan terutama sekali pekerja dalam Industri Kecil dan Sederhana dan dalam sektor tidak formal. Setakat ini berapakah pekerja yang telah kehilangan pekerjaan telah menjalani atau sedang menjalani program latihan tersebut.

Juga telah disebutkan di dalam Kajian Separuh Penggal bahawa kerajaan sedang menggalakkan kaum wanita yang telah kehilangan pekerjaan melibatkan diri di dalam bidang perniagaan. Ini adalah satu idea yang baik tetapi bukanlah mudah untuk memulakan perniagaan pada masa kegawatan ekonomi ini sedangkan kami tahu bahawa ahli perniagaan yang berpengalaman pun menghadapi kesukaran untuk meneruskan perniagaan mereka. Untuk memulakan perniagaan seseorang itu bukan sahaja memerlukan latihan tetapi juga modal. Saya difahamkan bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan mempunyai program untuk membantu peniaga-peniaga kecil tetapi tidak terdapat sebarang program sedemikian bagi pengusaha-pengusaha wanita.

Jadi, saya ingin mencadangkan agar satu program bantuan kewangan khas ditubuh untuk usahawan-usahawan wanita sebagai tambahan kepada latihan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya memohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Sandakan.

**12.03 tgh.**

**Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan hasil Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kerana membentangkan hasil Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh pada 22 April.

Ini tentunya satu berita menggembirakan kerana negara kita sedang menuju jalan ke arah pemulihan ekonomi. Ini menunjukkan usaha bersama di antara kerajaan dan sektor swasta untuk memulihkan negara kita daripada masalah ekonomi dalam penyelesaiannya. Saya yakin dengan penerusan usahasama tersebut di dalam semangat Malaysia bersatu, tidak lama lagi kita akan mampu memperolehi sepenuhnya kekuatan ekonomi seperti dahulu dan menuju ke arah mencapai matlamat kita untuk menjadikan Malaysia sebagai negara membangun sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, di sini izinkan saya menekankan beberapa isu mengenai perkembangan di Sabah.

**Kesihatan dan Alam Sekitar –**

Pertama sekali, adalah perlu untuk memperbaiki perkhidmatan doktor udara (Flying Doctor Service) di Sabah dan saya menyarankan kepada Dewan yang mulia ini supaya dapat mempertingkatkan jumlah perkhidmatan doktor udara di Sabah setaraf dengan Sarawak. Setakat ini perkhidmatan ini dijalankan beberapa hari setiap bulan di

mana ia jauh daripada mencukupi untuk memenuhi dasar kesihatan yang diperlukan oleh penduduk luar bandar di Sabah.

Kedua, pencemaran beberapa sungai di Sabah menjadi satu kebimbangan. Sebagai contoh, Sungai Kinabatangan telah tercemar teruk akibat aktiviti pembalakan dan bahan-bahan perkilangan tidak berguna dialirkan terus ke sungai tersebut. Pengawasan ketat dan pelaksanaan undang-undang untuk mencegah pengotoran sungai tersebut harus diperkenalkan untuk memperbaiki sungai tersebut kembali kepada keadaan asal di mana sungai tersebut bersih dan sesuai untuk kegunaan harian. Ini dapat membantu memulihkan sumber perikanan dan memberi berita baik kepada mereka yang bergantung kepada Sungai Kinabatangan sebagai pembekalan air. Sungai yang bersih akan menyumbang ke arah memulihkan kualiti kehidupan penduduk.

#### **Virus JE dan lain-lain wabak –**

Berhubung dengan isu kesihatan dan pencemaran ini, virus JE atau Japanese Encephalitis dan lain-lain wabak telah memberi tamparan hebat kepada penternak-penternak khinzir [*Disampuk*] atau babi di Semenanjung Malaysia. Pihak berkuasa berkenaan di Sabah harus belajar pengajaran ini dari rakan seperjuangan di Semenanjung Malaysia dan bersiap sedia untuk menghadapi penyakit ini. Saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Haiwan Sabah diberi peruntukan keperluan untuk meningkatkan kemudahan dan kelengkapan bagi membolehkan jabatan berkenaan mengatasi masalah ini. Tambahan pula, saya ingin menekankan bahawa penglibatan dan keperluan tenaga manusia harus dilatih sepenuhnya supaya bertindak cepat dan berkesan mengatasi masalah tersebut.

Sebagai langkah persediaan saya juga merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya mempertingkatkan langkah pengawasan kesihatan di semua kawasan di Sabah bagi memastikan taraf kesihatan rakyat sentiasa terjamin. Satu kempen kebersihan yang lebih bersepadu dan berkesan perlu dilaksanakan, khususnya di kawasan-kawasan berbahaya bagi mengelakkan pembiakan nyamuk.

**Downstream Timber Industries –**

Ketiga, saya melihat bahawa industri perkayuan di Sabah menghadapi pelbagai masalah termasuk kekurangan bahan-bahan kayu, harga pasaran yang merosot dan peningkatan kos pengeluaran. Para pelabur mengalami banyak masalah pengurusan ekoran masalah-masalah yang disebutkan tadi, malah ada kilang-kilang telah ditutup kerana menanggung kerugian.

Bagi mengatasi masalah ini berlanjutan, satu usaha pakej menyelamatkan berkesan perlu dilakukan bagi mengurangkan beban para pelabur bidang ini dan memberi kebaikan besar meneruskan industri ini di Sabah seperti langkah-langkah berikut:

- (i) mengurangkan kadar levi yang dikenakan ke atas pekerja asing yang berkhidmat dalam sektor ini, sama seperti yang dinikmati oleh buruh di bidang perladangan;
- (ii) menyarankan supaya syarikat-syarikat kecil perkayuan di Sabah khususnya yang menghadapi masalah kewangan supaya disatukan menerusi satu kelompok kelompok besar bagi mengurangkan beban mereka, seterusnya mampu meneruskan aktiviti industri perkayuan di Sabah; dan
- (iii) penyusunan atau penjadualan pinjaman kewangan yang meringankan beban pelabur terbabit.

Saya percaya pakej penyelamatan ini bukan sahaja dapat memanjangkan jangka industri perkayuan di Sabah tetapi mengembangkan pelaburan ini kepada pelabur-pelabur baru yang lebih besar nilai pelaburannya ke Sabah.

**Infrastruktur –**

Akhir sekali, projek yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh perlu dilaksanakan secepat mungkin. Di Sandakan, Jalan Sibuga By-Pass dan Jalan Labuk belum lagi dilaksanakan. Peruntukan yang diperuntukkan untuk projek-projek yang diluluskan perlu dikeluarkan secepat mungkin supaya projek-projek tersebut dapat disiapkan tepat pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perkara-perkara di atas yang dicadangkan dapat diambil secara positif oleh semua parti dan pihak berkenaan dan membantu mempercepat pencapaian matlamat ekonomi serta meningkatkan kualiti kehidupan rakyat . Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Batang Lupar.

**12.14 tgh.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil bahagian di dalam membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh bagi tahun 1999 hingga ke tahun 2000 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh dilancarkan pada tahun 1996, pada ketika itu pertumbuhan negara mencapai kadar purata 8.5%. Pada bulan Julai 1997, ekonomi kita terjejas oleh kerana krisis kewangan serantau yang bermula di negara jiran. Sebab-musabab krisis kewangan ini telah banyak diperkatakan semenjak 22 bulan yang telah berlalu. Banyak cara hidup rakyat telah berubah, yang kaya menjadi miskin, yang jutawan sekarang bukan jutawan lagi, yang miskin menjadi papa-kedana, usaha mereka terjejas dan saham telah kehilangan nilai.

Atas ketabahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ketahanan yang beliau pupukkan, bukan sahaja kepada rakyat jelata tetapi juga kepada semua pemimpin yang mengerti nilai perjuangan beliau sebagai pemimpin negara yang merdeka dan berdaulat, negara kita bukan sahaja telah dapat mengatasi krisis mata wang, ekonomi dan masalah sosial ekoran darinya tetapi kita juga tidak perlu tunduk atau akur kepada permintaan dan tekanan daripada penjajahan ala baru menerusi bala



tentera seperti peniaga wang dan instrumen penjajahan. Salah satu daripadanya seperti IMF atas nama dewa demokrasi, kebebasan dan hak asasi manusia.

Apa yang sedih ialah ada juga di antara kita, rakyat yang telah menikmati semua kemewahan dan kesenangan di dalam suasana keharmonian, aman dan sentosa telah memilih kepentingan idealisme peribadi dan agenda politik daripada kepentingan negara dan rakyat jelata. Mereka telah mempamerkan tingkah-laku yang ganas, tidak bertamadun, bengis yang asing bagi kita. Mereka bukan sahaja bersedia menggadai asas kepentingan dan kedaulatan negara, bangsa dan agama tetapi mempertaruhkan keamanan, kesejahteraan rakyat atas nama dewa angkat mereka itu, demokrasi, bebas dan hak-hak asasi.

Adakah bebas itu untuk mengganas, ini demokrasi? Adakah bebas untuk bertingkah laku biadab, ini demokrasi? Adakah kebebasan membakar dan membinasa harta-benda, ini demokrasi? Jikalau ya, saya bermohon untuk berlainan pendapat. Saya berpihak kepada bebas yang aman, berhak menuntut kebebasan sendiri sementara menghormati hak-hak orang lain, bebas berfikir, berbincang, berlainan pendapat sementara menghormati kebebasan orang lain untuk berfikir, berbincang dan berlainan pendapat mengikut garis undang-undang yang dilulus oleh Parlimen berlunaskan Perlembagaan yang diwakili oleh wakil rakyat yang dipilih di dalam pilihan raya yang dilaksanakan secara bebas, adil dan mengikut garis panduan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah zaman kegemilangan, inilah juga zaman keburukan. "It was the best of time and it is also the worst of time", kata Charles Dicken. Gemilang kerana kita telah berjaya dengan cara kita sendiri mengatasi masalah ekonomi, tekanan dan kemelesetan dengan tidak menyerah kepada colonial

instruments yang berbagai nama dan corak seperti IMF, media Barat dan kroni di samping berjaya menggalakkan huru-hara seperti yang berlaku di negara jiran. Keburukan kerana aktiviti peniaga mata wang telah menjejaskan ekonomi kita hingga banyak rakyat yang menjadi miskin, hilang pekerjaan dan pencemaran imej negara di mata umum di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, soalan masalah ekonomi saya cukup yakin dengan kebolehan kerajaan menanganinya tetapi masalah kroni Barat yang mendatangkan kacau-bilau di Kuala Lumpur, saya menyeru semua rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan kesejahteraan untuk mengutuk kedurjanaan segelintir yang kecil ini dengan sekeras-kerasnya. Saya juga berdoa agar mereka ini jangan terjerumus bersama ke lembah pendakwah demokrasi, hak asasi dan bebas golongan yang telah berpaling tadah ini demi negara dan bangsa yang tercinta.

Saya juga menyeru kepada pemimpin parti-parti politik seperti KeADILan, jikalau masih ada secebis perasaan kasih sayang kepada rakyat dan negara ini, janganlah hendaknya masalah politik negara dibawa ke luar negara asing untuk bantuan kerana tidak ada bantuan yang lain boleh mereka berikan melainkan tekanan politik, tekanan ekonomi dan serangan seperti apa yang berlaku di Iran, Iraq, Libya dan Kosovo. Akhirnya rakyat negara ini juga yang akan binasa dan merana. Ingatkanlah, politik, sistem dan undang-undang negara kita adalah masalah kita, sepatutnya diselesaikan di dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa lebih sedih lagi apabila melihat banyak projek kecil dan besar tergendala, tertangguh dan terlambat. Projek seperti Bakun Hidro, projek rumah kos rendah di seluruh negara, universiti-universiti dan IPT-IPT termasuk Universiti Sarawak, projek-projek hospital, projek-projek sekolah bestari

dan projek sekolah di luar bandar. Projek-projek ini bukan sahaja telah difikir, dirancang dan dipersetujui oleh kerajaan untuk meningkatkan pembangunan infrastruktur asas dan kemudahan awam negara tetapi juga berupaya meningkatkan bidang pendidikan, kesihatan seterusnya kualiti hidup rakyat jelata di samping boleh meningkatkan imej negara untuk melonjak ke dunia negara maju.

Ini juga telah terjejas, rakyat terjejas, negara terjejas, mana letaknya perjuangan politik jikalau tidak untuk memperbaiki, menempah semula maruah kedaulatan negara untuk kesejahteraan rakyat. Demokrasi ala Barat, hak asasi individu dan kebebasan yang tidak terbatas sudah semestinya memberi laluan kepada keperluan negara, rakyat dan hak-hak kerajaan menentukan keamanan untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua, daripada konsep dan falsafah yang sedemikian, marilah kita berpindah kepada perkara yang nyata. Perkara yang nyata yang patut kita perbincangkan lain daripada soalan-soalan politik. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita telah tahu, pada tahun ini kita telah mengeluarkan budget deficit sebanyak RM16.5 juta. Kepentingan ialah untuk mengalir semua sumber kewangan di dalam budget deficit ini ke sistem kewangan negara untuk membantu negara membangunkan ekonomi kita semula dan pelaksanaan projek ini amatlah penting sekali kerana semua projek yang telah dirancang dan dipersetujui oleh pihak kerajaan mestilah dilaksanakan dengan sempurna dan siap pada tahun ini juga supaya wang yang dilulus dalam Dewan yang mulia ini dapat mengalir kepada sistem kewangan negara.

Dengan itu, saya menyarankan supaya proses tender kerajaan disimplified sedikit. Saya berterima kasih kepada Menteri di Kementerian Kewangan yang telah mengumumkan untuk melihat semula proses-proses tender. Dalam keadaan sedemikian juga, proses-proses tender ini masih lama involved dan complicated, dengan izin. Saya masih bersetuju dengan sistem perbincangan secara direct untuk membina projek-projek yang penting, projek-projek yang perlu disiapkan ataupun dibina, dimulakan pembinaannya pada tahun ini. Maksudnya cara penswastan masih boleh

digunakan, kalau tidak ada syarat-syarat yang tertentu ditetapkan oleh pihak peminjam daripada luar negara.

Proses tender ini mestilah dipercepatkan, dokumen-dokumennya mestilah disimplified, dengan izin dan yang penting lagi apabila dokumen tender telah dimajukan, keputusan tender ini mestilah dipercepatkan untuk dilaksana. Adalah tidak adil sekali kalau kita hendak mencari syarikat itu sahaja yang bersalah, kalau pihak kerajaan sendiri tidak mempercepatkan prosesnya sendiri. Pembayaran-pembayaran daripada pihak kerajaan apabila tender ini telah diterima, pelaksanaan projek telah dibuat, mestilah dipercepatkan.

Saya masih tahu banyak pembayaran kepada syarikat-syarikat tertentu yang telah melaksanakan projek-projek kerajaan telah tergendala dan tidak dibayar kepada syarikat tersebut. Dalam keadaan ekonomi sekarang, ini adalah masalah yang amat menyedihkan dan akan membebankan syarikat sedemikian. Saya menyeru pihak kerajaan supaya melihat semua projek yang telah siap, yang mana pembayarannya sepatutnya dibayar, telah diterima oleh agensi tempatan iaitu projek itu patut dibayar, mestilah dibayar sepatut yang cepat.

Tuan Yang di-Pertua, negotiated contract menerusi sumber syarikat-syarikat berwibawa, mestilah dimonitorkan kerana syarikat berwibawa ini dilantik oleh kerajaan dengan harapan syarikat ini melantik sebagai payung dan memayungi beberapa syarikat-syarikat lain yang dipersetujui oleh pihak kerajaan. Tetapi yang malangnya, syarikat berwibawa ini tidak sekali-kali akur dengan perintah kerajaan, sentiasa menggunakan subkontraktor dan subkontraktor kecil mereka sendiri, tanpa mengira sama ada bumiputera atau bukan bumiputera. Dengan sendirinya, hakikat kerajaan untuk membangun masyarakat bumiputera terlibat dalam usaha pembinaan ini telah terjejas oleh kerana tingkah laku dan tindakan pihak-pihak syarikat berwibawa yang diharap oleh kerajaan untuk membangunkan masyarakat bumiputera terlibat dalam usaha ini.

Semenjak beberapa tahun yang lalu, saya pernah menyeru kepada kerajaan iaitu jika kita hendak membangunkan masyarakat bumiputera yang mempunyai daya saing, yang mempunyai ketahanan diri, hendaklah kita membangun dengan seberapa besar dan banyak yang boleh. Dengan membangun umpamanya di Sarawak, umpamanya mempunyai lima syarikat – kelas A. Syarikat ini sahajalah menjadi jutawan, syarikat ini sahajalah diberi kontrak oleh kerajaan, syarikat ini sahajalah mendapat layanan dan tumpuan, syarikat lain tidak. Mereka ini sahajakah boleh menolong kerajaan? Syarikat ini sahajakah yang berkhidmat dengan kerajaan? Macam mana bumiputera yang lain, asas yang lain. Jikalau yang lima ini runtuh, runtuhlah harapan kerajaan untuk membangun mereka yang berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju iaitu dasar kerajaan untuk memberi kepada syarikat-syarikat yang difikirkan patut, yang berupaya memajukan projek-projek kerajaan. Jadi, dengan harapan yang sedemikian, bukan sahaja kerajaan boleh membuka ataupun menerima pakai sistem terbuka iaitu semua syarikat yang berkemampuan berdaya saing, yang mempunyai prestasi yang baik, dibawa runding untuk majukan projek-projek kerajaan.

Tetapi kita mestilah mengelak daripada syarikat-syarikat yang tidak mempunyai keupayaan, umpamanya sebuah syarikat yang telah dilantik untuk membina sekolah dan membaik pulih sekolah di seluruh luar bandar Sarawak. Beratus juta telah dijanjikan untuk syarikat ini untuk membaik pulih sekolah-sekolah di luar bandar Sarawak termasuk di kawasan saya. Ada 31 buah sekolah, dalam maklumat yang saya terima dari pihak kerajaan, satu sekolah telah dipersetujui dengan perbelanjaan tidak kurang daripada RM150,000 sebuah sekolah tetapi yang sedih, Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang tidak satu sekolah pun di antara yang 30 buah ini telah dibina.

Walaupun masa masih berlalu, bulan masih berjalan dan hari demi hari, projek ini belum dilaksanakan. Orang, sekolah menunggu, Yang Berhormat diminta untuk melaksanakan sekolah tetapi malangnya kerajaan telah melantik satu kontraktor, satu

syarikat untuk melaksanakannya. Syarikat ini telah mengabaikan tugas dan tanggungjawab mereka kepada masyarakat yang memerlukan bantuan ini. Masyarakat, anak-anak bumiputera di luar bandar, masyarakat persekolahan, masyarakat guru yang memerlukan bangunan-bangunan sekolah dan asrama-asrama guru.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan melihat semula kontrak yang telah diberi dan apa syaratnya dan saya juga tidak mahu mendengar iaitu kontrak yang dibuat ini telah melambung nilainya kerana saya juga mendapat maklumat umpamanya satu sekolah yang mana asrama guru hendak dibina, kalau secara kontrak diberi dengan kontrak biasa di luar bandar, boleh dibina dengan harga RM30,000 dalam quotation yang disubmit oleh syarikat ini menggunakan perbelanjaan RM80,000. Ini adalah maklumat yang saya terima dari pegawai kerajaan.

Jadi dia kata, kos ini terlalu tinggi, jadi kerajaan mesti melihat sepatutnya kementerian melantik satu konsultant untuk menilai kos ini. Di peringkat ini, konsultant mesti buat, barulah konsultant boleh menilai harga dan kontraktor melaksanakan berlandaskan harga yang telah dinilai oleh pihak konsultant. Tetapi secara khususnya, Tuan Yang di-Pertua, pendidikan masyarakat bumiputera di luar bandar janganlah dianiaya oleh syarikat yang telah dikontrakkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh satu perkara iaitu pengharaman penggunaan 'chlorofluorocarbon' (CFC) dan 'halon' oleh kerajaan kerana ini memberi satu sumbangan negara kita kepada masyarakat sejagat untuk menyelamatkan lapisan ozon selaras dengan Protokol Montreal 1994. Tetapi persoalannya, berapa banyakkah negara-negara lain telah mengikut apa yang dipersetujui dalam Montreal Protocol 1994 itu. Adakah kita ini hanya menunjukkan kita boleh akur dengan keperluan sejagat ini? Tidak perlu menekan kepada negara-negara lain dan besar tetapi negara-negara yang telah menjejaskan ozon layer ini sendiri, negara-negara seperti negara membangun, Amerika, Eropah dan sebagainya. Bahkan kalau kita lihat dan selidiki hanya 0.3% sahaja bahan yang mengalir ke udara

menjejaskan ozon layer ini adalah daripada negara-negara membangun di South East Asia, dengan izin. Kebanyakannya adalah daripada negara-negara maju.

Jadi, contribution kita dengan mengharamkan penggunaan 'chlorofluorocarbon' ini adalah satu leak walaupun langkah yang amat baik sekali untuk manusia sejagat, tetapi kita juga perlu menekankan pihak negara lain supaya akur dengan apa yang telah dipersetujukan pada beberapa tahun yang lalu di Montreal.

Saya percaya syarikat-syarikat kita juga terbabit, umpamanya syarikat Telekom, TNB, kompeni minyak petroleum seperti Petronas, Shell dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta gulung.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Apakah persoalannya, Tuan Yang di-Pertua. Apakah kos yang terlibat untuk menukarkan penggunaan 'chlorofluorocarbon' ini dengan bahan gantian yang lain? Saya percaya bahagian yang lain itu masih mahal dan mungkin tidak stabil sebagaimana CFC yang telah kita gunakan selama ini. Bagi menggulung, Tuan Yang di-Pertua, beri saya peluang sedikit untuk menyeru kepada kerajaan sebagai tindakan sampingan dan khas untuk negara kita sendiri untuk mewujudkan satu jawatan dan untuk menyelidik keadaan apa yang berlaku di negara kita sendiri yang telah banyak diperhebatkan soal pencemaran sungai, parit, banjir kilat dan sebagainya. Ini adalah pokok pangkal dengan sungai yang telah tertimbus dengan sampah sarap dan sebagainya.

Sepatutnya negara kita menyelidik untuk menyiapkan satu 'blue print' untuk menggubal dasar dan sistem kawalan ini dan mendatangkan satu dasar untuk pembuangan sampah umpamanya, kerana kita lihat di Semenanjung ini di bahagi kepada beberapa bahagian, 5 bahagian kalau tidak salah iaitu konsortium memungut sampah, tetapi sistemnya adalah sistem memungut sampah. Soal recycling, minimizing, decomposing tidak difikirkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, saya berharap pihak kerajaan jangan melihat secara ad-hoc, cari satu consultant yang mengetahui mahir dan tahu soalan ini supaya mendatangkan satu dasar untuk mewujudkan satu pelan tindakan mengatasi masalah ini supaya kita boleh mengelak masa hadapan kerana memperbaiki alam sekitar yang tercemar adalah lebih sepuluh kali ganda mahal harganya daripada mewujudkan sistem pada masa sekarang. Dengan kata-kata ini, saya menyokong. Terima kasih.

**12.34 tgh.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat dari Hulu Terengganu.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil bahagian untuk sama-sama menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di Dewan yang mulia ini. Di samping itu, saya mengharapkan bila kita melihat dalam Kajian Separuh Penggal ini, banyak penambahan peruntukan yang telah pun diuntukkan kepada beberapa sektor, agensi kementerian yang penting termasuklah Kementerian Pertanian, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan lain-lain. Tetapi sungguhpun begitu saya suka hendak menyarankan di sini, isu meningkatkan kualiti hidup, bila kita melihat banyak perubahan budaya hidup rakyat Malaysia terutama sekali mereka yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi, budaya hidup dan pandangan yang agak kontroversi dalam masyarakat kita ini, sama ada dalam bidang penulisan ataupun dalam Internet. Dalam teknologi yang moden sekarang ini, maka kita melihat sama ada dalam bentuk tulisan, budaya tulisan ini telah membawa satu arah budaya Malaysia yang bercanggah dengan nilai dan budaya hidup rakyat Malaysia. Misalnya, satu novel yang telah ditulis oleh seorang profesor yang bergelar sebagai Sasterawan Negara. Novel ini telah menonjolkan satu identiti



budaya yang begitu buruk yang tidak seharusnya ditulis oleh seorang cendekiawan yang kita tahu bahawa mereka juga tahu tentang dosa dan pahala.

Jadi, perbuatan menulis ini termasuk dalam kaedah perbuatan yang mungkin boleh menjejaskan budaya hidup rakyat Malaysia. Dia juga termasuk dalam kategori orang-orang yang difikirkan sekarang ini bahawa yang buruk itu baik dan ini telah jelas, telah diperakukan oleh seorang pemimpin parti pembangkang iaitu Presiden PAS yang terang-terang menyokong tulisan ini iaitu keburukan dikatakan baik, sedangkan dalam Islam, kita Nabi Muhammad s.a.w *[membaca hadis Nabi]* bermaksud, “orang Islam yang betul, baik dan jujur ialah dalam perkataannya, lisannya, percakapannya dan juga perbuatannya adalah sejahtera,” iaitu baik. Jadi, kalau perbuatan dan perkataan tidak baik itulah menggambarkan seorang watak di dalam hatinya tidak baik ataupun buruk.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal inilah yang seharusnya rakyat Malaysia dapat menilai watak seseorang manusia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada yang bangun, yang duduk di belakang bangun.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan kisah novel sebab secara kebetulan penulisnya pun saya kenal lama. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, kalau kita lihat penulis novel ini, novel yang kontroversi, pada suatu masa dahulu beliau pernah memasuki gerakan dakwah iaitu kumpulan Al-Arqam. Semasa beliau memasuki kumpulan ini, beliau telah mengeluarkan satu kenyataan yang disiarkan oleh akhbar tempatan bahawa penulis-penulis kreatif ini banyak dosa sebab kadang-kadang dia memuji sesuatu keindahan melampau-lampau. Jikalau dia memuji seorang heroin, dia memuji berlebih-lebihan sedangkan beliau berkata, yang layak dipuji begitu hanyalah Allah s.w.t . Dengan itu beliau pernah berkata bahawa beliau tidak lagi menulis sebab banyak dosa, penulis-penulis kreatif ini banyak dosa.

Jadi, apa yang berlaku sekarang, apa yang disebut dahulu sudah tidak dikotai, malah beliau telah melahirkan karya yang lebih teruk daripada yang pernah beliau lahirkan semasa beliau berkeadaan normal.

Soalan saya ialah apakah orang yang melahirkan karya begini, karya yang kacau-bilau ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa penulis itu mempunyai fikiran yang kacau, belum ada pendirian dalam hidup, seolah-olah beliau sedang mencari sesuatu. Jadi, ini agak bercanggah dengan tugas yang diamanahkan kepada beliau iaitu Pengarah Pusat Islam salah sebuah institusi pengajian tinggi negara ini. Ini penjelasan yang saya minta.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Terima kasih Yang Berhormat dari Parit Buntar, rakan saya dan saya ucapkan terima kasih di atas soalan itu. Sebenarnya inilah yang digambarkan oleh Allah s.w.t. dalam satu *ayat [membaca sepotong ayat al-Quran]* maksudnya: “jangan kita campuradukkan perkara yang benar dengan perkara yang salah dan jangan kita sembunyikan perkara yang benar itu, sedangkan kita tahu benda yang kita hendak katakan itu ialah benda yang buruk”. Ini bercanggah dengan naluri jiwanya, sebab itu saya buat satu misalan sebuah kenderaan yang berenjin diesel, biasanya enjin diesel ini, kita hendak tahu dia punya enjin baik atau tidak baik, ialah apabila kita lihat asapnya.

Asapnya keluar mengikut ekzosnya, maka seseorang yang tidak faham tentang enjin diesel ini dia dapat tahu, enjin itu baik atau tidak baik bila dia melihat asapnya begitu banyak dan bau busuk. Ini menunjukkan bahawa orang tidak arif pun menjadi tahu, bahawa enjin itu sudah rosak. Begitulah suara manusia ini, apabila dia bercakap sebagaimana sabda Rasulullah *[membaca sepotong hadis]* maknanya; dia itu, perkataan dia, kalau boleh kita dengar yang baik, dia bercakap yang baik menunjukkan yang dalam hatinya baik. Kalau dia melahirkan suara yang tidak baik, di dalam hati pun tidak baik, itu jelas. Jadi....

**Tuan Hamzah bin Ramli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada lain yang bangun, sebelah belakang sekali, sila.

**Tuan Hamzah bin Ramli:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati juga dengan pendapat Yang Berhormat, saya ingin penjelasan. Penulisan adalah merupakan satu bidang ilmu, ilmu itu sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w., ia juga merupakan sebagai amal jariah, [*membaca sepotong hadis*]. Di antaranya ialah ilmu yang memberi manfaat.

Jadi, nampaknya penulisan buku ini, akan diwarisi oleh anak cucu cicit kita. Ianya merupakan sebagai ilmu yang tidak bermanfaat bahkan boleh merosak dan mencemarkan dari segi moral.

Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah patut buku ini diharamkan sahaja daripada diwarisi oleh anak cucu cicit kita. Yang kedua, nampaknya pihak pemimpin-pemimpin parti pembangkang, Mursyidul Am PAS dan juga Presiden PAS sendiri seolah-olah menyokong buku ini, dengan menyatakan pembaharuan dan boleh memaki dan sebagainya. Apa pendapat Yang Berhormat, tidakkah ini yang dikatakan taasub ‘al-mutaasubin’, maknanya kalau perkara itu berlaku pada ahli-ahlinya, dia kata tidak apa tetapi kalau pada orang lain, dia kata itu taasub. Sila Yang Berhormat memberikan penjelasan.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Sri Gading. Saya bersetuju kerana berdasarkan kepada banyak faktor. Ini akan boleh mengubah masa depan rakyat Malaysia dengan budaya penulisan, sebab itu saya kata awal-awal tadi, manusia sudah menilai sesuatu yang negatif, maknanya benda yang buruk dikatakan baik. Ini terang-terang disarankan oleh pemimpin-pemimpin PAS, termasuk Presidennya sendiri dan juga Menteri Besar Kelantan.

Kalau sudah seorang pemimpin Islam telah membudayakan benda yang buruk dikatakan baik, saya rasa cukup bercanggah. Kita semua boleh menilai tentang soal ini dan saya bersetuju.

Berbalik kepada soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan bukan sahaja soal buku tetapi soal perkataan juga, ucapan-ucapan yang boleh menfitnahkan, termasuk juga Internet. Internet itu ialah satu jenis yang direka oleh manusia, satu ilmu dan teknologi yang baik, ianya menjadi manfaat kepada manusia kalau kita gunakan secara yang betul. Inilah ketinggian manusia yang dianugerahkan oleh Allah [*membaca sepotong ayat al-Quran*], Tuhan mengangkat orang yang beriman, ketinggian darjat yang begitu tinggi tetapi Tuhan juga mengangkat orang yang berilmu dengan beberapa darjat yang tinggi. Tetapi ilmu yang baik, ilmu yang boleh memberi manfaat kepada umat manusia. Kita balik kepada sejarah dahulu, sebab itu ulama-ulama dahulu menulis buku-buku, tidak ada satu pun yang boleh merosakkan manusia, bahkan menjadi ikutan kepada seluruh umat. Ini tidak, kalau kita lihat PAS sekarang ini, walaupun ia berideologikan Islam tetapi konsep perjuangan bercanggah dengan Islam, yang ini saya hendak tekankan dalam soal kualiti hidup.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini panjang, saya hendak tekankan juga soal-soal lain dalam soal ini. Terutama sekali, dari segi kementerian-kementerian yang ada kaitan dengan pembangunan di luar-luar bandar khususnya Kementerian Pertanian. Kita lihat banyak penambahan peruntukan lebih kurang hampir RM1 bilion dalam Kajian Separuh Penggal ini iaitu tabung untuk makanan dan lain-lain, hampir RM3 bilion.

Apa yang penting kita lihat ialah kemudahan asas kepada pertanian, terutama sekali kalau kita hendak meningkatkan pengeluaran hasil produktiviti dalam bidang pertanian ini, sesuai dengan dasar sektor pertanian dan sesuai dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga kita. Apa yang penting saya lihat, kerumitan kepada petani ialah soal pembajakan, kejenteraan ladang.

Dengan sebab itu, dalam peruntukan yang begitu besar, patutlah Kementerian Pertanian memikirkan menambahkan kejenteraan ladang ini di sektor pertanian. Kalau kita buka ladang begitu besar pun, kalau kejenteraan tidak melengkapinya ataupun

kemudahan lain, mungkin kegagalan akan timbul dari segi hendak mengeluarkan hasil dan produk pertanian. Kita minta supaya industri pertanian ini selaras dengan industri-industri yang lain dan jadikan industri yang utama sebagai sebuah negara yang mengeluarkan hasil untuk produk, bukan sahaja dipasarkan dalam negara kita tetapi ialah untuk dieksport bagi mengurangkan kos import kita.

Begitu juga dalam bidang pendidikan, penambahan begitu banyak sehinggakan RM10 bilion, RM16 bilion. Saya hendak sebutkan di sini, pada awal tahun ini, borang institut pengajian tinggi yang diedarkan melalui Bank Simpanan Nasional. Saya rasa kementerian harus kaji semula pengedaran borang ini kepada Bank Simpanan Nasional ini kerana di kawasan saya, saya lihat bila sahaja borang ini diedarkan kepada Bank Simpanan Nasional, beribu orang menumpu bahkan sesetengah sampai pecah cermin.

Saya rasa tidak manasabah dan tidak rasional kerana bank juga untuk melayan pelanggan-pelanggan lain dan satu hari itu sehingga tidak sempat hendak melayan pelanggan lain, ini menjadi satu kerumitan dan sunggutan kepada ibu bapa. Apa salahnya borang ini diedarkan melalui Jabatan Pendidikan Daerah ataupun agensi lain yang tidak ada kaitan banyak dengan soal penglibatan masyarakat dan sebaik mungkin edar kepada Pejabat Pendidikan Daerah. Saya rasa itu lebih rasional kerana ini memudahkan pihak-pihak sekolah dan pihak penuntut untuk mengambil borang ini.

Di samping itu, bahagian pendidikan ini juga, saya menyarankan juga bahawa institut pengajian tinggi ataupun kolej-kolej swasta, yang banyak sekarang ini dan menjadi kerumitan kepada penuntut-penuntut kita yang menduduki kolej-kolej swasta ataupun institut pengajian tinggi swasta kerana kos satu semester itu agak berlainan dengan kos yang diberi oleh institut pendidikan awam yang dikelolakan oleh kerajaan.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Terima kasih Yang Berhormat dari Parit Buntar, rakan saya dan saya ucapkan terima kasih di atas soalan itu. Sebenarnya inilah

yang digambarkan oleh Allah s.w.t. dalam satu *ayat [membaca sepotong ayat al-Quran]* maksudnya: “jangan kita campuradukkan perkara yang benar dengan perkara yang salah dan jangan kita sembunyikan perkara yang benar itu, sedangkan kita tahu benda yang kita hendak katakan itu ialah benda yang buruk”. Ini bercanggah dengan naluri jiwanya, sebab itu saya buat satu misalan sebuah kenderaan yang berenjin diesel, biasanya enjin diesel ini, kita hendak tahu dia punya enjin baik atau tidak baik, ialah apabila kita lihat asapnya.

Jadi, asapnya keluar mengikut ekzosnya, jadi seseorang yang tidak faham tentang enjin diesel ini dia dapat tahu, enjin itu baik atau tidak baik bila dia melihat asapnya begitu banyak. Ini menunjukkan bahawa orang tidak tahu pun menjadi tahu, bahawa enjin itu sudah rosak atau terbakar minyak hitam. Begitulah suara manusia ini, apabila dia bercakap sebagaimana sabda Rasulullah *[membaca sepotong hadis]* maknanya; lisan dia itu, perkataan dia, kalau boleh kita dengar yang baik, dia bercakap yang baik menunjukkan yang dalam itu, enjin itu, hati itu baik. Kalau dia melahirkan suara yang tidak baik, di dalam pun tidak baik, itu jelas. Jadi....

**Tuan Hamzah bin Ramli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada lain yang bangun, sebelah belakang sekali, sila.

**Tuan Hamzah bin Ramli:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik hati juga dengan pendapat Yang Berhormat, saya ingin penjelasan. Penulisan adalah merupakan satu bidang ilmu, ilmu itu sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w., ia juga merupakan sebagai amal jariah, *[membaca sepotong hadis]*. Di antaranya ialah ilmu yang memberi manfaat.

Jadi, nampaknya penulisan buku ini, akan diwarisi oleh anak cucu cicit kita. Ianya merupakan sebagai ilmu yang tidak bermanfaat bahkan boleh merosak dan mencemarkan dari segi moral.

Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah patut buku ini diharamkan sahaja daripada diwarisi oleh anak cucu cicit kita. Yang kedua, nampaknya pihak pemimpin-pemimpin parti pembangkang, Mursyidul Am PAS dan juga Presiden PAS sendiri seolah-olah menyokong buku ini, dengan menyatakan pembaharuan dan boleh memaki dan sebagainya. Apa pendapat Yang Berhormat, tidakkah ini yang dikatakan taasub 'al-mutaasubin', maknanya kalau perkara itu berlaku pada ahli-ahlinya, dia kata tidak apa tetapi kalau pada orang lain, dia kata itu taasub. Sila Yang Berhormat memberikan penjelasan.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Sri Gading. Saya bersetuju kerana ini berdasarkan kepada banyak faktor. Ini akan boleh mengubah masa depan rakyat Malaysia dengan budaya penulisan, sebab itu saya kata awal-awal tadi, manusia sudah menilai sesuatu yang negatif, maknanya benda yang buruk dikatakan baik. Ini terang-terang disarankan oleh pemimpin-pemimpin PAS, termasuk Presidennya sendiri dan juga Menteri Besar Kelantan.

Jadi, kalau sudah seorang pemimpin Islam telah membudayakan benda yang buruk dikatakan baik, saya rasa cukup bercanggah. Kita semua boleh menilai tentang soal ini dan saya bersetuju.

Berbalik kepada soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan bukan sahaja soal buku tetapi soal perkataan juga, ucapan-ucapan yang boleh menfitnahkan, termasuk juga Internet. Internet itu ialah satu jenis yang direka oleh manusia, satu ilmu yang baik, pengetahuan yang baik dan penggunaan yang baik kalau kita gunakan perkara yang betul. Inilah ketinggian manusia yang dianugerahkan oleh Allah [*membaca sepotong ayat al-Quran*], Tuhan mengangkat orang yang beriman, ketinggian darjat yang begitu tinggi tetapi Tuhan juga mengangkat orang yang berilmu dengan beberapa darjat yang tinggi. Tetapi ilmu yang baik, ilmu yang boleh memberi manfaat kepada umat manusia. Kita balik kepada sejarah dahulu, sebab itu ulama-ulama dahulu menulis buku-buku, tidak ada satu pun yang boleh merosakkan manusia,

bahkan menjadi ikutan kepada seluruh umat. Ini tidak, kalau kita lihat PAS sekarang ini, walaupun ia berideologikan Islam tetapi konsep perjuangan bercanggah, yang ini saya hendak tekankan dalam soal kualiti hidup.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini panjang, saya hendak tekankan juga soal-soal lain dalam soal ini. Terutama sekali, dari segi kementerian-kementerian yang ada kaitan dengan pembangunan di luar-luar bandar khususnya Kementerian Pertanian. Kita lihat banyak penambahan peruntukan lebih kurang hampir RM1 bilion dalam Kajian Separuh Penggal ini iaitu tabung untuk makanan dan lain-lain, hampir RM3 bilion.

Jadi, apa yang penting kita lihat ialah kemudahan asas kepada pertanian, terutama sekali kalau kita hendak meningkatkan pengeluaran hasil produktiviti dalam bidang pertanian ini, sesuai dengan dasar sektor pertanian dan sesuai dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga kita. Apa yang penting saya lihat, kerumitan kepada petani ialah soal pembajakan, kejenteraan ladang.

Jadi, dengan sebab itu, dalam peruntukan yang begitu besar, patutlah Kementerian Pertanian memikirkan menambahkan kejenteraan ladang ini di sektor pertanian. Kalau kita buka ladang begitu besar pun, kalau kejenteraan tidak melengkapinya ataupun kemudahan lain, mungkin kegagalan akan timbul dari segi hendak mengeluarkan hasil dan produk pertanian. Kita minta supaya industri pertanian ini selaras dengan industri-industri yang lain dan jadikan industri yang utama sebagai sebuah negara yang mengeluarkan hasil untuk produk, bukan sahaja dipasarkan dalam negara kita tetapi ialah untuk dieksport bagi mengurangkan kos import kita.

Begitu juga dalam bidang pendidikan, penambahan begitu banyak sehinggakan RM10 bilion, RM16 bilion. Saya hendak sebutkan di sini, pada awal tahun ini, borang institut pengajian tinggi yang diedarkan melalui Bank Simpanan Nasional. Saya rasa kementerian harus kaji semula pengedaran borang ini kepada Bank Simpanan Nasional ini kerana di kawasan saya, saya lihat bila sahaja borang ini diedarkan kepada



Bank Simpanan Nasional, beribu orang menumpu bahkan sesetengah sampai pecah cermin.

Jadi, saya rasa tidak manasabah dan tidak rasional kerana bank juga untuk melayan pelanggan-pelanggan lain dan satu hari itu sehingga tidak sempat hendak melayan pelanggan lain, ini menjadi satu kerumitan dan sunggutan kepada ibu bapa. Apa salahnya borang ini diedarkan melalui Jabatan Pendidikan Daerah ataupun agensi lain yang tidak ada kaitan banyak dengan soal penglibatan masyarakat dan sebaik mungkin edar kepada Pejabat Pendidikan Daerah. Saya rasa itu lebih rasional kerana ini memudahkan pihak-pihak sekolah dan pihak penuntut untuk mengambil borang ini.

Di samping itu, bahagian pendidikan ini juga, saya menyarankan juga bahawa institut pengajian tinggi ataupun kolej-kolej swasta, yang banyak sekarang ini dan menjadi kerumitan kepada penuntut-penuntut kita yang menduduki kolej-kolej swasta ataupun institut pengajian tinggi swasta kerana kos satu semester itu agak berlainan dengan kos yang diberi oleh institut pendidikan awam yang dikelolakan oleh kerajaan.

Kadang-kadang kos itu sampai sekali ganda melebihi apa yang dibuat oleh institut awam ataupun yang dikendalikan oleh kerajaan. Jadi, patut kementerian kaji semula supaya tidak menyulitkan anak-anak kita di luar bandar dan setengah-setengahnya tidak dapat terus menduduki kolej-kolej ataupun institut pengajian tinggi kerana kos terlalu tinggi dan ibu bapa di luar bandar tidak upaya untuk menanggung kos ini. Jadi, ini penting saya minta supaya pihak kementerian kaji semula dalam soal ini.

Selain daripada itu, dalam bidang telekom dan telekomunikasi, walaupun kita telah melangkah ke zaman yang moden ini dengan teknologi yang begitu canggih tetapi masih ada lagi di kampung-kampung yang tidak ada kemudahan telefon. Dalam kawasan saya di Hulu Terengganu yang begitu terpencil, walaupun keadaan sudah membangun tetapi banyak lagi kampung yang tidak ada kemudahan telefon. Misalnya, di kawasan persekitaran Tasik Kenyir ada banyak kampung tetapi tidak dapat

digunakan telefon dan kemudahan-kemudahan yang penting. Seperti Kampung Basong, Payang Kayu, Kampung Teris, Kampung Kuala Pin dan sebagainya. Kedudukan kampung-kampung ini terletak di lebuhraya. Perkara ini telah saya bangkitkan pada bulan Disember dahulu tetapi sehingga sekarang ini tidak menampakkan usaha daripada Kementerian ini untuk memberi peruntukan bagi membina telefon ini.

Di samping itu juga soal perumahan, Kuala Berang sebagai sebuah bandar yang sedang membangun dan banyak tanah awam dan kerajaan yang hendak dibangunkan tetapi kita minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan kita hendak tahu berapa banyak peruntukan yang telah diagihkan mengikut negeri-negeri termasuk juga di Terengganu. Berapa banyakkah peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang diagihkan mengikut negeri-negeri bagi sektor perumahan ini, khususnya perumahan kos rendah untuk kemudahan rakyat.

Baru-baru ini pihak kerajaan negeri telah membina di dua, tiga tempat rumah awam kos rendah di bawah SEDC dan bila kita melihat borang-borang yang dipohon oleh rakyat luar bandar yang ingin mendapatkan rumah murah ini hampir 2,000 hingga 3,000 dan mereka ini perlu mendapatkan rumah. Tetapi oleh kerana kerajaan negeri tidak ada peruntukan ataupun peruntukan terhad, maka kita minta supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini menambah bukan sahaja di Kuala Lumpur seperti mana yang disarankan dalam Kajian Separuh Penggal ini sampai 3,000-5,000 buah rumah akan dibina di Wilayah Persekutuan, tetapi negeri-negeri juga dengan kerjasama kerajaan negeri kita minta supaya perumahan ini diberi lebih banyak kepada rakyat-rakyat luar bandar yang memerlukan rumah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, minta gulung.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Sedikit lagi. Di samping itu termasuk di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar bahawa banyak berlaku pembinaan rumah

rakyat termiskin ini yang kadangkalanya apabila rumah siap, api dan air tidak ada dan setengahnya pula pemohon yang dikategorikan rakyat termiskin ini ada dalam senarai menunggu sampai empat hingga lima bulan akhirnya meninggal dunia, terus tidak dapat rumah. Jadi, saya hendak tanya Kementerian Pembangunan Luar Bandar, adakah bila seseorang pemohon yang telah disenaraikan di bawah program PPRT untuk mendapatkan rumah ini boleh diganti kepada anak-anak mereka walaupun anak-anak mereka ini tidak terdapat dalam senarai tetapi kita sahkan bahawa mereka ini miskin dan apakah peranan wakil rakyat di situ. Adakah pandangan wakil rakyat diterima oleh kementerian tetapi setahu saya bila kita beri pandangan dan kita sahkan bahawa pemohon ini anak kepada simati ini – dia betul-betul miskin tetapi pihak kementerian menjawab dia tidak ada dalam senarai. Jadi, ini kita minta penjelasan yang lebih baik daripada kementerian supaya perkara ini tidak akan berlaku dan banyak rumah terbengkalai yang tidak dapat diduduki oleh kerana tidak ada api dan air serta kemudahan-kemudahan yang lain. Sekian, terima kasih, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Tenom.

**12.54 tgh.**

**Tuan Radin Malleh [Tenom]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kelebihan undi Barisan Nasional di 31 kawasan yang telah dimenangi oleh Barisan Nasional semasa Pilihan Raya Umum Negeri Sabah yang lalu adalah kerana adanya pengundi-pengundi luar yang telah diatur oleh petugas-petugas khas di Bahagian Penerangan Parti UMNO seperti yang tercatat dalam surat ini [*sambil menunjukkan sekeping kertas*] Bil. UMO/KP/BPUMS/(AM)-03/0017 bertarikh 20 Februari 1999. Pendek kata keputusan Pilihan Raya Umum Negeri Sabah yang telah dimenangi oleh Barisan Nasional bukan kerana rakyat Malaysia di Sabah. Kemenangan itu tercapai dengan menggunakan rakyat asing sebagai pengundi di samping menggunakan pemimpin-pemimpin daripada seluruh negara iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak untuk membelasah ataupun kalau dalam bahasa di

Sabah *'keruyuk'* dengan parti pembangkang terutama sekali PBS untuk memenangi pilihan raya itu.

Saya tidak mencari alasan untuk tidak menerima ataupun menghormati keputusan Pilihan Raya Umum Negeri Sabah itu akan tetapi memang benar ada banyak bukti Pilihan Raya Umum Negeri Sabah telah dijalankan tidak mengikut prinsip demokrasi dan tidak adil kerana penggunaan pendatang-pendatang asing tanpa izin sebagai pengundi dan juga pengundi-pengundi hantu. Jika jumlah pengundi luar seperti yang tercatat dalam surat ini yang berjumlah 54,973 tidak diambil kira maka sokongan rakyat tempatan yang diperolehi oleh Barisan Nasional hanya 185,137 undi sahaja berbanding dengan sokongan PBS yang mendapat 213,630 undi.

Tuan Yang di-Pertua, sebuah buku bertajuk *'IC Palsu Merampas Hak Anak Sabah'* yang telah disebut oleh Yang Berhormat dari Kinabalu kelmarin kini sedang menjadi perbualan hangat mengenai penglibatan parti UMNO menerima pendatang-pendatang asing sebagai ahli dan juga sekali gus melindungi rakyat asing tanpa izin di Sabah. Penulis buku itu mendedahkan bahawa banyak perwakilan parti UMNO dari Sabah yang terdiri daripada rakyat asing telah menghadiri Perhimpunan Agung UMNO Malaysia dalam tahun 1996. Ini bererti parti UMNO mempunyai ahli yang terdiri daripada rakyat asing. Tidak menghairankanlah mengapa tiada tindakan diambil terhadap rakyat asing yang terus mencurah datang ke Sabah dan dengan senang mereka telah mendapatkan kad pengenalan. Inilah sebabnya mengapa bilangan penduduk di Sabah kini lebih banyak berbanding dengan penduduk di Sarawak.

Saya berharap Kementerian Dalam Negeri tidak menganggap pendaftaran rakyat asing sebagai pengundi ini sebagai remeh-temeh. Jika ini berterusan tidak mustahil rakyat asing akan lambat laun melebihi jumlah penduduk Malaysia seluruhnya dan mereka mengambil alih tampuk pemerintahan negara ini suatu hari nanti melalui parti UMNO.

Dalam hubungan ini, nampaknya program pemutihan ataupun regularisation programme yang dibuat pada tahun 1996 di Sabah tidak berkesan sama sekali, kalau

tidak Yang Berhormat dari Sipitang tidak akan membangkitkan perkara ini pada 19.4.1999 dalam soalan No. 5 dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana buku tersebut sudah disampaikan, saya fikir tidak perlu saya tenderkan lagi dan saya harap buku itu akan disiasat isi kandungannya supaya kita dapat tahu sama ada sahah atau tidak laporan-laporan itu dan bukan semata-mata untuk memberi punishment kepada pengeluar ataupun penulis buku tersebut.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Radin Malleh:** Saya fikir tiada masa. Kerajaan mesti membentuk satu suruhanjaya....

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Point of Order, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sekejap, dia kata point of order. Sila sebutkan.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, tentang Peraturan Mesyuarat 38(1) sama ada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini ada kena mengena dengan perbahasan usul yang sedang kita bincangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, perbahasan yang diadakan sekarang ini merangkumi perkara yang sangat luas ya. Jadi, kita benarkan perbahasan ini.

**Tuan Radin Malleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Lagi pun Yang Berhormat, saya minta sambung sebelah petang, masa untuk pagi telah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tenom, sila sambung.

Tuan Radin Malleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan mesti membentuk satu Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat secara bebas untuk menyiasat perkara-perkara yang saya katakan tadi tentang masalah pendatang asing dan juga pengeluaran kad-kad pengenalan kepada mereka secara haram dan juga mendaftar mereka sebagai pengundi-pengundi dalam daftar pemilih. Ini akan meliputi perkara berikut:

- (i) Siapakah mengeluarkan 49,270 keping kad pengenalan kepada rakyat asing seperti dalam laporan polis yang saya buat di Kota Kinabalu pada 10 Mac 1999.
- (ii) Mengaparakah rakyat asing diterima sebagai ahli oleh parti UMNO dan didaftar sebagai pengundi di Sabah seperti yang terkandung dalam buku *IC Palsu Merampas Hak Anak Sabah*.
- (iii) Dari manakah pengundi luar yang dimaksudkan dalam surat Ketua Penerangan UMNO Sabah seperti yang saya rujukan tadi.
- (iv) Mengapakah rakyat asing boleh mendaftar sebagai pengundi di Sabah tanpa dikesan oleh Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, penyemakan daftar pemilih dijalankan setiap tahun untuk tujuan memastikan hanya rakyat Malaysia yang layak sahaja didaftar sebagai pemilih. Rakyat asing tidak patut didaftar sebagai pemilih dan campur tangan dalam urusan negara kita. Tiada ertinya kita mengadakan pilihanraya jika keputusannya pasti memihak kepada Barisan Nasional kerana bantuan rakyat asing. Sebenarnya perbuatan ini bertentangan dengan undang-undang negara dan juga menjejaskan semangat dan juga prinsip dan juga cita-cita Rukun Negara.

Berdasarkan pengakuan sendiri oleh ramai rakyat asing semasa siasatan awam diadakan untuk penyemakan Daftar Pemilih dan juga pengakuan mereka yang disabitkan kesalahan di mahkamah kerana memiliki kad pengenalan palsu, tiada siapa dapat menyangkal bahawa ramai rakyat asing telah didaftar sebagai pengundi di Sabah. Yang hairan bin ajaib ialah Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya mahu menegakkan benang yang basah. Begitu juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri juga selalu menafikan bahawa perbuatan ini bukan dibuat oleh pegawai-pegawai SPR ataupun JPM.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ada mempunyai bukti tidak kurang 5,116 orang pengundi yang mempunyai kad pengenalan yang sama, yang bertindih. Begitu juga saya tidak akan baca di sini, tetapi saya mahu tender semuanya kepada Dewan yang mulia ini, termasuk tidak kurang daripada 14,789 orang pencarum dalam EPF di Sabah ada mempunyai pertindihan nombor kad pengenalan mereka.

Begitu juga dalam kes-kes bankrapsi. Di sini saya ada membawa hanya tip of the iceberg, sekurang-kurangnya 13 kes bankrapsi mempunyai kad pengenalan yang bertindih. Begitu juga kepada kad-kad pengenalan yang disabit palsu dalam mahkamah, tidak kurang daripada 17 di sini saya ada bawa di mana nama-nama mereka itu terdaftar dalam daftar pemilih dalam masa pilihan raya yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh dua, tiga orang sahaja yang saya fikir sebagai bukti selain daripada 5,116 itu. Tuan Yang di-Pertua, salah seorang pengundi di kawasan Tenom, Chung Shui Siong dari Kampung Simpangan mempunyai kad pengenalan H 0445269 telah dikongsi bersama oleh Mustapa bin Mur di Lahad Datu.

Begitu juga dengan Woo Chen Ming dari Tenom juga mempunyai kad pengenalan bernombor H 0691664 telah dikongsi bersama oleh Samsudin bin Muhamad di Kunak yang mengundi di Kunak. Seorang pengundi yang bernama Chan Pin Yun yang mempunyai kad pengenalan H 0795670, nombor IC beliau telah

dikongsi bersama oleh seorang yang bernama Laminah bt Abd. Sani di Sulaman, bukan di Usukan yang juga mengundi di sana.

Yang hairan bin ajaib Tuan Yang di-Pertua, adik ipar saya, adik kepada isteri saya yang bernama Easter Anthony Tom. Apabila beliau membaharui lesen keretanya, beliau diberitahu oleh pegawai JPJ bahawa beliau belum lagi bayar saman dan orang yang disaman ini mempunyai lain nama tetapi IC yang sama bernombor H 0669589 yang bernama Abdullah bin Jumarin dari Lahad Datu.

Yang paling dekat lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah Jurutaip Pejabat Perhubungan MP Tenom, iaitu yang bernama Jenip binti Suman yang mempunyai No. IC H 0661483 telah dikongsi bersama oleh seorang Razak bin Rukiman dari Sri Tanjong, Tawau. Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua di sini. Salah seorang pengundi di Kemabong yang mempunyai No. IC H 0906020, Voo Lee Lan yang beralamat di Kampung Bamban, Kemabong dalam kawasan Tenom telah dikongsi bersama oleh seorang pekerja yang mencarum dalam Pertubuhan Keselamatan Sosial ataupun SOCSO yang bernama Kadil bin Wahid, No. ICnya sama di Sandakan.

Ada lagi Tuan Yang di-Pertua, seorang pekerja di Hospital di Tenom yang bernama Rasid bin Janaid mempunyai IC H 0604150 telah dikongsi bersama oleh seorang Pakistan, ini boleh tahu Pakistan sebab muka dia boleh tahu. Ha, ketawa, Rasid bin Janaid juga di Kampung Masjid, Keningau, nombor IC yang sama.

Jadi banyak lagilah contoh-contoh yang saya mahu kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini. Seorang yang bernama Angkala bin Atiulla yang beralamat di Kampung Simpulan Lama, Kota Kinabalu mempunyai nombor IC H 0241687 dikongsi bersama oleh seorang bernama Haja bte Iman Mansor di Kampung Pengaraban. Saya fikir dari kawasan Kudat. Inilah salah satu daripada nombor-nombor IC yang bertindih Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali yang ini saya tunjukkan kepada Dewan yang mulia ini seorang yang bernama George Chong yang mengundi di Penampang seorang Saino-Kadazan, ICnya yang bernombor H 0460241 telah dikongsi bersama oleh seorang bernama



Lukas bin Tang Kalembang, tidak tahu dari mana ini yang mengundi di Sri Tanjong, Tawau.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mustahil rakyat asing boleh mendaftar sebagai pemilih tanpa dapat dikesan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dengan bantuan teknologi dan sistem komunikasi moden dan canggih yang ada sekarang ini. Kita mesti ingat bahawa negara kita adalah tanggungjawab kita. Tiada orang lain akan menolong melindungi negara kita kecuali rakyat negara kita sendiri mahu melindungi keselamatan negara ini. Tuhan tidak akan melindungi negara kita selagi rakyat dan juga mereka yang diberi tanggungjawab menjaga keamanan dan keselamatan negara kita tidak menjalankan tugas mereka dengan jujur dan amanah. Suruhanjaya Pilihanraya mesti menggunakan proses Penyemakan Daftar Pengundi yang sedang berjalan di seluruh negara sekarang ini untuk membersihkan nama-nama rakyat asing di dalam Daftar Pemilih khususnya di Sabah. Hanya dengan adanya Daftar Pemilih yang bersih maka pilihan raya yang adil dan bersih daripada campur tangan rakyat asing akan dapat diadakan. Sebenarnya inilah cara untuk mempertahankan Demokrasi Berparlimen dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Pilihanraya Umum Negeri Sabah 1999, SPR telah membenarkan borang JPN 1/9 dan JPN 1/11 digunakan sebagai pengenalan diri. Saya hairan mengapakah Suruhanjaya Pilihanraya membenarkan pemegang resit-resit tersebut mendaftar sebagai pemilih dan kemudian dibenarkan mengundi sedangkan hampir semua rakyat Malaysia sudah mempunyai kad pengenalan biru ataupun kad pengenalan bermutu tinggi (KPT) atau sekurang-kurangnya telah memohon KPT.

Resit JPN 1/9 hanya dikeluarkan kepada orang yang baru sahaja memohon kad pengenalan. Persoalan timbul bagaimanakah SPR mendaftar seseorang individu sebagai pengundi yang belum mempunyai nombor kad pengenalan ataupun baru memohon kad pengenalan. Dalam resit JPN 1/11 pula dinyatakan bahawa dokumen itu bukan dokumen pengenalan diri untuk maksud Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Juga dinyatakan dengan jelas dalam Borang JPN 1/11 ialah bahawa nombor

kad pengenalan yang tercatat dalam resit itu belum disahkan dan tidak boleh diterima sebagai betul. Namun, SPR menerima dokumen itu sebagai pengenalan diri untuk diguna semasa Pilihanraya Umum Negeri Sabah yang lalu dan juga untuk mendaftar sebagai pengundi walaupun tidak disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Borang JPN 1/9 dan JPN 1/11 dengan catatan rasmi seperti di atas diperbuat dengan kuasa Parlimen. Justeru itu, borang-borang tersebut adalah sebahagian daripada undang-undang pendaftaran negara. Suruhanjaya Pilihanraya patut patuh kepada semua peruntukan Akta Pendaftaran Negara termasuklah catatan dalam Borang JPN 1/11 itu. Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya dan juga pegawai-pegawainya yang gagal menjalankan tugas dengan sempurna sama ada mendaftar pemilih adalah melakukan kesalahan dan patut diambil tindakan menurut undang-undang, khususnya dalam Seksyen 4(g) Akta Kesalahan Pilihanraya 1954. Pada hemat saya, ramai rakyat asing di Sabah telah didaftar sebagai pemilih kerana pegawai-pegawai dan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia tidak menjalankan tugas mereka mengikut peruntukan undang-undang negara ini.

Saya minta Menteri yang bertanggungjawab memberi penjelasan dalam Dewan yang mulia ini mengapa SPR tidak menjalankan penyemakan daftar pemilih di Sabah menurut undang-undang dan khususnya Kaedah 14(3) Peraturan-peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihanraya 1971, iaitu untuk memastikan kelayakan pemilih, penyiasatan dari rumah ke rumah patut dijalankan. Ini amat penting dilakukan di Sabah kerana ramai rakyat asing telah didaftar sebagai pemilih oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Tetapi saya sangat hairan kerana bukan sahaja ini tidak dilakukan, tetapi senarai A daftar pemilih di Sabah tidak disemak semula walaupun ada bantahan, kecuali untuk mengugurkan nama mereka yang sudah meninggal dunia. Saya harap tiada 'udang di sebalik batu' dalam hal ini. Amalan ini tidak betul kerana bertentangan di dalam peruntukan undang-undang dan perlu diperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya katakan, semasa pilihan raya negeri Sabah, perbuatan rasuah dan amalan politik wang telah dilakukan secara

berleluasa oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional daripada Perlis hinggalah ke Kuching berkumpul berkempen di Sabah untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional dengan mengerunyak pemimpin-pemimpin daripada pembangkang terutama sekali dari PBS.

Tetapi mereka melakukan itu semua seolah-olah mereka menganggap bahawa Barisan Nasional mempunyai hak mutlak memerintah negara dengan apa cara sekalipun. Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional telah melakukan kegiatan rasuah dan politik wang dengan pelbagai cara seperti memberi rakyat wang pada hari mengundi, membahagikan atap zinc, tangki air, tangki gas untuk memasak, enjin bot, mesin jahit dan pelbagai lagi termasuk chain saw dan kain sarung dilakukan sebelum, semasa ataupun selepas hari mengundi dengan tujuan memancing undi. Tujuan memancing undi itu jelas kerana banyak peralatan telah diberi kepada rakyat di kampung yang didapati tidak mengundi Barisan Nasional ditarik balik selepas pilihan raya.

Sudah tiba masanya amalan rasuah dan politik wang dalam negara kita dibanteras. Mereka yang terlibat dalam perbuatan rasuah dan amalan politik wang, tanpa mengira kedudukan mesti diambil tindakan menurut Akta Pencegahan Rasuah 1997. Jika amalan politik wang berterusan mempengaruhi pemikiran rakyat Malaysia setiap pilihan raya kerana didorong dan digalakan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, kemungkinan besar semangat rakyat untuk mempertahankan demokrasi berparlimen akan bertukar menjadi keinginan mencari wang dan lain-lain keistimewaan kebendaan dalam sekelip mata semasa pilihan raya. Rakyat tidak lagi menghargai prinsip demokrasi dan maruah bangsa atau negara. Pemimpin-pemimpin yang mendapat kuasa dengan cara rasuah atau menyogok itu pula akan hanya menjaga kepentingan mereka sendiri tetapi tidak akan menghiraukan kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Radin Malleh:** Boleh saya gulung sekejap? Kita harap segala saranan dan juga teguran-teguran yang membina ini, kita harap kerajaan dan juga pihak-pihak berkuasa akan menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mentakab.

**2.45 ptg.**

**Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa tiga minggu kebelakangan ini, kita telah melihat beberapa laporan dan analisa oleh pelbagai bank pelaburan antarabangsa dan penganalisa sekuriti seperti Saloman Smith Barney, Goldman Sachs, J.P. Morgan, Credit Suisse dan Merrill Lynch yang telah menunjukkan sentimen beroptimistik dan keyakinan bahawa ekonomi negara Malaysia akan pulih dan mencatat pertumbuhan positif pada tahun ini. IMF juga percaya ekonomi negara kita akan tumbuh pada 0.9% pada tahun ini, manakala rating agensi seperti Standard & Poor, Moody's Investor Service dan Fitch IBCA pula telah meningkatkan rating terhadap bonds, notes dan prospek hadapan Malaysia. Ini semua merupakan pengesahan dan pengakuan bahawa tindakan yang diambil oleh kerajaan seperti kawalan modal singkat, kadar tukaran mata wang ringgit, reformasi dalam sistem perbankan dan sistem kewangan dan juga langkah-langkah fiskal untuk menangani krisis ekonomi adalah tepat dan mula berhasil. Syabas kepada usaha kerajaan Barisan Nasional.

Malangnya parti pembangkang khususnya DAP sengaja memilih untuk menutup mata kepada kenyataan-kenyataan di atas dan sebaliknya lebih suka membesar-besarkan isu yang tiada kaitan dengan ekonomi. Kepada parti pembangkang, mereka memang suka lihat kerajaan Barisan Nasional gagal menangani krisis ekonomi sebab kegagalan kerajaan akan menjadi modal politik untuk mereka menghentam Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, teras utama dalam sektor pembuatan ialah mengembangkan industri berasaskan sumber, industri hiliran yang berpotensi untuk eksport. Pada masa yang sama, usaha anjakan strategik ke arah industri berasaskan teknologi tinggi dan pengetahuan dengan tujuan supaya produk buatan Malaysia akan mempunyai nilai ditambah yang tinggi perlu dipercepatkan. Teras di atas melibatkan usaha semua pihak kerajaan dan pihak swasta dan juga dalam kerja penyelidikan dan pembangunan, pengurusan pengeluaran moden, peningkatan penggunaan sains dan teknologi, galakan dan insentif untuk pelaburan yang diperlukan, dan bekalan tenaga yang mahir dan berpengetahuan yang mencukupi untuk menyokong aktiviti ekonomi yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkembangan baru di atas dan guna tenaga yang akan melibatkan mereka yang berkelayakan dan berpengetahuan, maka saya berpendapat kita juga perlu membuat sesuatu penyesuaian terhadap dasar gaji nasional.

Selama ini kita masih berpegang kepada dasar gaji rendah sebagai satu faktor bersaing untuk menarik pelabur asing dan di pasaran antarabangsa. Saya ingin mencadangkan supaya satu kajian dijalankan terhadap dasar gaji nasional selaras dengan perkembangan ke arah industri yang berteknologi tinggi dan berpengetahuan. Di samping itu masalah jurang perbezaan skim gaji di sektor awam dan swasta juga perlu dikaji supaya gaji di sektor awam menjadi lebih competitive.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong usaha kerajaan termasuk peruntukan tambahan untuk mengembangkan teknologi maklumat dan mempertingkatkan keupayaan negara dalam bidang sains dan teknologi. Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita menghadapi kegawatan ekonomi, program-program untuk IT perlu diberi keutamaan oleh kerana kepesatan dalam pembangunan IT sedunia tidak akan menunggu sesiapa. Negara mana yang lambat dan tidak merancang untuk membangunkan secara serentak dengan arus pembangunan IT maka ia akan ketinggalan masa dalam dunia di mana persaingan kian menjadi hebat.

Tuan Yang di-Pertua, penurunan sumbangan total factor productivity (TFP) dengan izin, kepada pertumbuhan KDNK daripada 28.7% dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam kepada 19.5% dalam tempoh tahun 1996 hingga 1997 amat mengkhawatirkan, tentang daya saingan negara maka pembangunan IT dan sains dan teknologi sebagai satu langkah, frog lip, dengan izin, boleh meningkatkan kecekapan keberkesanan dan produktiviti maka memandangkan kepentingan IT pihak swasta termasuk IKS perlu menyedari kepentingannya. Di sini saya ingin tanya selain daripada pembangunan Cyberjaya apakah perkembangan terkini mengenai tujuh aplikasi perdana MSC. Adakah pelaksanaan ketujuh-tujuh aplikasi perdana tersebut telah dilambatkan oleh kekurangan kewangan. Berapa syarikat telah diberi status MSC, adakah mereka telah mula beroperasi dan apa sub-sector daripada bidang IT yang merupakan syarikat-syarikat tersebut yang diberi status MSC. Dalam hubungan ini saya mengalu-alukan initiative kerajaan untuk mengubah satu pelan induk bagi memastikan pembangunan perdagangan elektronik, dengan izin, e-commerce berjalan dengan secara teratur.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu teras dalam kajian separuh penggal ialah menggiatkan semula sektor pertanian dan luar bandar sejajar dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga. Ini termasuk usaha untuk meningkatkan keluaran makanan tempatan bagi mengurangkan pergantungan kepada import, usaha ke arah tersebut bukan sahaja akan memperbaiki akaun perdagangan negara bahkan juga akan membantu mempercepatkan pembangunan kawasan luar bandar. Dalam perkara ini masalah kekurangan tanah dan tenaga buruh perlu diatasi. Saya ingin menyeru kerajaan negeri mengambil sikap yang lebih terbuka dalam meluluskan permohonan tanah kepada petani-petani tulen yang benar-benar mengusahakan tanah khususnya dalam tanaman sayur-sayuran dan tanaman kontan. Untuk tanah terbiar milikan persendirian jika tuan punya tanah tidak mampu menjalankan tanaman atas sebab tertentu mereka juga digalakkan memajak tanah tersebut atau mengadakan usaha sama dengan pihak swasta yang minat mengusahakan untuk manfaat bersama. Pihak khidmat sokongan pertanian

seperti MARDI, FAMA dan IADP juga perlu lebih proaktif dalam menyalurkan bantuan teknikal dan hasil R&D kepada pihak petani demi mempertingkatkan penggunaan teknologi moden dan memastikan hasil tanaman mereka ada akses kepada pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya saya dapati tanaman buah-buahan di luar bandar tidak mempunyai perancangan yang menyeluruh dan juga tidak bersepadu untuk mendorong industri pemprosesan. Saya ingin mencadang supaya Kementerian Pertanian mengkaji kemungkinan mengadakan konsep tanaman ber'cluster' seperti industry cluster, dengan izin, yang mengintegrasikan tanaman buah-buahan, tanaman hulu dan industri pemprosesan hiliran untuk kawasan yang sesuai sebagai satu pendekatan untuk membangun sub-sector tanaman buah-buahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik kepada cadangan untuk mempergiatkan usaha ternakan ikan laut dalam sangkar secara besar-besaran. Sebenarnya ternakan ikan air tawar di sungai juga mempunyai potensi yang besar dan harus diberi penekanan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di sepanjang sungai Pahang telah pun wujud banyak tapak ternakan ikan sangkar khususnya di kawasan Mentakab dan Temerloh, namun saya berpendapat ia memerlukan perancangan yang lebih teratur dan menyeluruh untuk mengeksploitasikan potensinya termasuk menjadikan kawasan tersebut sebagai satu tarikan pelancong. Saya ingin mencadang supaya satu unit khas untuk industri ternakan ikan sangkar ditubuhkan untuk merancang dan memberi sokongan khidmat untuk pembangunannya.

Tuan Yang di-Pertua, teras terakhir dalam Kajian Separuh Penggal ini ialah meningkatkan kualiti hidup rakyat. Teras ini amat unik dan bermakna sebab sebenarnya semua tujuan perancangan dan aktiviti ekonomi adalah untuk meningkatkan kualiti hidup. Maka menjadikannya sebagai satu teras bagi tempoh akhir rancangan membayangkan keazaman kerajaan agar satu masyarakat Malaysia yang bersatupadu, berbudaya tahan, berdisiplin diri dan mempunyai nilai-nilai yang kukuh akan wujud menjelang dekad 21. Ke arah pembangunan sosial, banyak tumpuan

dan sumber telah pun disalurkan kepada penyediaan peluang pendidikan dan latihan untuk semua, perumahan untuk keluarga yang berpendapatan rendah, kesihatan, perkhidmatan sosial, pembangunan belia dan kaum wanita dan juga pemeliharaan alam sekitar.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat selagi rakyat Malaysia tidak mengubah sikap buruk tabiat dan juga amalan mereka dalam beberapa aspek, peningkatan dalam kemudahan fiskal dan sosial tidak bermakna kualiti hidup rakyat Malaysia akan meningkat dan akan menjadi setanding dengan kualiti hidup rakyat negara maju. Sikap buruk yang saya maksudkan termasuk perkara asas seperti tabiat membuang sampah sesukanya tanpa menjaga kebersihan persekitaran, keengganan beratur untuk menunggu giliran, kelakuan yang tidak sivik, etika kerja yang tidak mementingkan kualiti, kecemerlangan dalam kerja dan juga perkhidmatan dan sebagainya. Maka ke arah membentuk satu bangsa Malaysia yang mempunyai nilai-nilai murni serta sifat tanggungjawab sivik, saya setuju bahawa usaha khas perlu dirancang supaya sistem nilai yang baik dapat dibentuk melalui sistem pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata tersebut saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bayan Baru.

**3.00 ptg.**

**Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Ingin saya menyentuh perkara berkenaan usaha-usaha kerajaan memberi keutamaan kepada penyediaan perumahan untuk keluarga berpendapatan rendah dan miskin. Saya menumpu perhatian ke aspek kualiti rumah-rumah yang dibekalkan. Rumah kos rendah yang dibina di negara kita sudah tidak menepati namanya lagi kerana harga asalnya RM25,000 sudah dinaikkan. Sebaliknya mutu rumah kos rendah itu memang rendah, kebanyakan rumah kos rendah yang dibina itu mempunyai kecacatan dari segi kualiti.



Lumrahnya rumah kos rendah yang dibina itu tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, tambahan pula kemudahan untuk rumah kos rendah itu juga amat kurang. Seperti kita sedia maklum, pembeli-pembeli rumah kos rendah itu rata-rata orang miskin, mereka tidak patut ditipu dalam pembelian rumah kos rendah. Kita mesti memastikan pemaju perumahan bertanggungjawab dalam pembinaan rumah kos rendah. Jika kita membiarkan keadaan sedemikian diteruskan, maka matlamat kerajaan untuk membantu rakyat miskin akan gagal. Oleh yang demikian, saya cadangkan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melipatgandakan usahanya dengan lebih ketat untuk menyelia pembinaan rumah kos rendah supaya kualiti dan spesifikasinya boleh dipatuhi sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pemansuhan Akta Kawalan Sewa 1997 mewujudkan sedikit masalah sosial kepada sebahagian penyewa-penyewa yang berpendapatan rendah. Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997 telah berkuat kuasa pada 1 September 1997 dan tempoh peralihan untuk akta ini akan berakhir pada 31 Disember 1999. Tempoh peralihan untuk akta ini adalah untuk kerajaan negeri membina rumah untuk tenant dan sub-tenant yang rumah kediaman mereka terbabit di dalam Akta Kawalan Sewa itu. Jika tenant dan sub-tenant tidak dapat mencari kediaman alternatif, mereka akan menghadapi risiko kenaikan sewa yang tidak terkawal oleh pemilik premis itu, apabila tempoh peralihan itu berakhir pada penghujung tahun ini.

Keadaan ini benar-benar berlaku di Pulau Pinang yang mempunyai rumah di bawah Akta Kawalan Sewa itu yang paling banyak. Dalam tempoh peralihan tiga tahun ini, pemilik premis menetapkan sewa bulanan rumahnya mengikut formula yang ditetapkan oleh kerajaan, tetapi selepas tamat tempoh peralihan ini, pemilik premis berhak mendapat pemilikan kosong premis tanpa membayar sebarang pampasan kepada tenant. Di samping itu, pemilik premis juga boleh mengambil alih premis dengan memberikan notis tiga bulan kepada tenant. Sesetengah pemilik premis

sengaja menaikkan sewa bulanan ini sewenang-wenangnya sehingga 1000% semata-mata hendak memperolehi keuntungan yang berlebihan.

Banyak penyewa rumah di Pulau Pinang akan mengalami nasib sedemikian menjelang penghujung tahun ini. Mereka mungkin tidak akan mendapat kediaman alternatif kerana rumah kos rendah yang dibina di Pulau Pinang tidak dapat menampung keperluan mereka. Selain itu, mereka juga tidak mampu menanggung sewa premis yang dinaikkan begitu tinggi. Kita perlu memandang berat masalah yang dihadapi oleh penyewa-penyewa premis itu di Pulau Pinang akibat penguatkuasaan Akta Kawalan Sewa itu. Di samping pembinaan rumah kos rendah dipercepat dan diperbanyakkan untuk menampung keperluan mereka yang terlibat, kerajaan perlu menubuhkan Tribunal Sewa Patut, dengan izin, Fair Rent Tribunal untuk mengadili kenaikan sewa rumah yang luar biasa dan membebaskan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkhidmatan bandar saya juga menarik perhatian kerajaan tentang masalah banjir di bandar George Town. Banjir di bandar George Town, Pulau Pinang merupakan satu kejadian yang biasa. Apabila air pasang, kawasan ADUN Kampung Kolam dan Pengkalan Kota kebanjiran. Banjir akan menjadi lebih teruk jika air pasang, diiringi oleh hujan. Selain air pasang, hujan yang agak lebat juga menyebabkan kebanyakan kawasan di bandar George Town dilanda banjir kilat. Kebanyakan penghuni di bandar warisan ini telah menanggung bencana banjir ini sejak bandar ini dibuka semasa zaman penjajahan dahulu. Masalah banjir ini bukan sahaja membawa kesusahan kepada penduduk Pulau Pinang malah juga menjejaskan Pulau Mutiara ini sebagai destinasi pelancongan kerana beberapa hotel lima bintang yang terkemuka juga terletak di kawasan banjir ini.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjalankan projek tebatan banjir untuk mencegah atau mengurangkan berlakunya banjir yang disebabkan oleh air pasang atau hujan. Projek tebatan banjir di George Town telah dirancang pada Rancangan Malaysia Keenam tetapi malangnya sampai sekarang projek-projek ini belum disiapkan. Kami berharap Kerajaan Pusat akan membantu rakyat Pulau Pinang untuk

mengatasi masalah banjir yang selama ini menjadi igauan kepada penghuni di kawasan itu turun temurun.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan usaha-usaha kerajaan mengurangkan kesan kelembapan ekonomi, izinkan saya membangkitkan isu-isu gaji pekerja. Rakyat kita yang bekerja di sektor swasta telah kehilangan gaji dan bonus selama dua tahun semenjak berlakunya kegawatan ekonomi. Berikutan langkah-langkah berkesan kerajaan, negara kita berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi 1% tahun ini. Menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pertumbuhan ekonomi negara kita akan meningkat kepada 5% tahun hadapan. Kita harus berterima kasih kepada rakyat kita yang telah memberikan sokongan padu kepada kerajaan dalam langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kegawatan ekonomi. Rakyat kita yang berkhidmat di sektor swasta sanggup berkorban demi kepentingan negara. Mereka telah mengorbankan kenaikan gaji dan bonus untuk dua tahun. Kini negara kita telah memperlihatkan wajah pemulihan ekonomi berkat kerjasama dan sokongan semua rakyat. Bukankah adil jika kenaikan gaji dan bonus diberikan semula kepada rakyat kita yang berkhidmat di sektor swasta.

Oleh yang demikian, saya menyeru semua majikan supaya menimbangkan pemberian kenaikan gaji dan bonus kepada pekerja-pekerja mereka. Rakyat kita telah mengambil iktibar daripada kegawatan ekonomi. Mereka telah berjimat cermat dalam perbelanjaan harian dan membeli barangan buatan Malaysia untuk memulihkan ekonomi negara. Saya berpendapat bahawa pengorbanan mereka perlu dihargai.

Kakitangan kerajaan juga tidak kurang sumbangan mereka dalam membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara, merekalah yang di barisan hadapan untuk melaksanakan dasar kerajaan tanpa sebarang rungutan. Sumbangan mereka juga harus

diiktiraf. Setahu saya sudah tiba masanya untuk semakan gaji kakitangan kerajaan diadakan memandangkan ekonomi negara kita beransur pulih. Saya berharap bahawa kerajaan akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada tuntutan mereka melalui kesatuan mereka masing-masing. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Sipitang, sila.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Ledang, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ledang, sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ledang.

### **3.10 ptg.**

**Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk saya turut serta dalam perbahasan ini. Memandangkan banyak isu telah disentuh oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, maka saya hanya secara ringkas ingin menyentuh beberapa isu tertentu sahaja dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kelembapan ekonomi yang berlaku bukan sahaja telah menyebabkan ekonomi negara mencatat pertumbuhan yang negatif pada tahun lalu, inflasi meningkat daripada 2.7% pada tahun 1997 kepada 3.9% tahun 1998 dan telah turut menjejaskan usaha-usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Soalannya sama ada krisis ekonomi yang berlaku secara kebetulan pada akhir abad ini iaitu semasa rakyat Malaysia sedang bersiap-siap untuk melangkah dan berhadapan dengan cabaran-cabaran yang lebih hebat menjelang abad ke-21 dan sekali gus ke destinasi keramat iaitu Wawasan 2020. Itu akan lebih memperkuat dan memperkukuhkan lagi keazaman dan semangat rakyat Malaysia untuk bangun semula dan menjadikan krisis ini sebagai batu loncatan atau stepping stone, dengan izin, ke arah millenium yang akan datang dengan lebih yakin dan lebih matang lagi. Ataupun krisis ini akan

melemah dan melembapkan semangat rakyat Malaysia sama ada golongan yang pernah menjadi korporat besar hingga kepada rakyat kampung yang turut terpuak oleh krisis ekonomi, apabila saham-saham amanah termasuk saham-saham amanah negeri-negeri yang disediakan untuk mereka, yang satu ketika dahulu tumbuh sebagai cendawan di musim hujan turut menjunam dan sekali gus krisis ekonomi ini menjadi sebagai batu penghalang ataupun, stumbling block, dengan izin, yang akan menghalang kejayaan kita dalam persaingan era globalisasi yang lebih mencabar di abad yang akan datang dan harapan besar kita untuk menjayakan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, adalah malang sekali bagi kita apabila krisis ekonomi ini berlaku di saat-saat kita dan negara-negara rantau ini sedang menikmati pertumbuhan ekonomi yang cukup mengagumkan, di saat-saat Malaysia dan negara-negara rantau ini sedang khayal dan seronok dengan kata-kata jolokan yang indah-indah seperti 'the new economic tigers', abad Asia, kebangkitan era Pasifik dan lain-lain, krisis ekonomi ini telah menyebabkan kita surut jauh kebelakang dan memaksa kita mengambil masa yang lama untuk memulihkan semula ekonomi negara yang telah dibina selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kita masih bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana keadaan kita agak lebih baik daripada daripada sesetengah negara jiran kita dan fundamental ekonomi kita adalah kukuh dan kuat kerana itu kita agak optimis bahawa negara kita mampu dipacu semula ke arah kejayaan dan kecemerlangan sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan peruntukan tambahan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini yang memberikan manfaat kepada semua pihak termasuk rakyat jelata seperti pengusaha IKS, pelajar-pelajar, penduduk-penduduk setinggan, golongan termiskin dan lain-lain, dan ini perlu disokong oleh semua pihak.

Dalam pada itu, banyak juga dasar-dasar negara yang telah diperkenalkan dalam tempoh 17 tahun ini seperti Dasar Pandang Ke Timur. Soalannya apakah nilai-nilai Jepun dan Korea seperti sifat kerja kuat mereka, dedikasi mereka terhadap tanggungjawab dan amanah negara telah menjadi sebahagian daripada budaya kerja dan budaya hidup kita, sama ada di kalangan pemimpin, pegawai-pegawai kerajaan dan swasta dan seterusnya kepada rakyat.

Sikap Bersih, Cekap dan Amanah adakah benar-benar telah dihayati oleh para pemimpin, pegawai-pegawai tinggi dan rendah kerajaan, pihak korporat dan swasta serta rakyat seluruhnya. Dasar atau matlamat kita untuk mencapai sejumlah 70 juta penduduk, apakah dasar ini masih relevan untuk diteruskan, selepas kita menyaksikan pengalaman pahit yang berlaku di Indonesia akibat daripada kegawatan ekonomi yang berlaku pada akhir abad ke-20 ini. Pengajarannya ialah, lebih baik mempunyai jumlah penduduk yang sedikit tetapi menikmati hidup yang berkualiti daripada mempunyai ramai penduduk tetapi sentiasa terdedah kepada ancaman kemiskinan, keresahan, kegelisahan dan ketidakstabilan sosio-ekonomi dan politik.

Juga tentang dasar Kepimpinan Melalui Tauladan, sejauh manakah dasar ini telah benar-benar dihayati oleh pemimpin-pemimpin kita disegenap peringkat kerana kepimpinan itu bukan setakat slogan tetapi bererti pertanggungjawaban. Bererti amanah yang dibebankan ke atas setiap orang yang bergelar pemimpin dan pertanggungjawaban ini tidak setakat habis di dunia malah dipersoalkan di akhirat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu saya ingin mencadangkan supaya dasar-dasar ini termasuk dasar penswastaaan perlu dikaji semula untuk memastikan kejayaan dan keberkesanannya juga untuk memastikan jika terdapat loophole, dengan izin, atau kelemahan-kelemahannya. Sesungguhnya krisis ekonomi yang berlaku secara mengejut dan tanpa disangka-sangka dan dalam tempoh yang singkat sahaja telah

berjaya meruntuhkan kekaguman ekonomi Asia atau 'Asian miracle' ini bukan sahaja perlu dikaji dan dianalisa secara intelektual, objektif dan telus oleh pakar-pakar ekonomi dan cerdik pandai kita, malah sekali gus memberi peluang kepada kita untuk menganalisa diri dan mengkaji secara teliti dan ikhlas kejayaan dan kelemahan dasar-dasar negara kita selama ini.

Jikalau terdapat kejayaan kita teruskan dan pertingkatkan lagi tahap kejayaan, jika terdapat kelemahan di mana-mana kita perlu dengan berani dan berterus terang mengakuinya dan sekali gus memperbetulkan atau mengislahkan kelemahan-kelemahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat bahawa tidak ada satu sistem ataupun dasar yang sempurna di dunia ini ataupun, dengan izin, it is an imperfect world, maka cadangan untuk satu kajian semula dibuat terhadap dasar-dasar yang telah diperkenalkan kepada kita selama ini. Dasar-dasar yang baik dan sentiasa relevan di sepanjang masa tetapi penghayatannya lesu dan lemah perlu dimantapkan semula supaya benar-benar bermanfaat dan bererti, manakala dasar-dasar yang memerlukan pindaan dipinda sewajarnya mengikut kesesuaian masa dan kesesuaian keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya ingin mengucapkan terima kasih dan menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagan.

**3.18 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam muka surat 355 – Perumahan, berbunyi: *“Teras dasar perumahan adalah untuk menyediakan akses kepada perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli atau disewa oleh semua rakyat Malaysia terutama sekali golongan berpendapatan rendah.”*

Tuan Yang di-Pertua, saya baca dalam buku ini bahawa setakat tahun 1998 hanya 50.4% sahaja target telah disiapkan dan bermakna Rancangan Malaysia Ketujuh ini akan mengambil tempoh lima tahun iaitu dari tahun 1996, 1997 dan 1998 dan jikalau diambil kira tiga tahun bermakna perlu disiapkan 60% tetapi kini telah disiapkan hanya 50% sahaja.

Satu lagi bidang di bawah perumahan kerajaan dan kediaman kakitangan. Pencapaiannya lagi teruk iaitu mendapat pencapaian hanya 8.7% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jadi masalah perumahan adalah menjadi satu topik yang sangat hangat dibahas oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Satu masalah di mana kerajaan sering kali menyalahkan pemaju-pemaju swasta tidak membina rumah kos rendah, saya sering kali bertanya dalam Dewan yang mulia ini, kerana hak kelulusan pelan untuk memajukan sesuatu projek itu adalah tertakluk kepada kerajaan tempatan. Seseorang pemaju yang hendak memajukan satu tempat, jikalau beliau tidak menyediakan rumah kos rendah, maka kerajaan tempatan boleh menolak permohonan beliau untuk kelulusan pelan. Di sini jikalau pemaju tidak menyediakan rumah kos rendah maka ini tidak boleh disalahkan pemaju swasta itu, kerajaan sendiri kena bertanggungjawab untuk kelalaian ini. Mungkin pemaju swasta ini ada cara-cara untuk mendapat kelulusan, tetapi kerajaan tempatan tidak boleh melarikan diri dari tanggungjawabnya.

Jadi, saya berharaplah dari hakikat ini kerajaan janganlah berkata bahawa pihak swasta tidak mahu membina rumah-rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, juga terdapat kecacatan dan kurang kawalan di dalam undang-undang mengawal pemaju.

Tempoh hari, kami dengar dalam Dewan yang mulia ini, Ketua Pembangkang merangkap Ahli Parlimen dari Tanjong dan saya sendiri telah membangkitkan Majestic Height, iaitu satu perumahan raksasa di Pulau Pinang di mana ada 3,500



pembeli atau pemohon projek tersebut sekarang menghadapi kesusahan kerana projek itu telah terbengkalai.

Dalam beberapa mesyuarat yang diadakan di antara pemaju, Kerajaan Negeri dan wakil dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga penduduk-penduduk kawasan sana telah mencapai satu persefahaman. Tetapi dari kunjungan ke tapak dalam masa-masa yang singkat ini kami dapat tahu sejak persefahaman itu disetujui sampai sekarang tidak ada banyak progress (kemajuan) dilaksanakan.

Tempoh hari, kami juga dengar satu jawapan dari Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberitahu bahawa mereka masih menunggu laporan dari Kerajaan Pulau Pinang. Apa laporan dari kerajaan itu tidak menjadi satu pertikaian untuk pihak kami di sini. Tetapi saya ingin bertanya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mereka telah pergi ke tapak untuk membuat tinjauan pada 22 Mac 1999, iaitu lawatan pertama ke site itu. Mereka dalam persefahaman itu berkata akan melawat site atau tapak empat belas hari kemudian. Jadi mereka perlulah datang ke site atau tapak itu untuk meninjau pada 6 April 1999 iaitu the second visit dan 20 April 1999, the third visit iaitu kali yang ketiga dan mungkin pada 4 Mei 1999 ini mereka perlu satu lagi visit. Jadi kedua-dua visit yang mereka pergi itu bolehkah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberitahu apa hasil dari lawatan itu sama ada kontraktor atau pemaju telah menunaikan apa-apa yang telah disetujui dalam persefahaman itu. Ini perlu diberitahu kepada rakyat khasnya 3,500 orang pembeli rumah itu dengan satu keterangan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kami baca dalam surat khabar bahawa Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengarahkan seorang pemaju di Kuala Lumpur untuk menyelesaikan hal sedemikian di dalam surat khabar *The Sun*. Beliau menggunakan kuasanya untuk menghadkan satu tempoh supaya pemaju itu boleh melaksanakan rumah mereka dan menyerah kepada pembeli-pembeli. Saya tidak tahu mengapa Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak boleh menggunakan kuasa

sedemikian untuk menyelesaikan perkara di Majestic Height di Pulau Pinang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pemansuhan Kawalan Sewa juga ada berkait dengan masalah perumahan. Kami telah mendengar ucapan-ucapan dalam Dewan yang mulia ini dari Paya Terubong sebentar tadi bahawa rakyat khususnya di Pulau Pinang sedang menghadapi kesusahan menghadapi masalah ini. Tetapi saya ingin memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Paya Terubong bahawa dua hari yang lalu, Timbalan Menteri dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah berkata dalam Dewan yang mulia ini dengan izin, saya baca,

*“untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat kita tidak ada maklumat tentang kes-kes yang sekarang dirujuk kepada Tribunal yang saya sebut tadi. Ini bermakna kita tidak ada apa-apa pertikaian buat masa sekarang antara penyewa dan pemilik bangunan itu dan ini adalah satu tanda yang baik di mana kita boleh lihat pemansuhan ini tidak menimbulkan rasa tidak puas hati dari pihak penyewa.”*

Ini adalah satu jawapan dari Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya tidak ada masa, masih ada banyak lagi kerana 20 minit sahaja. Tidak ada masa, Tuan Yang di-Pertua.

Apa gunanya kesal sekarang? Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional semua sokong dengan sepenuh-penuhnya dalam Dewan ini supaya akta ini dimansuhkan.

Dari pihak kami sini, kami menyokong pemansuhan akta ini tetapi kami meminta tempoh peralihan supaya dipanjangkan kepada lima tahun. Tetapi Yang Berhormat dari sana cuma bagi tiga tahun – 1997, 1998, 1999, tahun ini habislah dan sekarang baru kesal, baru kata ada masalah dihadapi oleh penyewa-penyewa dan mereka masing-masing pergi cari ADUN-ADUN di kawasan mereka masing-masing

iaitu MCA dan Gerakan. Mereka telah kata, “oh, ini kerajaan patut melonggarkan tempoh ini”. Tidak ada gunanya kerana akta ini telah diluluskan dalam Dewan yang mulia ini.

**Seorang Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tidak ada masa, saya ada banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah jikalau Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional khususnya, MCA dan Gerakan dan juga khususnya dari Pulau Pinang, jikalau mereka betul-betul memperjuangkan untuk rakyat atau penyewa-penyewa yang terlibat dalam pemansuhan Akta Kawalan Sewa 1997 ini maka mereka perlulah mendesak supaya kerajaan boleh membentangkan satu lagi akta supaya meminda akta ini, tempoh pemansuhannya dilonggarkan sehingga tahun 2003 atau 2005. Jikalau Yang Berhormat dari Barisan Nasional berani membuat demikian, maka pihak kami, pembangkang sebelah sini akan menyokong sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, juga kami mendesak supaya pada persidangan Parlimen, pejabat-pejabat dari kerajaan boleh menubuhkan kaunter-kaunter perkhidmatan di Bangunan Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati bahawa kami seringkali mendapat pengaduan dan masalah-masalah yang tidak boleh diselesaikan oleh pengundi-pengundi di kawasan kami dan mereka mencari wakil rakyat atau Yang Berhormat daripada kawasan masing-masing untuk menyelesaikan masalah untuk mereka. Juga terdapat masalah-masalah di mana hanya boleh diselesaikan oleh Kerajaan Pusat iaitu di Kuala Lumpur ini. Jikalau di tempat masing-masing seperti Pulau Pinang, Butterworth atau lain-lain negeri di Malaysia, wakil-wakil rakyat di kawasan masing-masing boleh pergi ke pejabat-pejabat di negeri-negeri mereka tetap berkenaan

dengan Kerajaan Pusat atau yang bersangkutan dengan pejabat-pejabat yang ada di Kuala Lumpur, maka kami menghadapi kesusahan untuk pergi ke pejabat-pejabat itu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Misalannya, di Jabatan Imigresen di Damansara, kami mendapati susah hendak pergi ke sana kerana Parlimen bersidang daripada pukul 10.00 pagi hingga pukul 5.30 petang. Kalau kami pergi dan selalunya susah hendak dilayan oleh pegawai-pegawai di sana. Dalam masa sidang Parlimen, jikalau pejabat-pejabat kerajaan boleh menubuhkan kaunter khidmat di dalam Parlimen ini, maka kami bolehlah menyelesaikan masalah dengan senang sahaja. Saya yakin dan pasti semua pegawai seperti yang ada di dalam Dewan yang mulia ini, mereka semua dedikasi, berkaliber, berkelayakan, berpengalaman dan mereka semua sedia membantu kalau diberi peluang di dalam Dewan yang mulia ini seperti penubuhan sebuah klinik di dalam bangunan Parlimen ini. Sesiapa yang merasa sakit boleh pergi ke klinik untuk berjumpa doktor dan mengambil ubat di dalam bangunan Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga iaitu Kempen Membasmi Nyamuk. Slogan kata “Hidup Sihat Tanpa Nyamuk”, kami memang sokong perkara ini, Tuan Yang di-Pertua. Nyamuk boleh membawa banyak jenis penyakit iaitu ‘kaki gajah’, denggi, JE dan lain-lain penyakit. Dari awal-awal lagi kami telah menyuarakan supaya kerajaan boleh menghapuskan nyamuk. Apabila kami pergi ke kerajaan tempatan untuk meminta mereka menyembur minyak atau kabus, alasan-alasan yang mereka berikan ialah tidak boleh kerana jika disembur dengan minyak atau kabus, maka nyamuk-nyamuk ini akan membina kekuatan mereka terhadap semburan-semburan minyak atau kabus. Jika ada wabak merebak di sesuatu tempat, jika disembur dengan minyak dan kabus, maka mereka akan menentang. Jadi, alasan yang mereka beri itu juga munasabah tetapi sekarang hendak menghapuskan nyamuk sama sekali, itu kita sokong dengan sepenuhnya tetapi mengapa bila dia mahu, dia boleh kata ada alasan, dia tidak mahu dia pun boleh kata ada alasan yang lebih baik. Jadi, dengan ini saya

berharaplah kerajaan boleh bersungguh-sungguh supaya membasmi nyamuk yang banyak membawa kesulitan kepada manusia. Longkang-longkang dan tempat-tempat kotor, sampah-sampah perlulah juga diambil kira untuk membasmi wabak ini.

Tuan Yang di-Pertua, melantik ahli politik menjadi Yang di-Pertua kerajaan tempatan sudah menjadi satu teladan di Pulau Pinang. Saya mendapati bahawa kerajaan-kerajaan tempatan di negeri-negeri lain juga berbuat demikian tetapi mulai 1 Mei ini, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Prai – ahli politik iaitu mungkin ADUN dari UMNO tidak lagi dilantik sebagai Yang di-Pertua tetapi diganti oleh seorang kakitangan awam. Ini adalah satu praktis atau tindakan yang wajar dan kami menyokong supaya kakitangan kerajaan berkecenderungan dilantik sebagai Yang di-Pertua majlis tempatan. Dengan perantikan kakitangan awam, ini boleh mengelakkan permainan politik kerana kami mendapat tahu apabila ahli pembangkang pergi mencari Yang di-Pertua kerajaan tempatan, oleh kerana sebab-sebab politik mereka tidak mahu melayan atau tidak mahu membantu, takut kredit ini diambil oleh ahli pembangkang dan dengan perantikan kakitangan awam ini bolehlah mengelakkan pelbagai praktis politik ini dan demi untuk kebaikan rakyat di tempat itu, maka kami menyokong tindakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di muka surat 341 iaitu pengangkutan, saya mengambil pengangkutan udara. Tempoh hari Ketua Pembangkang telah menyuarakan mengenai Subang Airport iaitu Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah kini beroperasi dua trip sehari ke Pulau Pinang dan dari Pulau Pinang ke Lapangan Terbang Subang dua trip juga. Tiap-tiap kali apabila kami menempah tempat untuk pergi atau balik dari Pulau Pinang, kami diberitahu tiada vacancies atau penuh ditempah dan kalau pergi ke sana untuk 'waiting list' pun peluangnya sangat tipis untuk mendapatnya. Kerajaan telah menjawab bahawa mereka tidak bersedia untuk menambah trip atau melebihi dua trip sehari untuk pergi atau balik dari Pulau Pinang.

Maka, saya ada satu cadangan iaitu bolehkah kerajaan menimbang supaya kapal terbang yang digunakan ditukar kepada Airbus kerana Airbus boleh memuat lebih

kurang 300 penumpang dan pada masa sekarang kapal terbang 737 hanya boleh memuat 120 orang sahaja. Dengan menggantikannya dengan Airbus ini, ia akan menjadi satu kali ganda membawa penumpang-penumpang. Ini adalah satu kebaikan bagi negeri Pulau Pinang kerana pelancong-pelancong dan peniaga-peniaga boleh berulang-alik dari Pulau Pinang hingga ke Kuala Lumpur dengan mudah dan bukan seperti sekarang, kita kena pergi ke KLIA di mana ia akan mengambil masa satu jam untuk pergi dari Kuala Lumpur ke airport dan tunggu satu, terbang satu jam, balik ke rumah setengah jam – tiga setengah jam. Kalau saya bawa kereta dari Kuala Lumpur pergi ke Butterworth, itu tiga jam setengah pun sudah sampai.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya, satu perkara yang akhir iaitu malapetaka wabak Encephalitis. Tuan Yang di-Pertua, dalam dua, tiga hari ini seolah-olah wabak ini telah tamat. Sama ada ia tamat atau tidak, saya ingat kerajaan sendiri sahaja yang tahu kerana saya dengar ada gets order kepada surat-surat khabar dan mass media supaya tidak memuat lagi berita-berita tentang wabak ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini setiap kali dalam budget bahawa kerajaan perlu menitikberatkan industri penternak khinzir di negara kita ini. Dalam tahun ini, budget bagi tahun 1999 ini hanya RM100,000 untuk butiran kebersihan ladang khinzir. Saya pun ada bawa tetapi kerajaan tidak mahu menolong sama sekali dalam perusahaan ini. Pagi ini kami dengar satu jawapan daripada Timbalan Menteri Pertanian berkenaan dengan tabung makanan. Tabung makanan tidak merangkumi penternak khinzir tetapi boleh merangkumi penternak lembu, kambing, itik dan ayam. Mengapa khinzir ditinggalkan dan dengan pemusnahan lebih kurang 1 juta ekor khinzir, maka kerajaan nampaknya telah kata sudah selesai perkara ini, wabak ini sudah selesai. Ya, mungkin wabak ini boleh diselesaikan tetapi keperluan orang-orang bukan Muslim, bagaimana? Adakah

kita akan menyuruh seluruh rakyat yang bukan Muslim ini jangan consume atau memakan daging ini. Tidak, saya agak tidak. Macam mana pun keperluan rakyat tidak boleh diabaikan. Kalau negara kita tidak mahu menitikberatkan industri penternakan ini, maka kami mungkin perlu berbelanja satu jumlah yang besar untuk mengimport dan membeli daging binatang ini untuk consuming di negara kita ini.

Tadi, Yang Berhormat dari Bukit Bintang ada menyuruh supaya kerajaan menyokong industri ini, kami menyokong sepenuhnya tetapi Ahli Yang Berhormat dari MCA - parti beliau ada empat orang menteri Kabinet (Cabinet minister). Adakah keempat-empat orang Cabinet minister dari MCA menyuarakan hal ini dalam Cabinet Meeting? Jikalau keempat-empat orang Cabinet minister dari MCA, tambah seorang dari Gerakan, maka lima orang Cabinet minister dari kaum Cina boleh membangkitkan soalan ini dalam Kabinet, saya pasti Kabinet akan membuat satu keputusan.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Sama ada hendak memberi bantuan untuk penternak buat sementara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Bagan, Kerusi di sini. Kenapa hendak menghala ke sebelah sana?

**Tuan Lim Hock Seng:** Sebab dia berdiri, saya nampak dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk. Sudah habis.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ada sedikit lagi, bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Walaupun Bayan Baru bangun, tetapi masa Yang Berhormat sudah habis.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Tidak ada masa lagi, Yang Berhormat. Sebenarnya dia kena tamatkan ucapan beliau.

**Tuan Lim Hock Seng:** Bukan tidak mahu bagi, saya memang mahu bagi sekarang. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Bukit Mertajam.

**3.42 ptg.**

**Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam] :** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Dewan yang mulia ini. Tadi, saya pun hairan Yang Berhormat dari Bagan sebut “Yang Berhormat dari Paya Terubong,” mana ada “Paya Terubong” di sini, dia masih tidurkah? *[Ketawa]* Dalam Dewan yang mulia ini, tidak ada seorang pun Yang Berhormat dari Paya Terubong. Saya berharap Yang Berhormat daripada Bagan kemaskinikan pengetahuan dia dahulu sebelum berucap.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Akta Pemansuhan Kawalan Sewa, memang pihak DAP - pembangkang pun menyokong pemansuhan itu dan sampai sekarang baru dia kata, dia hendak minta kelonggaran masa. Memanglah, oleh kerana kegawatan ekonomi kita semua pun bersimpati dengan orang-orang tidak mempunyai rumah dan kerajaan pun sudah berusaha bertungkus lumus hendak bina lebih banyak unit rumah pangsa, rumah kos rendah, rumah kos sederhana dan sebagainya supaya boleh memenuhi keperluan perumahan rakyat, tetapi itu memang usaha yang berterusan.

Itu adalah usaha yang tidak boleh diragu-ragu ataupun ditanya-tanya. Tetapi pihak DAP – pembangkang itu hanya katakan, kita mahu pemansuhan itu ditangguhkan lagi. Saya hendak sebutkan satu masalah ini dalam peribahasa Cina *[bercakap dalam bahasa Cina]* maksudnya, “kalau satu masa yang panjang lebar, lebih baik kita putuskan masalah itu begitu cepat untuk elakkan penderitaan panjang lebar untuk satu tempoh yang lebih panjang”. Kerajaan ambil dua pendekatan di sini, ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, setahu saya bukan ‘panjang lebar’, ‘jangka masa panjang’.



**Dr. Tan Chong Keng:** Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itu sikit-sikitlah. *[Ketawa]* Ada dua pendekatan, satu pendekatan bagi satu formula supaya tenant utama dan pemilik rumah itu boleh beri satu kadar sewa yang ikut formula, beransur-ansur bertambah. Satu lagi pendekatan ialah membina lebih banyak unit rumah, lebih banyak bangunan untuk memenuhi keperluan dan itu kita boleh buat, tetapi pada masa yang sama kita jangan salahkan siapa-siapa. Jangan point the finger to anybody, dengan izin. Kita sama-sama cuba cari penyelesaian, kita tidak mahu orang hanya dapat point the finger sahaja dan tidak boleh buat apa-apa untuk selesaikan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan usaha kerajaan untuk menambah pengetahuan dan juga pekerja-pekerja yang mempunyai kemahiran, saya memang bersetuju dengan langkah ini kerana kita tidak boleh berasaskan industri yang menggunakan man power yang banyak. Kita mesti kurangkan industri-industri kilang yang hanya gunakan man power sahaja tetapi bukan intelligent ataupun mesin, komputer dan sebagainya. Kita mesti cuba adakan industri-industri yang boleh memberikan penghasilan yang tinggi berbanding dengan bilangan pekerja yang ada di kilang tersebut.

Kita perlu menggunakan lebih ramai pekerja yang ada kemahiran komputer, kemahiran sistem dan sebagainya yang hanya boleh dihasilkan dengan latihan teknikal dan saintifik yang lebih maju. Saya memang mengalu-alukan penubuhan institut-institut latihan seperti Japan Malaysian Training Institute (JMTI) di kawasan Bukit Mertajam sebagai satu pusat latihan untuk pekerja-pekerja elektronik teknikal yang lebih berasaskan kilang-kilang elektronik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, agenda teknologi maklumat negara yang sudah dibentangkan dan sudah dijalankan adalah satu agenda yang bagus. Kita perlu mengembangkan industri teknologi maklumat tetapi dengan langkah-langkah keselamatan diambil. Kita selalu terbaca jenayah-jenayah yang menggunakan rangkaian komputer untuk memalsukan kad kredit, kad-kad yang lain untuk

menjalankan aktiviti-aktiviti jenayah terutama sekali aktiviti-aktiviti yang melibatkan kerugian yang besar kepada bank-bank dan institusi-institusi kewangan. Juga, mungkin rangkaian-rangkaian maklumat itu mungkin akan disalahgunakan untuk mencuri maklumat yang penting daripada pasaran saham (security commission) dan sebagainya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh dianggapkan berbentuk jenayah.

Saya berharap kerajaan boleh mengambil langkah-langkah yang lebih ketat untuk buat kawalan industri-industri seperti pasaran saham (Securities Commission) dan juga kad-kad kredit dan sebagainya supaya amalan-amalan yang kurang digalakkan itu boleh dielakkan dan dikurangkan. Saya berharap tindakan selain daripada langkah-langkah keselamatan boleh diketatkan, boleh juga dari segi pelaksanaan undang-undang untuk mendakwa penjenayah-penjenayah yang terlibat dalam kes yang dikatakan, white collar crimes, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membangunkan masyarakat luar bandar di mana kawasan saya, Parlimen Bukit Mertajam ada ramai penduduk di kawasan luar bandar. Saya berharap projek-projek pembangunan kerajaan dapat dijalankan dengan lebih tersusun dan lebih lancar.

Saya mendapati bahawa ada beberapa projek yang dikatakan diluluskan dua, tiga tahun dahulu tetapi sampai hari ini masih tidak nampak pelaksanaannya. Contohnya, pasar di perkampungan di Permatang Tinggi yang sudah diluluskan dua tahun dahulu sampai sekarang hanya melihat tapaknya dikambus dengan tanah sahaja tetapi tidak pernah melihat apa-apa aktiviti yang membuat 'piling' dan sebagainya bermula lagi. Nampaknya sebuah pasar yang mengambil belanja lebih kurang RM400,000 sahaja sebuah pasar yang kecil perlukan masa yang lebih daripada tiga tahun. Ini adalah satu kecekapan yang saya tidak sanggup lihat, satu kecekapan yang sangat negatif, satu kecekapan yang boleh jadi halangan kepada pembangunan luar bandar kita.

Saya berharap projek-projek dapat dijalankan dengan lebih cepat kerana saya percaya kalau kita tangguhkan projek itu, kos bahan-bahan pembinaan, kos pekerja-pekerja akan melambung dan akhirnya projek-projek yang tertangguh itu disempurnakan dengan kos pembinaan dua atau tiga kali ganda. Kita tidak mahu lihat kerajaan rugi dalam ringgit Malaysia ini menangguhkan projek kerana kenaikan kos pembinaan, akhirnya kerajaan yang rugi.

Kita mahu satu proses pelaksanaan yang tersusun, dijalankan oleh kontraktor-kontraktor yang bertauliah, dibuktikan ada 'track record' yang bagus, jangan katakan tender-tender itu diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang kurang berkemampuan. Kadang-kadang ada orang tengah yang hadiahkan pula kontrak itu kepada subkontraktor yang lain dan rangkaian itu bukan satu rangkaian yang akan membawa faedah kepada rakyat jelata akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Bukit Mertajam adalah satu kawasan yang penuh dengan 70% penduduknya orang Cina dan ramai juga budak-budak sekolah lulusan SJKC. Kita di sana berharap boleh mendapat satu peluang lagi untuk menubuhkan sebuah lagi sekolah menengah jenis kebangsaan Cina supaya dapat menampung bilangan pelajar-pelajar yang begitu ramai daripada sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina di kawasan Seberang Perai Tengah dan juga Seberang Perai Selatan.

Dalam Seberang Perai sekarang semuanya ada dua buah sahaja sekolah jenis itu. Sebuah ialah Sekolah Menengah Chung Ling, Butterworth dan sebuah lagi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina Jee Sin di Bukit Mertajam dan tiap-tiap tahun ramai pelajar yang meminta masuk ke sekolah itu tidak dapat berbuat demikian kerana tempat itu sangat terhad. Ramai ibu bapa telah membuat rayuan kepada pejabat pendidikan daerah dan juga Jabatan Pendidikan Pulau Pinang selain daripada datang ke pejabat ADUN dan Wakil Rakyat di sana untuk membuat rayuan. Walaupun rayuan banyak tetapi yang masuk adalah nombor yang terhad sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat mengalu-alukan langkah kerajaan membuka kursus ijazah kepada guru-guru bukan ijazah. Guru-guru bukan ijazah seramai 2,000

orang pada tahun ini akan memasuki kursus ijazah di peringkat universiti. Ini adalah satu galakan yang kita boleh beri kepada golongan belia yang akan masuk profesion perguruan. Oleh kerana mereka akan nampak profesion perguruan itu adalah satu profesion di mana mereka boleh maju berperingkat-peringkat. Daripada guru bukan siswazah hingga ke suatu hari mereka boleh juga menjadi seorang guru siswazah.

Kita memang mengalu-alukan tindakan Kementerian Pendidikan menawarkan juga pinjaman melalui Tabung Pendidikan Tinggi negara kepada guru-guru yang mengambil latihan ijazah itu kerana mereka itu hanya mendapat separuh gaji sahaja semasa mengikuti kursus dan mereka kebanyakan sudah mempunyai keluarga dan perlu menanggung tanggungjawab rezeki hidup keluarga masing-masing.

Jadi, saya harap kerajaan boleh memperbanyakkan lagi peluang ini, terutama sekali kepada guru-guru Bahasa Cina di sekolah menengah yang belum menjadi guru siswazah lagi. Mengikut laporan, saya difahamkan hanya ada 50 tempat untuk guru Bahasa Cina memasuki kursus latihan siswazah itu.

Jadi, saya harap bilangan guru Bahasa Cina di antara 2,000 orang itu boleh ditambah menjadi 5,000 pun tak apa, kalau negara kita mempunyai kemampuan untuk membiayai latihan guru-guru itu. Oleh kerana guru-guru itu mempunyai latihan tambahan itu akan menjadi aset kepada Kementerian Pendidikan dan memang akan mempertingkatkan lagi mutu dan taraf pendidikan yang akan diberikan kepada anak-anak murid mereka.

Jadi, saya harap bilangan guru bukan siswazah yang diberi latihan itu boleh ditambahkan, katakan daripada 2,000 kepada 5,000 kalau boleh. Kalau tidak boleh, saya pun hendak minta supaya bilangan guru Bahasa Cina di dalam golongan itu boleh ditambah kerana kita difahamkan ada satu kekurangan guru-guru Bahasa Malaysia untuk sekolah menengah yang sangat serius. Jikalau Kementerian Pendidikan boleh mengambil satu langkah yang lebih positif untuk menyelesaikan bilangan yang kurang itu, memang murid-murid sekolah menengah boleh mengambil lebih ramai murid

mengambil Bahasa Cina dan seterusnya 'cycle' itu, dengan izin, akan menolong kita menjanakan lebih ramai guru Bahasa Cina pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya memohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Jelutong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Jelutong.

**4.00 ptg.**

**Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini, ada menyuarakan, ada memberitahu langkah-langkah yang harus diambil untuk mengatasi kegawatan ekonomi dan sebagainya. Dan di perenggan yang terakhir dalam ucapan itu, beliau menyatakan: *“Kita berdoa kepada Allah s.w.t. supaya sentiasa memberikan kita kekuatan dan keazaman untuk menghadapi serta mengatasi masalah-masalah, berusaha sedaya upaya memulihkan ekonomi dan menjadikan negara lebih makmur serta memelihara maruah negara.”*

Apa yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu adalah betul dan benar. Tetapi bagi maruah negara adakah apa yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu dan juga Ahli-ahli dalam Kabinet beliau dan pemimpin-pemimpin dalam Barisan Nasional memperjuangkan untuk mempertingkatkan imej, maruah, dignity negara.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dan ini ada dinafikan oleh semua menteri-menteri termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apa yang jadi satu senarai kekayaan kroni Dr. M. ada beberapa muka surat di sini yang boleh di'download' daripada Internet.

Beberapa nama termasuk apa yang saya nyatakan tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dikatakan ada akaun-akaun di beberapa bank luar daripada negara ini termasuk Bank of Israel. Walaupun pagi ini ada dilaporkan bahawa tidak ada asas atas

tuduhan ada akaun-akaun dalam Bank of Israel di Singapura tetapi apa yang harus dibuat untuk membersihkan nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kroni-kroninya dan saya nampak tadi Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang, dia gelak apabila saya menyatakan bagi apa yang ada dilakukan oleh menteri-menteri dalam Kabinet, beliau sebagai seorang bekas Menteri Kewangan boleh menyatakan adakah benar apabila tuduhan-tuduhan seperti ini telah dibuat terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kroni-kroninya. Dalam satu masa apabila ada dalam Semangat 46, dalam zaman itu ada menyuarakan di banyak tempat bahawa ada korupsi dalam Kabinet khasnya ada terlibat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah itu benar, bolehkah mengesahkan itu sekarang dalam Dewan yang mulia ini, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Jelutong, nanti sekejap!

**Tuan R. Karpal Singh:** Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Saya hendak mencelah sedikit Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh berucap, berhujah tetapi Yang Berhormat, sekarang ini bukan masanya untuk Yang Berhormat menyoal orang lain.  
*[Ketawa]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan menyoal, mendapat ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Tetapi orang lain boleh minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** .... pengesahan daripada dia. Tidak payah luar daripada Dewan ini, cakap macam-macam tetapi dalam Dewan ini tidak berani. Adakah orang itu ikhlas?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun ya. Hendak beri jalan atau tidak?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Minta penjelasan sedikit.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tak payah, kenapa saya tidak .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Kalau tidak beri, sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ha, boleh.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Takut ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Walaupun apa yang saya nyatakan tadi ada dinafikan oleh semua menteri dan ada dikatakan pagi ini satu kes saman malu ada difailkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ke atas Encik Ruslan Kassim, Ketua Penerangan Parti Keadilan Nasional. Tak payah membuat saman malu ke atas seorang yang ada membangkit perkara seperti itu. Kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam Dewan yang mulia ini, mengarahkan semua menteri termasuk diri beliau sendiri mengisytiharkan harta-harta, aset-aset yang ada dalam negara ini, walaupun luar daripada negara, kenapa tidak berani untuk membuat itu, kenapa buat ancaman untuk membuat saman malu dalam mahkamah dan sebagainya, ada jalan lain, jalan yang sesuai untuk membersihkan namanya .....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tak payah, tak payah!

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Minta jalan!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tak payah. Jika Gua Musang boleh, jika dia berani.

[*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Tetapi dia tidak bangun Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Minta jalan sedikit.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan tidak bangun, tidak berani bangun, ada perbezaan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tidak perlulah hendak jelaskan, tidak perlu kita hendak buktikan, benda yang tidak nyata, benda yang tidak benar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau tidak beri jalan, nanti dahulu Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Buat apa kita harus hendak menjelaskan sesuatu yang tidak benar?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Semporna, dia tidak beri jalan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia tidak mengetahui mengenai Peraturan, oleh itu buat apa yang dia sukai.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Takut!

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tidak takut. Siapa yang takut di dalam Kabinet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, termasuk awak barangkali.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** No, no, minta penjelasan. Atas landasan hanya cerita dan Internet yang mengeluarkan .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan, bukan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, hendak beri jalankah atau tidak?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak payah, orang ini dia mahu kacau sahaja.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Bukan mahu kacau, minta penjelasan, ini hak!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tetapi saya ingat bukan itu, itu bukan tujuan dia, dia mahu kacau, .....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya tidak kacau.

**Tuan R. Karpal Singh:** ..... pemimpin yang lebih .....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Dengan izin, I am very sincere, I just want clarification from you. Bukan mahu kacau!

**Tuan R. Karpal Singh:** Clarification.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia sudah cakap tadi, dia tidak beri jalan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Maruah, apa maruah Kabinet, apa maruah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apa maruah Tengku Razaleigh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat diingatkan tidak boleh sebut nama Ahli yang lain.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ahli dari Gua Musang. *[Ketawa]* Tidak berapa lama lagi tidak jadi Ahli daripada kawasan itu, jangan main-main dengan rakyat dan jangan jadi pengkhianat dengan rakyat, jikalau jadi pengkhianat dalam pilihan raya yang akan datang, tidak ada tempat dalam Gua Musang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, diingatkan Yang Berhormat, walaupun saya beri .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Masuk dalam 'gua'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat, walaupun diberikan peluang untuk berucap, tetapi mengikut Peraturan Mesyuarat yang terkini, saya berhak memberhentikan ucapan Yang Berhormat sekiranya Yang Berhormat sengaja hendak menyakiti hati Ahli yang lain. Saya rasa balik kepada tajuk Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Kenapa dia, dia pun orang kuat dalam satu masa, bukan dia orang yang baru dalam Dewan yang mulia ini, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Itu tidak kisah Yang Berhormat. Itu tidak kisah, yang penting itu Peraturan Mesyuarat patut dipatuhi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Baik. Bagi imej .....

**Seorang Ahli:** Gulung!

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa gulung? Belum habis lagi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, bagi imej yang ada dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maruah negara, untuk mendapat maruah yang baik untuk negara, maruah yang boleh dihormati oleh negara-negara lain dan rakyat dalam negara ini harus mengadakan satu kepimpinan yang boleh dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Tan Sri Rahim Nor, bekas Ketua Polis Negara, apa yang telah dibuatnya dan laporan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat kecederaan Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis ada diumumkan. Dan apa yang telah dinyatakan dalam laporan ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam satu masa dalam keterangan yang telah diberi oleh ACC1 Datuk Ramli yang menyatakan seperti ini, dengan perkataan-perkataan seperti ini, *“Habishlah kita, Tan Sri IGP sudah pukul Anwar Ibrahim, nasib baik saya dapat halang Tan Sri Rahim dari terus pukul Anwar Ibrahim.”* Jika tidak halang, lagi teruk Anwar Ibrahim kena pukul.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Semporna bangun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Point of order!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, point of order. Jelutong, duduk dahulu ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang ke berapa Yang Berhormat?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** 36(2) saya rasa Yang Berhormat pun faham bahawa perkara ini masih dalam perbicaraan dan saya rasa tidak perlu untuk Yang Berhormat membicarakan perkara ini. Yang Berhormat tidak harus mengambil kesempatan ruang Dewan ini untuk mendapat perhatian daripada mana-mana pihak, aptah lagi generasi muda kita yang ada pada hari ini sehingga Yang Berhormat boleh

mengheret perkara-perkara yang tidak benar – terbabit juga dengan masalah harta yang kononnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Baik Yang Berhormat, saya akan buat keputusan. Yang Berhormat Jelutong diingatkan bahawa 36(2) ini. Selagi kes mahkamah itu belum diputuskan maka Yang Berhormat tahulah jangan menyentuhnya. Tetapi sekiranya Yang Berhormat sekadar hendak bangkitkan perkara ini sebagai contoh tanpa mempertikaikan atau mendalami kes mahkamah ini saya rasa itu saya benarkan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Seperti biasa saya quotekan apa yang ada dalam laporan yang diumumkan. Jika apa yang diumumkan tidak boleh disentuh di mana, tak payah umumkan ini. Haramkan laporan ini lebih baik.

**Seorang Ahli:** Point of order!

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa point of order ini, saya quote daripada apa yang ada di sini, keterangan yang diberi oleh.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat nanti dahulu. Keputusan saya yang tadi itu cukup jelas.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya quotekan daripada rekomendasi yang dibuat dalam laporan ini kepada Yang di-Pertuan Agung oleh Suruhanjaya itu. Tidak bolehkah itu diquotekan. Kes itu perkara lain.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, point of order 36(2) saya ingat Yang Berhormat Jelutong ini tidak faham tentang perundangan walaupun beliau seorang peguam.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan tadi itu dan itu tetap dikekalkan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Seperti yang saya nyatakan Yang Berhormat boleh mengedarkan laporan itu di luar Dewan ini, tetapi di Dewan ini kita ada peraturan, yang mana 36...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya telah cakap awal tadi, selagi keputusan itu dikekalkan maka Yang Berhormat berkenaan kena mematuhi dan tidak perlu Yang Berhormat dari Semporna hendak bangkitkan semula.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang dibuat sebagai rekomendas, kepada Yang di-Pertuan Agong ini adalah untuk mendakwa Tan Sri Rahim Noor dan orang ini saya telah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini tahun lepas, ia seorang gangster dan kelakuan pun seperti gangster. Apa yang saya nyatakan ketika itu telah menjadi kenyataan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu, perkataan ‘gangster’ ini pernah diputuskan sebagai unparliamentary.

**Tuan R. Karpal Singh:** No, dia bukan Ahli Dewan Rakyat,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Tetapi saya hendak mengingatkan Yang Berhormat gunakan perkataan yang lebih senonoh.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika tidak boleh, boleh beri apa-apa panggilan lain sebagai ganti, sebagai habuan dia. *[Ketawa]* Seorang gangster sahaja boleh membuat apa yang dia buat kepada Dato Sri Anwar Ibrahim. Adakah nampak ini? *[sambil menunjukkan sebuah buku]* Adakah nampak gambar-gambar ini? – mata lebam dan sebagainya. Seorang Timbalan Perdana Menteri, gangster ini berani untuk membuat ini kepada dia. Siapa buat rekomandasi? Untuk membuat pertuduhan atas dia di bawah seksyen 511 iaitu attempted read with section 325, adakah itu mencukupi dalam penghujahan saya depan Pesuruhjaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dulu, Machang bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** No, tidak payah, saya tidak ada masa.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dalam penghujahan saya berdasarkan dengan keterangan-keterangan yang diberi termasuk keterangan ‘gangster’ ini, tiada pilihan lain tetapi untuk mendakwa gangster ini di bawah seksyen 307, “cubaan untuk bunuh” kerana....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya kena mengingati Yang Berhormat sekali lagi, tadi saya sudah cakap, sudah putuskan bahawa kalaulah sepintas lalu sekadar sebagai contoh, saya izinkan. Tetapi, Yang Berhormat, sekiranya ghairah sangat hendak mendalami kes mahkamah ini yang belum diputuskan saya rasa saya kena menegah Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang saya cadang dan ini ada dalam bidang kuasa Peguam Negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat boleh petik apa sahaja yang tertera dalam buku laporan itu, saya tidak mempertikaikan tetapi rupa-rupanya Yang Berhormat sudah melampaui had batas.

**Tuan R. Karpal Singh:** No, saya merayu kepada Peguam Negara, Peguam Negara ada hak untuk pinda apa yang jadi pertuduhan dalam mahkamah sekarang, dia ada hak. Saya merayu kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat, Machang bangun, hendak minta laluan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tidak ada masa untuk buang masa atasnya. Apa yang saya cadangkan adalah kepada Peguam Negara, bila-bila masa dia boleh mengikut Perkara 145 Bahagian III, menarik balik pertuduhan itu, pinda pertuduhan itu dan saya cadangkan dan merayu kepada dia untuk membuat itu untuk kepentingan rakyat dan negara. Bolehkah seorang Ketua Polis Negara membuat apa yang dibuat ke atas seorang Timbalan Perdana Menteri yang dalam satu masa boleh jadi Perdana Menteri? Do not rule off the possibility of Dato’ Sri Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri. Bagi Gua Musang tidak ada kemungkinan dia boleh jadi Perdana Menteri. Itu saya boleh mengesahkan di sini [*Ketawa*] kerana dia pengkhianat kepada rakyat,

dia tidak boleh. Rakyat tidak boleh terima seseorang itu sebagai pemimpin, sebagai Perdana Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu....

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini contoh.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [*menyampuk*]...itu unparliamentary,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, betul, saya hendak buat keputusan ini, baru sahaja saya hendak sebut.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Minta supaya ditarik balik, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Baik. Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Machang itu tepat pada tempatnya sebab perkataan 'pengkhianat' itu memang unparliamentary, khususnya bila ianya ditujukan kepada ahli yang lain. Yang Berhormat dikehendaki tarik balik perkataan 'pengkhianat' yang ditujukan kepada Gua Musang.

**Tuan R. Karpal Singh:** Orang yang dituduh sebagai 'pengkhianat' senyap dia duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan R. Karpal Singh:** Siapa dia konco ini? Konco ini yang membangkitkan sekarang untuk membangkitkan satu perkara..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat, jangan pergi jauh sangat, berbalik pada apa yang saya putuskan tadi, tarik balik!

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh tarikh balik itu tidak ada masalah, tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, bukan 'boleh' tarik balik, tarik balikkah atau tidak, buat sekarang!

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh, itu tidak jadi masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya atau tidak, kalau ya, boleh teruskan, kalau tidak saya kena memberhentikan Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Mahu hukum saya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Tidak, itu peraturan mesyuarat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tarik balik, itu tidak ada masalah, apa itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Baik, teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tetapi bukan daripada dia? [*sambil menunjukkan ke arah Yang Berhormat Gua Musang*] Pengkhianat kekal duduk di sana. Orang yang tidak ada kaitan dia bangkit, konco, barang kali dia mahu dapat kerusi dalam pilihan raya akan datang. Imej atau maruah bagi negara, Tengku Razaleigh Hamzah dan konconya. [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan sebut nama. Berapa kali saya kena ingatkan Yang Berhormat?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, saya berbalik kepada apa yang harus dibangkitkan di sini. Apa imej apabila dalam Dewan yang mulia ini mendapat seorang bernama Ibrahim Ali...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat..

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia tidak ada kawasan. Barang kali kawasan 'katak'. [*Ketawa*] mana kawasan dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, walaupun beliau seorang Senator, tetapi dia juga seorang Timbalan Menteri,

**Tuan R. Karpal Singh:** Memalukan negara.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat...

**Tuan R. Karpal Singh:** ...dia boleh dilantik sebagai Timbalan Menteri,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** ....boleh sebut jawatannya tetapi jangan sebut nama. Saya bagi kata dua. Yang Berhormat cukuplah...

**Tuan R. Karpal Singh:** Kawasan dia apa?

**Seorang Ahli:** 'Katak'

**Tuan R. Karpal Singh:** Siapa dia ini? Dia dilantik sebagai Timbalan Menteri nasib baik bukan Timbalan Perdana Menteri. [*Ketawa*] Mengapa makhluk seperti itu yang tidak ada hak memasuki Dewan ini. Jika Senator, biarlah dia di sana jangan masuk di sini, dan mendapat kuasa yang luas bagi undang-undang. Makhluk ini berdiri di sini untuk menjawab soalan daripada peguam-peguam yang berkaliber, bukan saya,

yang lain yang ada di sini dalam negara ini. [*Ketawa*] Saya cadang Tuan Speaker, ada peruntukan dalam Perlembagaan, jika saya tidak silap 45(4)(b): Composition of the Senate. Subject to clause (4), “*the Senate shall consist of elected and appointed members as follows*”. Saya pergi clause (4).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Tetapi Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, “(4) *Parliament may by law - (b) provide that members to be elected for each State shall be so-elected by the direct vote of the electors of that State.*” Tiada peruntukan di sini, seorang Senator boleh dipilih oleh rakyat by a direct vote. Jika itu kami terima, dia boleh memasuki sebagai Senator dalam Dewan yang mulia ini menjadi Menteri – barangkali jadi Perdana Menteri pun boleh, terpulang kepada dia, dia boleh ditempatkan di sini. Untuk imej, jika seorang seperti itu boleh dilantik, saya ingat tidak ada maruah bagi negara ini.

Baru-baru ini tiga orang daripada International Court of Justice (ICJ) - ini orang hakim berkaliber. Peguam Negara tidak mahu jumpa ketiga-tiga orang ini kerana ada urusan lain, apa urusan Peguam Negara ini? Saya ada berjumpa ketiga-tiga ahli ini daripada ICJ, pukul 7.00, Peguam Negara ada urusan lain, apa urusan selepas pukul 4.30? Kenapa memberi kuasa kepada Ibrahim Ali untuk berjumpa ketiga-tiga bekas hakim ini. Mana maruah negara? Apa yang dibincang dengan ketiga-tiga ini saya tidak ketahui.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat....

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia bukan ada satu standing di mana dia boleh memberi pandangan yang boleh diterima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sila gulung, masa dah habis Yang Berhormat.



**Tuan R. Karpal Singh:** Lebih baik gulung Ibrahim Ali. [*Ketawa*] Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Machang.

**4.21 ptg.**

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat bahawa desakan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja ini adalah dibuat oleh pihak pembangkang. Pihak pembangkanglah yang memainkan peranan besar menggesa pihak kerajaan supaya menubuh satu suruhanjaya untuk menyiasat kecederaan yang dialami oleh bekas Timbalan Perdana Menteri. Walaupun kita tidak bersetuju bahawa Suruhanjaya Siasatan Diraja ini perlu diadakan tetapi akhirnya kerana kerajaan prihatin dengan masalah yang dibangkitkan telah bersetuju untuk mengadakan satu Suruhanjaya Diraja. Desakan daripada pihak pembangkang diterima oleh kerajaan.

Suruhanjaya Diraja telah menjalankan penyiasatannya dengan bebas tanpa gangguan dengan mana-mana pihak. Laporan Suruhanjaya Diraja telah dilaporkan secara verbatim sama ada oleh akhbar-akhbar tempatan dan oleh akhbar-akhbar antarabangsa dan semua pihak rakyat Malaysia berhak hadir di dalam siasatan terbuka tersebut. Hasil daripada siasatan itu telah diserahkan kepada Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sekali lagi pihak pembangkang menggesa supaya laporan itu didedahkan kepada umum.

Walaupun kerajaan tahu risiko-risiko yang akan ditanggung oleh kerajaan tetapi kerana desakan itu yang prihatin kepada masalah yang berlaku, kerajaan mendedahkan laporan tersebut. Laporan tersebut telah dengan jelas menyebut bahawa rekomendasi yang dibuat adalah merupakan satu rekomendasi bebas yang tidak tertakluk kepada mana-mana pihak tetapi pihak pembangkang terutama Yang Berhormat dari Jelutong masih tidak berpuas hati. Satu demi satu permintaan yang

dibuat oleh pihak pembangkang ditunaikan oleh kerajaan, sampai yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Jelutong sekejap tadi ialah berhubung dengan pertuduhan.

Yang Berhormat dari Jelutong seorang peguam dan saya seorang peguam. Pada pandangan saya, cadangan untuk menuduh di bawah Seksyen 325 dibaca bersama dengan Seksyen 511 adalah melampaui daripada fakta. Tidak sepatutnya dipertuduh di bawah Seksyen 325 atau 511. Sepatutnya apa yang saya jangka ialah dituduh di bawah Seksyen 323 atau 354. Kalau itulah orang biasa yang melakukan kesalahan seperti ini, barangkali kesalahan yang sesuai ialah menyebabkan cedera di bawah Seksyen 323 ataupun criminal assault di bawah Seksyen 354 tetapi rekomendasi yang dibuat oleh Suruhanjaya Diraja melampaui daripada itu sehingga membawa pertuduhan kepada Seksyen 325 dan dibaca bersama dengan Seksyen 511 iaitu percubaan menyebabkan cedera parah walaupun cedera parah sebenarnya tidak diakibat ke dalam kes itu.

Yang Berhormat dari Jelutong sendiri tahu Seksyen 307 yang dicadangkan tadi percubaan membunuh. Undang-undang kita telah menyebut dengan jelas bahawa perbuatan dengan tangan tidak boleh menyebabkan kematian dalam keadaan biasa tidak wajar dipertuduh di bawah Seksyen 307. Tindakan Yang Berhormat sepatutnya sudah berterima kasih kepada tindakan yang dibuat, rekomendasi yang dibuat oleh Suruhanjaya Diraja dan seterusnya tindakan yang dibuat oleh pihak Peguam Negara membawa pertuduhan di bawah Seksyen 511 dibaca bersama dengan Seksyen 325.

Walaupun saya secara peribadi saya berpendapat bahawa pertuduhan yang sewajarnya jika ianya berlaku di kalangan rakyat biasa ialah pertuduhan di bawah Seksyen 323 menyebabkan cedera atau serangan jenayah di bawah Seksyen 354. Ini semua Yang Berhormat sendiri tahu, apa lagi kehendak pembangkang semuanya diturut oleh kerajaan. Permintaan demi permintaan yang diminta oleh pihak pembangkang diperkenankan oleh kerajaan. Yang menjadi sedih kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah tindakan pihak pembangkang di akhir-akhir ini cuba melampaui batas sehingga sanggup memburuk-burukkan imej negara ini di luar negara.

Ketua Pembangkang sendiri Yang Berhormat dari Tanjong sanggup berbohong kepada masyarakat Malaysia kerana hendak menyelamatkan anaknya, sanggup berbohong mengeluarkan kenyataan bohong. Kemudian apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membangkitkan bahawa fakta yang dibangkit oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang adalah tidak benar yang mengugut hendak saman sampai hari ini dia tidak berani saman kerana dia tahu dia sebenarnya adalah pembohong kepada rakyat Malaysia. Dia mendakwa anaknya yang berada dalam penjara mengalami kekurangan sebanyak 10 kilogram akibat berada dalam penjara.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sendiri melawat anaknya dalam penjara yang kurang ataupun mengalami kurang berat sebanyak 1½ kilogram sahaja tetapi dia sanggup berbohong kepada rakyat Malaysia mengatakan 10 kilogram, membuat laporan kepada Human Rights Committee di IPU mengatakan anaknya tidak mendapat layanan baik dan mengalami kekurangan berat badan sebanyak 10 kilogram. Inilah sikap yang ditunjukkan oleh pembangkang. Saya tahu pembangkang dekat dengan pilihan raya cuba hendak mendapat simpati tetapi mencari simpati sehingga berbohong kepada rakyat adalah merupakan suatu pandangan yang tidak bermaruah, memberikan laporan fakta yang tidak betul kepada Human Rights Committee kononnya bekas Yang Berhormat dari Kota Melaka dituduh kerana mengkritik kerajaan.

Yang Berhormat dari pembangkang, ahli-ahli pembangkang memberi laporan kepada Human Rights Committee mengatakan bahawa Yang Berhormat Lim Guan Eng, saya boleh sebut kerana dia tidak lagi menjadi Ahli Yang Berhormat sekarang, dituduh di mahkamah ini kerana beliau telah mengkritik kerajaan walhal sebenarnya pertuduhan ke atas Yang Berhormat dari Kota Melaka ialah mencetak dan menyebarkan berita palsu kepada masyarakat. Apakah kita seorang Ahli Yang Berhormat berhak untuk mencetak dan menyebarkan berita palsu, hak asasi apa yang dituntut oleh pihak pembangkang kalau setiap wakil rakyat boleh menyebarkan berita palsu untuk mengelirukan rakyat. Dia telah menerima hukumannya, sebab itulah

tindakan yang dibuat oleh pembangkang adalah amat memalu dan mencerca maruah dan kehormatan negara kita.

Pembangkang boleh menunjukkan kehebatannya dalam pilihan raya, tubuh parti, kerajaan tiada halangan, tubuh parti ADIL, berganding PAS dengan DAP, silakan. Masuk pilihan raya itu, proses demokrasi tetapi kalau hendak cari simpati hanya dengan memburuk-burukkan sehingga sanggup berbohong. Ini adalah tindakan bacul daripada pihak parti pembangkang. *[Tepuk]*

Yang Berhormat dari Jelutong mempersoalkan perlantikan Yang Berhormat Senator sebagai Timbalan Menteri Undang-undang. Perkara ini tidak hairan, Yang Berhormat. Di dalam parti rakan Yang Berhormat sendiri, parti PAS misalnya, ramai orang-orang...

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Duduk dulu, duduk dulu, duduk dulu, Yang Berhormat tidak beri peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Nanti, Yang Berhormat ...

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti, peraturan mesyuarat yang ke berapa, Jelutong?

**Tuan R. Karpal Singh:** Langsung tidak mengetahui peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang ke berapa?

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia tuju kepada saya bukan kepada Tuan Speaker, apabila dia membuat ucapan dia, terus di sini. Mengikut peraturan, dia kena tuju kepada Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Baik, Yang Berhormat ..

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Oo! Sepandai itu Yang Berhormat dari Jelutong membangkitkan point of order, malulah, malu, Tuan Yang di-Pertua. Mana saya ada tengok kepada dia, saya tengok kepada Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Langsung tidak mengetahui peraturan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ..

Yang Berhormat, balik kepada arahan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya tengok kepada Tuan Yang di-Pertua, tak ada saya tengok kepada dia.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan bohong.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya tidak mahu tengok pun muka dia, Tuan Yang di-Pertua. [ *Ketawa* ]

**Tuan R. Karpal Singh:** Bohong.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Bukan muka yang cantik sangat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia berani bohong dalam Dewan ini.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tak ada, saya tiada tengok pun pada dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dulu Yang Berhormat ...

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh bagi orang bohong dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya hendak bagi teguran, yang tadi ...

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia bohong tadi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dulu. Ini kurang sopan, kurang sopan bila saya hendak cakap, Yang Berhormat hendak mencelah .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak baik kerana....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Nanti dulu, Yang Berhormat. Perkataan 'bohong' itu, jangan lupa, itu unparliamentary khususnya ditujukan kepada ahli yang lain. Yang Berhormat tidak retikah?

**Tuan R. Karpal Singh:** Ada tadi kepada Tanjong, itu boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Tak, Yang Berhormat ...

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa tak? Tadi Tuan Yang di-Pertua tidak buat apa-apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat berdua, saya hendak ingatkan jangan gunakan perkataan 'bohong' khususnya ditujukan kepada ahli yang lain.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Kalau begitu Yang Berhormat Ketua pembangkang bercakap tidak benar, Tuan Yang di-Pertua. Tidak, apa-apa ayat yang saya boleh guna, Tuan Yang di-Pertua boleh buat perintah kepada saya. Dia kata anak dia mengalami kekurangan berat badan sepuluh kilogram, yang sebenarnya anak dia mengalami kekurangan berat badan 1.5 kilogram, tidak betul, apa yang saya hendak katakan, kalau tidak perkataan 'b-o-h-o-n-g'. Apa perkataan lain, Tuan Yang di-Pertua, lepas itu dia ugut hendak saman Timbalan Menteri Dalam Negeri, sampai hari ini dia tidak saman, sebab dia tahu, dia cakap tidak betul.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sampai begitu sekali kerana hendak menyelamatkan anak, sebab itu sekarang ini kita tengok ramai orang keluar daripada DAP kerana tindakan hendak menyelamatkan anak ini, satu demi satu, saya tengok. Tadi, Yang Berhormat dari Jelutong mempersoalkan perlantikan Timbalan Menteri Dalam Negeri sebagai ...

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, saya baru masuk Yang Berhormat. Apa dia?

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia masih tunjuk di sini dan bukan kepada Tuan Speaker, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia nafikan dia bohong, semua nampak dia, apa ini!

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Baik, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Jelutong. Saya hendak tanya, Yang Berhormat sendiri tahu, beratus-ratus ahli DAP dipecat sekarang, kalau Yang Berhormat membela kebenaran, mengapa tidak membela orang yang dipecat ini, saya hendak tanya Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, hendak beri jalan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Beri jalan, kenapa kami tidak jadi pembela dia, kenapa semua ini pengkhianat kepada parti seperti dari Machang dan Gua Musang. Oleh itu .....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat sendiri tahu, Yang Berhormat bekas Ahli Parlimen Bukit Bintang, hilang kelayakannya, itu pengkhianat kepada parti juga. Mengapa Yang Berhormat tidak bertindak membela dia, cukup....

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia tunjuk di sini, bukan kepada Tuan Speaker, dia tidak .....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sekarang saya pandang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masing-masing tengok. Yang Berhormat tengok dia juga, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya pandang.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Speaker, saya hendak tanya Tuan Speaker dan Tuan Speaker tanya kepada Yang Berhormat dari Jelutong, saya tidak boleh tanya dia. Bukankah dia orang yang menggesa dalam Dewan ini, supaya kerajaan mengambil tindakan ke atas mereka yang menyerang Dato' Seri Anwar Ibrahim, maaf - Yang Berhormat dari Permatang Pauh, dia. Kerajaan telah mengambil tindakan, sekarang masih lagi tidak puas hati. Apa yang dia hendak lagi, proses undang-undang berjalan dengan baik.

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada yang belakang minta jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya beri kepada rakan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat dari Machang. Hujung tahun 1997, kalau tidak salah saya, Yang Berhormat dari Jelutong telah membaca surat terbang meminta kerajaan ambil tindakan kepada bekas Timbalan Perdana Menteri. Tetapi sekarang ini kita tengok dia defend pula bekas Timbalan Perdana Menteri, defend kes Timbalan Perdana Menteri ini, seolah-olah kita pula yang salah. Dia mencadang supaya kita tubuhkan suruhanjaya, sekarang dia salahkan kita pula. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Ini yang dikatakan cakap berbelit-belit, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun sendiri tidak faham, saya masih ingat dalam Dewan ini, dia bangun berdiri dan dia angkat surat layang itu, Tuan Yang di-Pertua. Saya masih ingat lagi, supaya kerajaan mengambil tindakan di atas surat layang itu dan kerajaan bertindak, bila kerajaan membuat keputusan, dia pula tidak puas hati dan sekarang dia mengambil tindakan untuk membela pula.

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Duduk, duduk, masa singkat Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kenapa takut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.



**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Duduk, Yang Berhormat tidak pernah beri saya peluang. Duduk, kalau tidak faham peraturan, sila duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia tidak berani.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Kalau faham peraturan, sila duduk.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika berani, beri peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ya, sila duduk.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat tidak memberi peluang kepada saya. Tadi saya bangun dua kali, Yang Berhormat tidak beri. Bila orang tidak beri, marah. Inilah double-standard DAP, yang dia buat semua betul, orang lain buat semua tidak betul.

Saya masuk kepada point yang saya hendak sentuh tadi, Tuan Yang di-Pertua. Dia membangkitkan dan mempertikaikan soal perlantikan Yang Berhormat Senator, tidak boleh sebut nama, Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kononnya tidak ada kelulusan. Mengapa dia tidak mahu persoalkan perlantikan yang dibuat oleh rakan dia sendiri daripada PAS yang tidak ada kemahiran dalam Islam, bercakap soal agama Islam. *[Tepuk]*

Mengapa dia tidak mempersoalkan ini, Yang Berhormat dari Kubang Kerian, mana ada kelulusan Islam; Yang Berhormat dari Tumpat, mana ada kelulusan Islam; Yang Berhormat dari Bachok, mana ada kelulusan Islam; tetapi bercakap Islam seolah-olah dialah ulama yang paling baik dalam negara ini. *[Tepuk]* Mengapa tidak mempersoalkan ini?

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Duduk, sabar, pandai bersabar Saya beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri jalan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Pandai bersabar.

**Tuan R. Karpal Singh:** Dia tanya, saya mana tahu ....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Kalau saya boleh bersabar, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila duduk.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kalau saya terima cabaran itu.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Kalau saya boleh bersabar, mengapa Yang Berhormat tidak boleh bersabar.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jangan cabar, saya sabar.

**Seorang Ahli:** Now it is your turn.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat, sila duduk, kalau saya sanggup bersabar.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, apa dia Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Langsung dia tidak mengetahui peraturan mesyuarat. Dia tunjuk ke sini, dia tidak boleh buat begitu. Bolehkah saya dapat satu ruling daripada Tuan Speaker?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tentang yang pandang mana, Yang Berhormat?

**Tuan R. Karpal Singh:** Pandang kepada Tuan Speaker, bukan kepada saya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya tidak beri laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kerap kali bohong, dia tidak ...

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Dia ingat handsome, hendak pandang dia sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak pandang ke mana, ini memang peraturan mesyuarat, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Kalau saya boleh bersabar di atas penolakan Yang Berhormat untuk memberi laluan kepada saya bertanya soalan, mengapa Yang Berhormat tidak boleh bersabar. Jangan gopoh, duduk..

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak puas hati. Saya hendak ....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya tidak ...

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan laluan, jangan tunjuk ke sini, ke Tuan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Machang, saya hendak selesaikan masalah ini, memang dalam peraturan mesyuarat, seharusnya kita pandang Tuan Speaker tetapi semua Yang Berhormat, kalau perasaan sudah syok itu, tidak pandang ke sini pun tidak apalah.

**Seorang Ahli:** Jelutong tidak boleh pandang, dia takut ...

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, dia duduk dengan Tuan Yang di-Pertua, satu line, satu barisan. Jadi, saya pandang Tuan Yang di-Pertua, takkanlah saya hendak kontrol muka saya ini. *[Ketawa]* Melainkan dia duduk di sebelah sini, takkan saya hendak kontrol, saya human being, Tuan Yang di-Pertua, saya manusia biasa, melainkan tidak tahulah, kalau boleh kunci kepala saya. Kalau boleh saya pun tidak mahu tengok dia, Tuan Yang di-Pertua, dia bukan handsome sangat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya sudah beri keputusan tadi, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kami mengikut apa yang menjadi peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, dia sekarang ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jika dia bukan manusia biasa, bukan masalah saya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Dia pun cakap pandang saya, Tuan Yang di-Pertua, cuba tengok.. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Itu yang saya katakan tadi, Yang Berhormat. Yang Berhormat minta ruling, Yang Berhormat pun tengok dia, bukan tengok saya.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Dia yang salah, sebab Tuan Yang di-Pertua di sana, saya di sini, dia pandang ke sini. Tuan Yang di-Pertua di sana, saya pandang ke sana, sebab hala sama. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Sila, teruskan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, itulah sikap yang ditunjukkan oleh parti pembangkang akhir-akhir ini. *[Tepuk]* Sikap double standard, apa yang dilakukan rakan sendiri, walaupun tidak benar, tidak menepati undang-undang, tidak sah, tidak ada moral tetapi semuanya betul. Yang kerajaan buat, semuanya tidak betul, inilah satu sikap, Tuan Yang di-Pertua.

Saya percaya, sikap seperti ini, DAP akan ditolak dengan hebat oleh rakyat dalam pilihan raya yang akan datang. *[Tepuk]*. Menuduh orang lain diktator, DAP lebih diktator lagi, Tuan Yang di-Pertua, sudah pecat orang beratus-ratus sekarang, tidak ada pembelaan malahan daripada peguam *[Tepuk]* *[Ketawa]* yang kononnya berkalibar, tiada pembelaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli Pembangkang ini, sentiasa mencari publisiti murah menggunakan keistimewaan dia dalam Dewan ini untuk membangkitkan perkara-perkara yang keterlaluan. Sedangkan perkara-perkara yang

dilakukan oleh kerajaan dari masa ke masa, cukup untuk memberi gambaran bahawa kerajaan ini adalah sebuah kerajaan yang telus.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Yang Berhormat kalau hendak memperjuangkan masalah rakyat, Yang Berhormat mesti menegur rakan-rakan Yang Berhormat daripada PAS. Beritahu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, selesaikan masalah air di Kelantan dahulu, Yang Berhormat. Tetapi sampai sekarang, rakyat negeri Kelantan mengalami masalah, itu Yang Berhormat tidak bangkitkan langsung kerana kononnya Menteri Besar Kelantan dan rakan-rakan daripada PAS ialah sahabat daripada parti pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Saya suka mengingatkan, Yang Berhormat cuma ada masa satu minit sahaja lagi.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Minta penjelasan, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Machang, pihak pembangkang tidak mahukah menubuhkan suruhanjaya supaya menyiasat orang-orang yang mencuri ahli daripada parti dia?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Bukan itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cadangkan supaya Yang Berhormat dari Jelutong berbisik dengan Ketua Pembangkang, Setiausaha Agung DAP lantik suruhanjaya diraja siasat tindakan Ketua Pembangkang memecat ramai ahli-ahli DAP. Kalau parti Yang Berhormat adalah telus, tetapi semuanya ikut mencuri ahli pun sama juga. Sekarang DAP buat kenyataan bahawa parti ADIL curi ramai ahli DAP, ini pun tubuh suruhanjaya diraja juga. Semua tubuhkan suruhanjaya diraja. Kalau ikut pandangan daripada pembangkang barangkali sudah ribu suruhanjaya diraja kita buat dalam negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta gulung, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutupnya, saya amat kesal dengan sikap parti pembangkang yang akhir-akhir ini bukan sahaja memainkan peranan dalam negara tetapi di peringkat antarabangsa. Saya menghadiri persidangan antarabangsa IPU di Brussels baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, fakta-fakta yang diberikan adalah tidak tepat sama sekali, sehingga menggambarkan bekas Yang Berhormat daripada Kota Melaka mengalami masalah di dalam penjara dan ditekan dalam penjara, walhal hakikat sebenarnya beliau telah mendapat kemudahan yang lebih daripada seorang ahli banduan yang lain. Kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada beliau lebih daripada itu tetapi oleh kerana tindakan ini adalah merupakan satu fakta yang tidak betul sebab itulah tindakan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang untuk menyaman Timbalan Menteri Dalam Negeri sampai hari ini senyap sunyi kerana dia tahu dia tidak bercakap benar. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Tawau.

**4.42 ptg.**

**Puan Chua Soon Bui [Tawau]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbincangan tentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Di awal Rancangan Malaysia Ketujuh, Malaysia lebih menumpukan kepada pembangunan makro dalam pelbagai sektor sementara ekonomi kita terus berkembang pada kadar 8% – hingga 10% setahun pada tahun 1996 hingga 1997. Krisis kewangan di pertengahan tahun 1997 telah membawa kesan negatif yang besar ke atas struktur kewangan kita. Sistem ekonomi kita telah turun menjuman. Saya puji struktur Kajian Separuh Penggal yang begitu terperinci ini kerana ia merupakan satu pendekatan yang holistic yang lebih memfokuskan kepada mempercepatkan proses pemulihan ekonomi. Saya berharap bagi jangka masa rancangan yang tinggal ini akan menambahkan polisi ekonomi untuk

keluar dari krisis ini meletakkan ekonomi kita kepada pertumbuhan yang kukuh demi memperbaiki kualiti kehidupan kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperkukuhkan ekonomi, kita mesti menumpukan kepada sektor-sektor yang mendatangkan hasil terutamanya sektor yang membawa hasil dari luar negara. Walaupun kebanyakan sektor seperti pembuatan, pembinaan, perkhidmatan dan pelaburan persendirian saling bekerjasama, adalah penting untuk mengaktifkan semula pelaburan-pelaburan persendirian untuk memudahkan pasaran berkembang. Insentif patut diberikan dan prosedur permohonan patut dipercepatkan supaya memudahkan produktiviti. Ini akan menambahkan pertumbuhan yang setaraf di sektor persendirian. Selain daripada itu, oleh kerana kebanyakan sektor pertanian seperti kelapa sawit, koko, getah dan sektor perikanan seperti udang, ikan dan sebagainya membawa masuk banyak hasil dari luar negara, saya mencadangkan supaya pihak-pihak berkaitan dapat menubuhkan satu jawatankuasa khas dengan sektor-sektor persendirian untuk membincang mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor-sektor persendirian demi memperbaiki kualiti dan menambah produktiviti dan seterusnya akan mengukuhkan lagi hasil dari pasaran eksport.

Di Sabah terutamanya di Tawau para pekebun kecil di bidang pertanian menghadapi dua masalah:

- (a) Pekerja yang tidak mencukupi - walaupun kita berusaha mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing, kita tidak boleh abaikan hasil-hasil pertanian atau sektor pemprosesan balak yang bernilai berbilion ringgit. Walaupun Kementerian Dalam Negeri telah mengumumkan akan menarik balik pengharaman ke atas pengambilan pekerja asing di sektor ini, adakah ini satu polisi terbuka yang boleh dilaksanakan terus untuk mengelakkan kehilangan hasil yang terbanyak.

- (b) Infrastruktur asas terhadap jalan-jalan estet di Tawau - seperti yang selalu saya sebutkan sebelum ini keadaan jalan yang menyedihkan seperti kawasan Kelumpang, Ulu Kelumpang dan Sungai Burung menyebabkan para pekebun kecil ini sukar untuk menyelenggara tanah mereka pada kos yang rendah. Malah sebahagiannya terpaksa membiarkan tanah mereka kerana masalah mobiliti yang sukar. Saya ingin merayu sekali lagi kepada pihak-pihak yang berkenaan agar dapat memperbaiki tahap jalan raya di kawasan ini semasa kajian Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Penternakan udang di Tawau adalah terbesar di Sabah iaitu lebih kurang 5,000 ekar dimiliki oleh sektor persendirian. Pengeluarannya setahun ialah lebih kurang 4,000 hingga 5,000 tan yang bernilai lebih kurang RM128 juta hasil luar negara. Kejadian wabak 'white spot' dan penyakit yang berkaitan baru-baru ini telah menyerang ternakan udang ini dengan teruknya di Tawau. Penyakit 'white spot' telah menyebabkan udang-udang ini mati dalam masa yang singkat dan ia telah menyerang lebih kurang 40% ladang ternakan udang ini. Punca krisis ini belum diketahui lagi. Penyebab penyakit belum dikesan kerana pemiliknya tidak mempunyai keupayaan untuk membuat penyelidikan. Saya menyeru kepada Menteri Pertanian agar dapat menubuhkan sebuah makmal penyelidikan dan pembangunan di Tawau untuk hasil perikanan terutamanya untuk penternakan udang. Ini akan membantu penternak-penternak ini menambahkan pengetahuan dan kemahiran atas ketulenan air bidang penternakan, pembuangan sisa dan faktor alam sekitar terutamanya semasa krisis. Oleh kerana perkara ini sangat mendesak, pihak kementerian harus memberi bantuan sementara, untuk mengkaji dan menyelesaikan masalah ini sebelum ia berlarutan.

Tuan Yang di-Pertua, pembasmian kemiskinan, pengalihan pendapatan dan penyusunan semula masyarakat - saya ingin memuji kerajaan kerana mengambil tindakan yang berterusan untuk membasmi kemiskinan. Sebagaimana yang kita dapat lihat di seluruh pelosok dunia, perbezaan yang besar di antara yang terlalu kaya dan



yang terlalu miskin akan memberi kesan ke atas tahap sosial, ekonomi dan kestabilan politik di sesebuah negara. Pengalaman menunjukkan bahawa agenda utama diambilkan untuk membangun Afrika ialah mengurangkan kemiskinan melalui pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang pesat. Usaha-usaha lanjut diperlukan untuk mencapai sasaran yang dirancang dengan mengurangkan bilangan tahap kemiskinan dan termiskin di Sabah.

Dalam membasmi kemiskinan di Sabah amnya, dan di Tawau khususnya, apakah strategi dan program yang akan dilaksanakan untuk menjana pertumbuhan ekonomi terutamanya untuk keluarga yang berpendapatan rendah? Bilakah program-program ini akan dilaksanakan dan berapakah peruntukan yang disediakan? Sebagai sebahagian pelan tindakan untuk mengurangkan kadar kemiskinan, perhatian juga patut difokuskan di atas kualiti pendidikan terutamanya di kawasan pedalaman, bidang kesihatan dan perubatan dan penyaluran bekalan elektrik di luar bandar dan sumber air bersih.

Tuan Yang di-Pertua, di Tawau kebanyakan kampung di Pulau Sebatik, Merotai dan di pekan Kalabakan masih belum mempunyai sumber air yang bersih dan bekalan elektrik. Ini adalah keperluan-keperluan asas untuk pembangunan yang setara. Saya menggesa pihak-pihak yang berkenaan agar dapat melihat semula atas peri mustahaknya pembangunan ini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kerana Tawau merupakan salah sebuah bandar di Sabah yang mempunyai kadar kemiskinan dan termiskin yang tinggi.

Saya telah berkali-kali mengutarakan perkara ini dan sekarang ada masanya untuk mengambil tindakan. Sekurang-kurangnya kita dapat melihat tindakan awal dibuat agar dapat diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Lain-lain infrastruktur yang perlu diperbaiki ialah pembinaan jalan-jalan raya, jambatan dan jeti untuk para nelayan. Saya merayu kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar agar dapat memberikan perhatian khusus dan bantuan untuk membuka ruang pembangunan untuk rakyat kita yang hidup dalam kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, berapa banyak bantuan dan program yang telah dilaksanakan di Tawau setakat ini untuk program PPRT. Kita nampaknya menghadapi pelbagai masalah dalam pemberian PPRT kepada rakyat termiskin di kampung. Apakah masalah-masalah yang dihadapi dan bagaimanakah kementerian bercadang untuk mengatasi masalah ini. Berapa banyak peruntukan akan diberikan untuk PPRT di Tawau semasa Kajian Separuh Penggal ini.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Kajian Separuh Penggal ini akan bergantung kepada usaha sama di antara kerajaan, masyarakat dan sektor persendirian dalam usaha untuk memulihkan ekonomi, yang paling penting sekali ini adalah usaha semua rakyat dalam memastikan kestabilan politik dan keyakinan dalam agenda kerajaan. Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Kuala Pilah.

**4.53 ptg.**

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada minggu yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua jentera kerajaan khususnya melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang telah berjaya menampakkan tanda-tanda pemulihan positif ekonomi negara daripada kegawatan yang melanda negara dari segi ekonominya bermula pada Julai 1997 yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa amat bersyukur kerana kerajaan yang begitu prihatin dan cekap dalam mengambil tindakan segera untuk menghalang dan seterusnya memperbaiki haluan perkembangan ekonomi ke arah landasan yang betul untuk pemulihan seterusnya. Kerajaan telah berjaya menghalangi penguncupan

ekonomi walaupun pada mulanya banyak kritikan dibuat oleh seluruh pihak termasuk daripada antarabangsa. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pemulihan ekonomi kini berada ke arah yang betul, saya percaya dan yakin bahawa pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan sekarang ini akan berterusan dan akhirnya, insya-Allah, kita akan mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketujuh. Seterusnya kita berharap semoga kegawatan ekonomi yang telah kita alami pada pertengahan tahun 1997 itu tidak akan berulang semula. Justeru itu, kita semua berhati-hatilah menguruskan rancangan pengurusan ekonomi di samping memantapkan lagi kedudukan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, pada minggu lepas pihak asing memberikan pandangan optimistik terhadap prospek ekonomi di Malaysia ini. Juga, saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini, pada dua, tiga hari yang lampau kelihatan BSKL telah menunjukkan satu lonjakan yang amat menarik dan ini jelas sekali menunjukkan bahawa asas ekonomi kita sedang terus mengukuh dan faktor teknikal disandar kuat oleh fundamental atau dasarnya. Pelaburan tempatan perlu menggunakan bayangan yang mengukuh ini sebagai alasan untuk kukuh terus mengumpul dan juga pihak-pihak berkenaan cuba mengumpul saham-saham berasas kukuh sebagai pelaburan di masa hari muka.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya di Dewan yang mulia ini mengambil kesempatan untuk memberi penjelasan bahawa dalam ucapan dasar menyentuh berkenaan Titah Ucapan Diraja tempoh hari, saya telah membangkitkan di Dewan yang mulia ini, memberi pandangan, kalau boleh saya mohon izin, melalui Dewan yang mulia ini, mengikut apa yang tercatat di dalam *Hansard* dari muka surat 63 sehingga 79. Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah tempat kita memberi pandangan, teguran dan sebagainya demi untuk mencari kebaikan dan perkara ini saya harap tidak disalahtafsirkan. Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, dalam *Hansard* muka surat 65, perenggan 2, saya ada menyatakan: "*Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya dengan tulus ikhlas menyatakan sokongan kuat*

*saya tentang adanya berita yang menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi bersedia menimbangkan untuk mengkaji semula undang-undang berkaitan dengan penahanan tanpa perbicaraan khususnya Akta Keselamatan Dalam Negeri atau lebih dikenali sebagai AKDN atau ISA sama ada patut dimansuhkan”.*

Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan supaya perlu atau tidak ISA ini diulang kaji - itu sahaja. Dan seterusnya di muka surat 69 perenggan 3, selepas saya menjelaskan begitu panjang lebar saya ada menyebut di sini - ini apa yang tercatat di dalam *Hansard*, Tuan Yang di-Pertua, *“Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan ini bukan saya menolak seterusnya tetapi cara penggunaan, budi bicara yang digunakan itu telah lari jauh daripada asal asasnya”*. Ini soal yang saya bangkitkan, inti pati yang saya bangkitkan. Saya merasa amat dukacita, Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai ahli Dewan inilah tempat kita, dengan izin, articulate ataupun berbahas, inilah tempatnya. Apa yang saya tegur itu untuk kebaikan, semata-mata untuk kebaikan, janganlah pula ada seolah-olah menganggap saya ini sebagai pembangkang. Demi Allah, demi Rasul, saya bercakap di Dewan yang mulia ini, saya tidak akan sekali-kali mengkhianati ataupun bersama dengan pembangkang, kalau saya hendak menjadi pembangkang, saya tidak akan masuk bertanding dalam Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini juga adanya pihak-pihak yang membuat cemuhan dengan surat-surat menghentam apa yang saya perkatakan dalam Dewan yang mulia ini, tempat kita inilah, Dewan yang mulia inilah satu-satu tempatnya, kita berhujah, kita bertukar pendapat dan juga untuk mengeluarkan pendapat, tidak di kedai-kedai kopi, tidak di belakang-belakang garaj ataupun sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya bersungguh-sungguhlah, dari segi keselamatan saya hendak menyatakan di sini, ISA yang saya harapkan itu perlu dikaji semula, bermakna apabila kajian dibuat atau pindaan yang perlu dibuat atau perlu kita kemaskinkan ataupun sebaliknya kita mansuhkan, tetapi bagi peribadi saya sebagai

yang telah terlibat dalam hal Akta ini, yang telah menyelamatkan negara semasa Peristiwa 13 Mei, menyelamatkan negara semasa konfrontasi dan saya sendiri terlibat bahawa undang-undang berkonsepkan ini amat perlu di Malaysia ini. Yang saya bangkitkan dari segi perundangan *per se* yang saya maksudkan dari segi perundangan bahawa dalam undang-undang ini secara prosedurnya, cara-cara peruntukannya, cara mana kita mengambil tindakan ISA contohnya, pengalaman saya jelas sekali selama beberapa tahun dalam polis, keadaan dalam bahagian itu, sebelum tindakan ISA diambil, perlu kita membuat kertas atau kes fail dan sebagainya.

Kalau sekiranya ada sesuatu kesalahan itu boleh dan cukup bukti-bukti boleh kita dakwa dalam mahkamah, kita buat. Kalau sekiranya dari segi keselamatan, dari segi sensitiviti keadaan, dari segi information yang diberi itu tidak boleh dikeluarkan, maka kita gunakan ISA, inilah cara-caranya. Saya tegur ini, takutkan kerana perbuatan kita sebagai manusia tidak lari dari kelemahan dan sebagainya kerana setelah 39 tahun Akta ini diedarkan dan perubahan dan kajian semula bukan semestinya kita mansuhkan dan kita boleh juga memantapkan lagi dengan adanya sesetengah pendapat yang mengatakan mungkin kita tukar nama Akta itu tetapi matlamatnya sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan di Dewan yang mulia ini, supaya kita bersikap lebih terbuka dan pandangan yang lebih rasional dalam sesuatu penghayatan kita kerana kita tidak boleh, kita hendak jadikan Dewan yang mulia ini, satu tempat, tidak perlu saya dipuji oleh pihak pembangkang, sahabat saya dari Kubang Kerian menyatakan itu cara dialah, tetapi semestinya yang penting sekali kematangan kita berfikir dalam Dewan yang mulia ini. Dan kita tidak semestinya bersikap jumud dalam pemikiran kita. Ini saya hendak sarankan supaya kita bersikap

terbuka demi sayangkan kerajaan, sayangkan pemerintahan bangsa kita perlu kita, tegur apa yang baik, kalau yang tidak baik, itu kita ketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izinkan saya terus bersikap demikian kerana ini contoh saya dan biarpun saya perlu diketepikan, itu terpulang kepada pihak-pihak yang berkenaan, saya tidak gusar dan kluatir walau sedikit sekali pun.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, kepada muka surat 21 ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, para 33 yang ada menyentuh berkaitan menggiatkan semula sektor pertanian dan luar bandar.

Pertanian ini amat penting dan kerajaan semasa Allahyarham Tun Razak dahulu telah mewujudkan 'Buku Hijau' yang menyarankan supaya rakyat menumpukan, menggalakkan sektor pertanian dan saya harap perkara ini, Kementerian Pertanian khususnya dalam suasana kegawatan ekonomi ini sebagai contoh, kita jangan tunggu masa kita menghadapi masalah dan sebaliknya bersikap proaktif supaya mempertingkatkan sektor pertanian di setiap masa. Saya cukup bersetujulah dan menyokong kerajaan melebihi peruntukan dalam sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini juga saya ingin menyentuh dari segi tambahan, dari segi bantuan makanan yang berjumlah RM1 bilion dan juga kepada sektor luar bandar, saya ingin menyentuh dari segi bantuan kewangan kepada sektor tanam semula getah.

Tuan Yang di-Pertua, di masa-masa kebelakangan ini terdapat kerajaan mengurangkan peruntukan kepada tanaman getah semula. Kalau dahulunya kerajaan menggalakkan sekurang-kurangnya 40,000 hektar tanah di sektor tanam semula,

tetapi sekarang telah dipotong setengah hanya lebih kurang 20,000 hektar sahaja kepada penanam-penanam getah semula.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya permohonan terlalu banyak sekarang daripada FELDA, FELCRA dan diruuskan oleh RISDA, bagaimana pihak RISDA hendak menunaikan tanggungjawab mereka kalau sekiranya peruntukan itu tidak mencukupi, setengah-setengah pihak ada berpendapat kononnya pihak kutipan ses mencukupi. Mengikut kajian terperinci yang kita dapati bahawa kutipan ses itu tidak mencukupi, kalau dikaji dengan penuh terperinci kutipan yang terkumpul sebagai kutipan ses hanya tidak cukup untuk hendak membiayai kos pembangunan tanam semula bagi sesuatu hektar ataupun yang dipohon.

Dalam perkara ini, saya berharap amat sangatlah dan menyarankan supaya kerajaan memikirkan agar lebih peruntukan disalurkan kepada RISDA untuk pihak yang berkenaan menjalankan tanggungjawab kepada penanam-penanam dan pekebun-pekebun getah di seluruh Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat bersetuju kepada saranan supaya konsep tanaman ataupun pertanian itu perlu secara berskala besar ataupun secara besar, secara komersial yang lebih besar atau secara estatisation, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, ini perlu kerana setiap tanaman atau pengestetan itu secara kelompok atau lebih besar akan mengurangkan kos pembangunan-nya. Saya harap pihak-pihak yang berkenaan juga akan memberi kerjasama dalam perkara ini supaya dapat melaksanakan dengan lebih teratur.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh dari segi penswastaan. Saya amat bersetuju bahawa kerajaan telah memperakui dan mengakui bahawa secara penswastaanlah telah banyak membantu ekonomi kerajaan dan ekonomi negara dan juga membantu kerajaan dari segi membiayai, menampung

perbelanjaan, membayar gaji kepada ramai kakitangan awam dan juga mempertingkatkan efisiensi dalam sektor-sektor yang berkenaan. Di samping kebaikan ini, izinkan saya menegur serba sedikit tentang kelemahan iaitu adanya setengah-setengah sektor ataupun bahagian-bahagian yang mana obligasi sosialnya maknanya tanggungjawab kerajaan kepada kumpulan itu amat penting maka perlulah dikaji terlebih dahulu dari segi viabilitinya sama ada boleh kita swastakan ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkata demikian disebabkan berlakunya kadangkala kumpulan-kumpulan korporat gergasi yang begitu ghairah untuk memandang keuntungan lupakan tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, contohnya IWK tidak payah kita sebutlah dalam Dewan yang mulia ini, telah banyak kita percakapkan, cara pelaksanaannya itu perlu teratur, pengurusannya terkawal dan akibatnya tidak melemahkan ataupun merosakkan perasaan rakyat sejagat. Dan begitu juga soal kutipan tol sekarang ini.

Saya sebut perkara ini, tol kita mahu, kita hendakkan tol dan juga jalan yang baik. Tetapi kenaikan pembayaran kutipan itu perlulah dibuat jangan terlalu tinggi dan peningkatan pembayaran itu tidak dinaikkan sewenang-wenangnya hingga boleh menyebabkan rakyat berasa cukup terdesak oleh kenaikan begitu banyak, begitu mendadak dan hingga kadangkala menyusahkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kita mestilah sensitif juga, sebagai contoh saya sebut baru-baru ini, daripada Kajang hendak pergi ke Kuala Lumpur, sekarang ini ada tiga kutipan tol, 50 sen, 50 sen, 40 sen dan kesemuanya akan memakan belanja RM1.40. Apakah salahnya kalau boleh satu kutipan sahaja, sungguhpun ada tiga konsesi, ini boleh dirundingkan asalkan ada kerjasama dan jangan menyusahkan rakyat dan juga tidak mendatangkan rasional dari segi kecepatan dan sebagainya. Ini saya



fikir kita perlu berhati-hati kerana teguran ini bukan saya bangkitkan untuk saya tetapi inilah rintihan rakyat di bawah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya berucap. Sekian, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Jerlun.

**5.10 ptg.**

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Walau pun negara telah membangun dengan pesat berdasarkan pembangunan perindustrian, sektor pertanian masih merupakan satu sektor yang penting. Dasar Pertanian Negara Ketiga menganggarkan 7% daripada guna tenaga negara akan terlibat dalam sektor pertanian - satu jumlah yang kecil sahaja. Walau bagaimanapun peratusan penduduk yang kecil itu yang terlibat dalam sektor pertanian hampir kesemuanya berada di luar bandar, di negeri-negeri seperti di negeri Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah dan di kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negara. Walaupun mungkin dari segi ekonomi sektor pertanian ini tidak besar, tetapi dari segi politik sektor ini adalah sangat penting. UMNO bergantung kepada sokongan daripada penduduk luar bandar. Oleh itu kerajaan bergantung kepada penduduk luar bandar juga.

Kita perhatikan sekarang bahawa parti-parti pembangkang seperti PAS juga sedang giat mendapat sokongan daripada kumpulan yang sama di negeri-negeri sama seperti di Kedah dan lain-lain negeri. Oleh itu janganlah kerajaan lupa akan hakikat ini. Janganlah kita terlalu ghairah untuk pembangunan perindustrian dan segala yang canggih ini sehinggakan kita terlupa sektor pertanian. Mereka yang terlibat dalam

sektor ini akan tertinggal dan berasa ditinggalkan oleh kerajaan. Akibatnya dari segi politik adalah merbahaya kepada kekuatan politik kerajaan.

Sekarang ini sektor pertanian dalam negara kita berada dalam kedudukan yang sangat mencabar. Negara kita mengimport makanan sehingga RM10 bilion pada tahun 1998. Walaupun kita mempunyai ramai yang terlibat dalam penanaman dan ternakan, ini adalah satu angka yang besar. Semuanya kita import, ikan, sayur, daging, buah-buahan, jagung dan juga makanan, minuman dalam tin dan botol. Pada masa yang sama terdapat begitu banyak tanah-tanah pertanian yang tidak diusahakan. Negara kita dikelilingi oleh laut tetapi kita import ikan begitu banyak. Tanah kita begitu subur dan cuaca dalam negara begitu baik tetapi kita tidak dapat usahakan penanaman untuk menampung keperluan dalam negara bukan untuk dieksport, untuk kegunaan dalam negara pun tidak cukup.

Baru-baru ini kelapa pun kita kena import sebab tidak cukup. Ayam pun sekarang ini pun kita kena import juga. Jadi, apa yang kita hendak buat. Saya memohon kepada kerajaan untuk menjelaskan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ini khususnya di dalam Dasar Pertanian Yang Ketiga ini.

Dalam pada kita berdepan dengan masalah ini, kita juga dengar yang AFTA akan dilaksanakan pada tahun 2003. Mengikut AFTA, cukai import barang-barang daripada negara-negara ini akan diturunkan atau dikurangkan. Barang-barang yang dimaksudkan termasuklah barang-barang pertanian. Kita tahu bahawa kos pengeluaran di negara-negara jiran seperti di Indonesia dan di Thailand adalah lebih rendah daripada kita. Mereka juga negara yang mengeluarkan hasil pertanian yang sama dengan kita. Tanpa cukai import hasil pertanian daripada negara-negara jiran akan menjadi lebih murah daripada hasil dalam negara. Ini akan menambahkan lagi import pertanian. Saya sangat bimbang akan kesan AFTA ini kepada sektor pertanian negara. Oleh itu, saya ingin bertanya bagaimana kita hendak kurangkan import makanan bila kita laksanakan AFTA ini kelak?

Tuan Yang di-Pertua, kita ada Pusat Penyelidikan Pertanian seperti MARDI dan kita juga ada universiti-universiti yang menjalankan penyelidikan mengenai pertanian seperti UPM. Kita ada juga Institut Penyelidikan Perikanan dan lain-lain institusi seperti PORIM dan RRI. Soalnya, bagaimanakah kita guna hasil-hasil penyelidikan ini untuk membantu kita bagi selesaikan masalah yang saya sebutkan tadi untuk bangunkan sektor pertanian dan kurangkan import makanan.

Saya lihat kepada negara jiran kita, Thailand. Kita kadang-kadang suka pandang rendah Thailand ini. Kita selalu kata barang mereka murah dan tidak ada kualiti, tetapi setiap hujung minggu ramai rakyat Malaysia pergi membeli-belah di Padang Besar, Bukit Kayu Hitam ataupun Rantau Panjang. Thailand juga mengeluarkan hasil pertanian yang sama dengan kita, padi dan buah-buahan. Dahulunya kita selalu mempermainkan kualiti buah-buahan mereka, anggur mereka masam, durian mereka tawar dan sebagainya. Tetapi hasil daripada R&D mereka, sekarang ini anggur mereka sudah manis dan durian mereka juga lemak, manis dan elok. Orang Malaysia sendiri suka membelinya dan akibat daripada itu sektor pertanian mereka membangun.

Di negara kita ini jika kita mahu membangunkan sektor ini kenalah kita gunakan hasil R&D ini untuk menghasilkan produk-produk pertanian yang baru. Kita kena bangunkan industri minuman dan makanan yang lebih menggunakan input pertanian. Kita kena mempelajari bagaimana Thailand yang mempunyai sektor pertanian luar bandar juga dapat bangunkan sektor tersebut. Kita kena bersaing dengan mereka di dalam sektor ini. Begitulah juga halnya dengan sektor perikanan. Masa depan perikanan bergantung kepada menjadikan usaha penangkapan ikan sebagai satu usaha moden, berskala besar dan menggunakan teknologi tinggi. Dengan itu juga kita dapat mengubah masyarakat nelayan pantai di negara kita. Dengan itu juga kita

dapat bangunkan sektor sokongan seperti pemerosesan hasil perikanan secara besar-besaran. Kita dapat bangunkan sektor perkapalan negara. Akibat ini semua import ikan kita boleh berkurangan dan kita boleh mengeksport hasil perikanan. Kita telah cuba melibatkan diri dalam usaha penangkapan ikan laut dalam tetapi kurang berjaya. Usaha ini perlulah diteruskan juga.

Perkara yang seterusnya ialah dalam menjayakan usaha pembangunan pertanian ini kita kenalah ada kerjasama di antara kerajaan-kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat kerana usaha pertanian ini melibatkan tanah yang berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Pada masa yang sama, Kerajaan Pusat menggubal dasar termasuk Dasar Perdagangan Antarabangsa, kadang-kadang kepentingan sektor industri bercanggah dengan kepentingan sektor pertanian. Oleh itu, kita kena ada perimbangan supaya jangka panjang sektor pertanian dan mereka yang bergantung kepada sektor tersebut boleh terus hidup seiring dengan sektor-sektor yang lain.

Untuk menggalakkan pertumbuhan sektor pertanian, mungkin perlu dibincangkan kemungkinan membenarkan pelaburan asing di dalam sektor ini. Kita tahu daripada pengalaman kita bahawa sektor industri pembuatan dalam negara telah berkembang dengan pelaburan asing sejak lebih 20 tahun kebelakangan ini. Mungkin pendekatan yang sama boleh digunakan untuk membangunkan sektor pertanian. Walau bagaimanapun, jika kita mengarah ke situ kita perlulah pastikan bahawa kepentingan petani tempatan serta soal hak milik tanah pertanian oleh warga asing boleh dipelihara dan dianalisa secara yang terperinci. Dengan kata-kata itu saya menyokong usul ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Seremban.

**5.20 ptg.**

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berbahas usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari. Saya sangat gembira apabila melihat kerajaan telah menambah peruntukan pembangunan untuk IT daripada RM2 bilion kepada RM4 bilion. Langkah ini akan mempergiatkan lagi pembangunan IT di negara ini. Ini juga menunjukkan bahawa kerajaan memang berhasrat untuk memajukan bidang IT secepat mungkin. Sebenarnya National Information Technology Council, dengan izin, telah ditubuhkan pada tahun 1994 untuk memberi pimpinan dalam pembangunan IT di negara ini. National IT agenda juga telah dilancarkan pada Disember 1996 dan MSC juga diwujudkan. Beberapa undang-undang juga telah kita bincangkan, bahaskan dan diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini. Langkah-langkah ini adalah amat positif dan bijak untuk membangunkan IT supaya ia boleh melahirkan lebih banyak knowledge workers, dengan izin, dan meningkatkan daya saing Malaysia di dunia ini. Langkah-langkah ini amat sesuai dengan slogan kata NITC iaitu “turning ripples into tidal waves”, dengan izin. Saya ingin tahu sama ada kerajaan berpuas hati terhadap sambutan daripada rakyat dan pencapaian yang diperolehi setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya usaha harus dipertingkatkan lagi bagi memajukan sektor baru ini. Rakyat Malaysia masih tidak menggunakan IT dan kemudahan IT dalam urusannya sebaliknya ramai yang lebih berminat untuk menggunakan Internet untuk menyebarkan fitnah dan lain-lain yang tidak mendatangkan manfaat kepada diri sendiri atau negara kita. Bagi urusan swasta dan awam kita masih jauh daripada paperless. Sebaliknya mungkin telah bertambah lebih banyak papers, dengan izin, dalam urusan kerajaan. Sebagai contoh saya ingin berikan, iaitu setiap tahun beribu-ribu pelajar lepasan STPM berebut-rebut untuk mendapat

borang permohonan. Agaknya bila mereka boleh menggunakan kemudahan IT untuk mengemukakan permohonan mereka.

Bill Gate dalam buku barunya *Business At The Speed of Thought – using a digital nervous system*, dengan izin, telah memberitahu kepada kita bahawa pembangunan IT dan penggunaan IT harus dipercepatkan kerana ia boleh meningkatkan produktiviti manusia. Kita harus mengkaji di tahap manakah penggunaan IT di Malaysia. E-Commerce umpamanya, di dunia ini telah bertambah pentingnya. Saya ingin tahu jumlah nilai perdagangan telah dibuat melalui e-commerce. Saya juga difahamkan bahawa hanya 25% syarikat yang disenaraikan di BSKL adalah Y2K compliance. Keadaan ini harus diberikan perhatian yang serius kerana ia akan menjejaskan keyakinan kepada pakar pelabur dari luar dan dalam negeri. Saya ingin tahu langkah yang sedang dan telah diambil untuk mengatasi masalah ini. Kita sudah lama sebut sekolah bestari. Saya ingin tahu juga sejauh manakah projek ini telah mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia kerana sentiasa prihatin kepada kebajikan para pekerja. Untuk memastikan bahawa majikan tidak sewenang-wenangnya memberhentikan pekerjaanya dalam keadaan kegawatan ekonomi, satu garis panduan pemberhentian pekerja telah dikuatkuasakan pada 1 Ogos 1998. Saya ingin tahu berapa buah syarikat yang telah melanggar peraturan ini dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dua hari yang sudah, satu kumpulan seramai 100 pekerja telah berkumpul di Wisma Persekutuan untuk tunjuk perasaan kerana mereka telah diberhentikan kerjanya oleh sebuah Syarikat Sin Lee Plywood Sdn. Bhd. dan mereka masih tidak bayar tuntutan-tuntutan yang mereka menuntut seperti retrenchment benefits dan sebagainya. Saya rasa kebajikan pekerja ini harus kita pertahankan dan saya bercadang supaya kerajaan mengkaji semula tentang undang-undang yang sedia ada supaya syarikat apabila di bawah receivership, dengan izin, hak pekerja dapat dilindungi dengan secukupnya. Saya diberitahu oleh pegawai buruh di Negeri

Sembilan bahawa Syarikat Sin Lee Plywood Sdn. Bhd. ini memang di bawah receivership dan oleh kerana itulah mereka tidak boleh membayar segala tuntutan kepada pekerja kerana mereka mesti membayar kepada secured creditors, dengan izin, terlebih dahulu. Kalau ada balance, maka bolehlah dibayar kepada pekerja dan creditors yang lain. Oleh kerana itu, saya minta kerajaan supaya mengambil satu langkah yang agak positif supaya kebajikan pekerja-pekerja ini dapat dilindungi dengan secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, bekalan air adalah merupakan satu benda yang amat penting. Negara kita tidak seharusnya mengalami masalah kekurangan bekalan air. Ini kerana Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai iklim cuaca dengan hujan yang cukup. Tambahan pula negara kita juga mempunyai cukup banyak sungai, akan tetapi kita juga mengalami kekurangan bekalan air di beberapa buah negeri seperti negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah mewujudkan sebuah Majlis Sumber Air Negara pada Jun 1998 dan menyediakan sebanyak RM3 bilion sebagai pinjaman kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan projek-projek bekalan air untuk menampung permintaan air dalam tempoh sepuluh tahun akan datang.

Di Negeri Sembilan, catuan air masih diteruskan. Kekurangan air masih belum diselesaikan di Negeri Sembilan ini dan saya telah berjumpa dengan pegawai-pegawai di JBA dan saya diberitahu bahawa mereka tidak dapat melaksanakan projek-projek supaya meningkatkan bekalan air di negeri itu kerana mengalami kekurangan peruntukan. Oleh kerana bekalan air merupakan satu perkara yang amat penting, saya berharap kerajaan akan menimbangkan semula supaya permohonan daripada JBA Negeri Sembilan dapat ditimbangkan dengan sewajarnya. Sebenarnya di dalam Rancangan Malaysia Kelima pihak JBA dari Negeri Sembilan telah mengemukakan RM388 juta tetapi hanya diluluskan sebanyak RM200 juta sahaja dan dalam Rancangan Malaysia Keenam, mereka mengemukakan permohonan sebanyak RM440 juta tetapi dilulus cuma RM219 juta sahaja dan dalam Rancangan Malaysia

Ketujuh dipohon adalah sebanyak RM879 juta tetapi yang dilulus ialah cuma RM523 juta. Kalau kita tengok angka-angka ini – yang dipohon dan yang dilulus kita dapati bahawa yang diluluskan itu memang tidak cukup, iaitu tidak sampai 60% daripada yang dipohon itu telah diluluskan. Oleh kerana itulah JBA menghadapi masalah tidak cukup peruntukan untuk melaksanakan projek-projek bekalan air di Negeri Sembilan ini.

Saya juga hendak ingatkan kita semua bahawa apabila menghadapi krisis kekurangan air itu kita memang menghadapi cukup banyak masalah. Di Negeri Sembilan juga pada masa mengalami krisis kegawatan air itu, kerajaan negeri kena gunakan RM3 juta untuk menyewa lori dan sebagainya untuk mengatasi masalah itu. Jadi, ini merupakan satu perkara yang rumit dan berharap ini tidak akan berulang lagi pada masa-masa yang akan datang. Oleh kerana itu saya berharap kerajaan akan mengambil inisiatif supaya memastikan masalah ini tidak akan berulang pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor perbankan, saya mengalu-alukan tindakan yang diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk memastikan sistem perbankan di negara ini berjalan dengan baik dan berkesan. Saya bersetuju pelantikan ahli lembaga bank dikaji semula setiap dua tahun supaya sesiapa yang tidak menjalankan tugasnya dengan memuaskan akan ditamatkan perkhidmatannya. Saya juga bercadang supaya tindakan diambil terhadap pengurusan bank yang tidak mematuhi peraturan serta arahan Bank Negara Malaysia. Pada masa dahulu kita pernah melihat bank mengalami kerugian yang besar kerana pengurusannya tidak mengikut arahan daripada Bank Negara Malaysia tetapi orang yang bertanggungjawab .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat...

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya gulung, sedikit sahaja.....melakukan kesalahan ini tidak menerima sebarang tindakan yang sewajarnya. Saya menyokong.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan dtangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi  
esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*